

ERA BARU USNO

KEPIMPINAN

TAN SRI MOHD. SAID KERUAK

Hussain Yaakub

M
324.25953
HUS

349003
Hadiah
13 SEP. 1996
Perpustakaan Negara
Malaysia

Cetakan Pertama 1981

(c) Hakcipta terpelihara

Diterbitkan oleh

Hussain Yaakub
No 2, Pasar Minggu,
Kuala Lumpur.

Percetakan Wartagrafik Sdn. Bhd.
37, Persiaran Segambut Tengah,
Segambut, Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

TUJUAN utama buku ini ditulis ialah untuk menghargai usaha-usaha para pemimpin-pemimpin USNO yang telah berjaya memulihkan semula semangat penyokong-penyokong USNO yang telah hampir menyerah kalah kepada parti BERJAYA.

Satu hakikat yang harus diakui oleh semua pihak bahawa kalau tidak dengan usaha gigih Tan Sri Said Keruak, Datuk Dzulkipli Hamid dan kader-kader baru USNO, maka kedudukan USNO tidak sebagaimana yang ada pada hari ini.

Di sini saya merakamkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tan Sri Said Keruak, Presiden USNO yang sudi meluangkan masanya untuk bertukar-tukar fikiran mengenai pergolakan politik di Sabah.


Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Haji Ampong Puyon, Encik M. Salleh Tan Sri Said dan Encik Yahya bin Haji Zakaria yang mendorong saya menyusun dan menulis buku ini.

Sekian dan terima kasih adanya.

Hussain Va'acob,
15hb. Februari 1981

ISI KANDUNGAN

Bakat Tan Sri Said Keruak sebagai seorang pemimpin. . .	Muka 1
Usaha memulihkan semula USNO	Muka 10
BERJAYA gagal menelan USNO.	Muka 21
Kesederhanaannya dapat mengatasi cabaran-cabaran dalam parti	Muka 31
Kemunculan semula Tun Mustapha.	Muka 42
Perletakan jawatan Tun Mustapha.	Muka 53
Pertemuan bersejarah di Equatorial Hotel dengan Tun Fuad dan Harris	Muka 65
Desak Harris bubarkan BERJAYA	Muka 76
Tan Sri Said bakal Ketua Menteri	Muka 84
Tan Sri Said lambang perpaduan dalam USNO	Muka 92
Parti BERJAYA sudah tak ada modal lagi	Muka 101
Pembangunan tidak menjamin kemenangan BERJAYA.	Muka 114



BAKAT TAN SRI SAID KERUAK SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN

PENGLIBATAN Tan Sri Said Keruak secara langsung dengan pergolakan politik di Sabah bermula selepas lawatan Tun Mustapha ke Kota Belud, kira-kira dua bulan sebelum berlangsungnya kongres USNO yang pertama di Kudat pada tahun 1961.

Dalam lawatannya ke Kota Belud itu, Tun Mustapha telah menemui Orang K.K. Haji Anwar, Tan Sri Said Keruak dan pemimpin tempatan lainnya. Dan dalam pertemuan tersebut, Tun Mustapha telah memberi penerangan dan penjelasan mengenai kedudukan dan kebaikan "Gagasan Malaysia" yang disokong oleh USNO itu.

Tun Mustapha telah menyedari dari awal lagi bahawasanya kira-kira 30 peratus sahaja masyarakat Islam di Kota Belud yang menyokong gerakan kemerdekaan Sabah melalui Malaysia sebagaimana yang disarankan oleh Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj.

Tugas utama yang diberi oleh Tun Mustapha kepada Tan Sri Said pada waktu itu ialah untuk mendapat sokongan seratus peratus daripada masyarakat Islam di Kota Belud, khususnya dari suku-suku Bajau terhadap gagasan Malaysia.

Orang Kaya-Kaya Haji Anwar bin Haji Ahmad Arshad, seorang pemimpin masyarakat Islam yang terkemuka di Kota Belud dikatakan tidak begitu ghairah untuk menyokong gerakan kemerdekaan yang dipelopori oleh Tun Mustapha sedangkan beliau ialah orang yang paling penting sekali dalam menentukan sikap suku-kaum Bajau pada ketika itu.

Mengikut Tan Sri Said bahawa pada mulanya sikap O.K.K. Haji Anwar, telah dipengaruhi oleh pendapat G.S. Sundang (pemimpin Pasok Momugun) yang menghendaki supaya Sabah "merdeka dan berkerajaan sendiri dulu" sebelum membuat keputusan sama ada mahu menyertai Malaysia ataupun tidak.

Tidak ada jalan lain bagi Tun Mustapha untuk mendapat sokongan bulat dari masyarakat Islam dan suku-kaum Bajau di Kota Belud selagi O.K.K. Haji Anwar tidak mengubah sikapnya yang dianggap tidak secocok dengan perjuangan USNO pada waktu itu.

Tan Sri Said telah memberi kesanggupan kepada Tun Mustapha untuk mencari jalan dan ikhtiar bagi mengubah sikap bapa saudaranya (bapak saudara kepada Puan Sri) yang dikatakan tidak begitu berminat untuk menyokong perjuangan USNO.

Dengan kebijaksanaan dan pengaruh peribadi Tan Sri Said, Orang Kaya Kaya Haji Anwar bukan sahaja menyokong kemerdekaan Sabah melalui Malaysia, tetapi beliau juga sanggup menghadhiri kongres USNO yang pertama di Kudat.

Sebagai sebuah parti politik yang baru sahaja ditubuhkan, USNO sangat-sangat menghendaki sokongan dan tenaga dari mana-mana pemimpin masyarakat Islam yang berpengaruh seperti O.K.K. Haji Anwar itu.

Sokongan O.K.K. Haji Anwar bukan sahaja akan memperkuat kedudukan USNO tetapi juga akan mempercepatkan kemerdekaan Sabah melalui Malaysia. Tun Mustapha, sangat-sangat memerlukan pimpinan beliau pada ketika itu kerana sebagai pegawai kerajaan, Tan Sri Said belum boleh mengambil

bahagian yang cergas dalam arena politik.

Walaupun Tan Sri Said telah membuat keputusan muk-tamad akan menghadiri kongres USNO yang pertama itu, tetapi sebagai pegawai kerajaan beliau harus meminta izin dari pemerintah terlebih dahulu. Untuk mendapat keizinan dari pemerintah, beliau harus membuat surat rayuan kepada Residen di Kota Kinabalu.

Akhirnya beliau telah dibenarkan menghadiri kongres tersebut, tetapi dengan syarat hanya sebagai pemerhati sahaja. Dan beliau tidak dibenarkan berucap dalam kongres itu nanti.

Tan Sri Said terpaksa menghadapi satu masalah baru pula bila O.K.K. Haji Anwar tidak dapat menghadiri kongres itu kerana isterinya sakit. Dan ini bermakna tidak ada orang yang layak untuk menyuarakan hasrat atau pendapat masyarakat Islam dan suku-kaum Bajau di Kota Belud mengenai gagasan Malaysia dalam kongres itu.

Oleh kerana merasakan fikiran, pendapat, bahkan keputusan amat diperlukan dalam kongres itu, maka terpaksa Tan Sri Said sendiri mengambil tempat O.K.K. H.Anwar tanpa memperdulikan syarat yang dikenakan oleh Residen terhadapnya.

Walaupun beliau tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kongres tersebut, tetapi sebagai ketua perwakilan dari Kota Belud beliau terpaksa berucap dalam perhimpunan agung USNO itu.

Dalam ucapannya itu, beliau bukan sahaja menyokong perjuangan USNO dan gagasan Malaysia, tetapi beliau juga telah menyatakan kesanggupannya untuk terus berjuang, demi untuk kepentingan rakyat dan negeri Sabah.

Menerusi alat-alat pemerintah, Tuan Residen mendapat tahu tentang peranan dan sikap Tan Sri Said dalam kongres USNO itu. Dan beliaupun terus memanggil Tan Sri Said ke pejabatnya di Kota Kinabalu.

Tuan Residen telah memberi amaran kepada Tan Sri Said

supaya jangan melibatkan diri dengan pergolakan politik di Sabah. Beliau mengugut akan mengambil tindakan disiplin kalau Tan Sri Said masih berdegil.

Tan Sri Said, tidak sedikitpun gentar dengan gertak dan ugutan Residen itu, dan beliau terus aktif dalam USNO tanpa menghiraukan sebarang tindakan disiplin dari pihak yang berkuasa.

Mungkin kerana sikap dan cara Tan Sri Said sedemikian rupa, maka Residen tidak berani mengambil apa-apa tindakan terhadap beliau.

Bukan setakat ini sahaja bakat kepimpinan yang ditunjukkan oleh Tan Sri Said sebelum beliau dikenal sebagai seorang Menteri dan Presiden USNO.

Sebelum merdeka, Tan Sri Said dilantik sebagai ahli yang tidak rasmi dalam Majlis Mesyuarat Undangan Sabah, mewakili Kota Belud. Ketika menyandang jawatan inilah, beliau telah menunjukkan kemampuannya mengendalikan masalah berat bagi kebaikan rakyat yang diwakilinya.

Dalam satu peristiwa yang amat sensitif yang berlaku di Kota Belud pada ketika itu, Tan Sri Said telah membuktikan kemampuannya untuk menyelesaikan satu-satu masalah tanpa menggunakan kekerasan.

Peristiwa yang bersejarah di Kota Belud ini ialah mengenai satu salah-faham yang timbul di kalangan orang-orang Bajau terhadap satu rancangan Pegawai Daerah hendak melancarkan "kempen anti-malaria" di daerah itu.

Pegawai Daerah Kota Belud, Encik J.O. Bolas telah membuat keputusan untuk menguatkuasakan kempen anti-malaria itu di seluruh kampung. Tetapi orang-orang Bajau yang beragama Islam menentang keras kempen tersebut kerana mereka menganggap kempen itu sebagai satu perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Betapa seriusnya tentangan dan kemarahan orang-orang

Bajau ini dapat dilihat apabila mereka melancarkan bacaan surah Yasin dan minum air Yasin. Dan golongan fanatik ini menganggap bahawa tentangan mereka terhadap kempen anti malaria itu sebagai satu jihad untuk mempertahankan kehormatan Islam.

Pegawai Daerah sudah mulai ketakutan dan serbasalah. Beliau meminta Tan Sri Said campurtangan.

Memandangkan kempen anti malaria itu sebagai satu rancangan yang baik dan besar faedahnya kepada rakyat, Tan Sri Said tidak nampak mengapa tentangan orang-orang kampung itu dikaitkan dengan ugama Islam.

Tan Sri Said telah memberi pengakuan kepada Pegawai Daerah yang berkenaan bahawa beliau bersedia untuk campurtangan dalam masalah tersebut. Sebagai seorang Wakil Rakyat, (Ahli Majlis Mesyuarat yang dilantik oleh pemerintah Inggeris) beliau telah mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua kampung yang menentang rancangan menyembur sejenis minyak untuk menghapuskan nyamuk di kampung-kampung (anti malaria).

Tan Sri Said telah memberi penerangan dan penjelasan kepada ketua-ketua itu tentang kebaikan usaha kerajaan untuk membasmi nyamuk di kawasan luar bandar. Dan beliau menyeru kepada ketua-ketua kampung supaya memberi kerjasama kepada kerajaan untuk menjayakan rancangan kerajaan menjalankan kempen anti malaria.

Tetapi oleh kerana orang-orang kampung telah salah faham mengenai rancangan kerajaan itu sejak dari awal lagi, maka penerangan dan penjelasan Tan Sri Said pada mulanya, tidak begitu berkesan.

Akhirnya, Tan Sri Said telah mengatur satu perjumpaan di antara Pegawai Kota Belud dengan penentang-penentang kempen anti malaria itu disebuah kampung yang sudah ditentukan. Orang Kaya-Kaya Haji Anwar, Tan Sri Said dan O.C.P.D. Kota

Belud telah ikut serta dalam rombongan Pegawai Daerah itu.

Dalam perjalanan menuju ke kampung itu, rombongan Pegawai Daerah terpaksa menyeberang sebatang sungai. Orang-orang kampung sudahpun menunggu di seberang sungai dengan tujuan hendak menghalang rombongan itu. Mengikut rancangan awal mereka, perahu yang digunakan oleh Pegawai Daerah untuk menyeberang ke seberang sungai itu akan ditenggelamkan.

Rancangan jahat orang-orang itu telah diketahui terlebih dahulu oleh Tan Sri Said. Beliau tahu bahawa tentangan orang-orang kampung itu hanya ditujukan kepada orang-orang Inggeris, terutamanya Pegawai Daerah. Oleh itu sebagai satu muslihat untuk menghalang orang-orang kampung tersebut dari menganiaya Pegawai Daerah, Tan Sri Said menaiki perahu yang sama dengan Pegawai Daerah.

Orang-orang kampung tersebut, terpaksa membatalkan rancangan mereka untuk menenggelamkan perahu itu bila Tan Sri Said berada bersama dengan Tuan J.O.Bolas (Pegawai Daerah) dalam perahu tersebut. Dan akhirnya, selamatlah nyawa Pegawai Daerah itu dari bahaya maut yang dirancangan oleh penentang-penentang kempen anti malaria.

Pertemuan di antara orang-orang kampung dengan rombongan Pegawai Daerah itu dapat diteruskan juga. Tetapi kemarahan orang-orang kampung masih belum reda.

Dalam pertemuan tersebut, golongan fanatik itu cuba menggertak dan mengugut hendak menyerang Pegawai Daerah dan O.C.P.D. dan di dalam suasana yang tegang itu, Tan Sri telah berjaya menghalang orang-orang kampung tersebut daripada melakukan kekerasan terhadap Tuan J.O.Bolas.

Penerangan dan penjelasan Pegawai Daerah dan Tan Sri Said mengenai kebaikan rancangan kempen anti malaria itu, tidak dapat diterima oleh orang-orang kampung. Dan sebaliknya mereka menuntut supaya Pegawai Daerah membuat keputusan membatalkan sahaja rancangan tersebut.

Walau bagaimanapun, Tan Sri Said terus berusaha dan berikhtiar supaya penentang-penentang kempen anti malaria itu, dapat menukarkan sikap mereka yang degil, dan menerima rancangan tersebut.

Tetapi oleh kerana usaha Tan Sri Said yang gigih itu, tidak mendapat hasil yang memuaskan, maka beliau tidak ada jalan lain melainkan membawa perkara tersebut kepihak yang tertentu di Kota Kinabalu.

Mengikut Tan Sri Said bahawa cara yang sebaik-baiknya untuk menyelesaikan masalah tersebut ialah dengan menghantar satu pasukan polis dan mengepung kampung-kampung yang dianggap menjadi kubu kepada penentang-penentang rancangan itu.

Pihak Residen di Kota Kinabalu telah menerima pendapat dan cadangan Tan Sri Said. Dan satu pasukan polis telah dikirim ke kawasan-kawasan yang dianggap sensitif.

Tan Sri Said sendiri telah mengambil peranan yang utama untuk memujuk dan merayu orang-orang kampung itu supaya menerima rancangan kerajaan yang bertujuan untuk membasmi penyakit demam malaria di kawasan luar bandar.

Beliau telah memberi jaminan kepada penduduk-penduduk kampung tersebut bahawa pihak polis tidak akan bertindak menangkap mereka kalau sekiranya mereka sanggup menukarkan "sikap yang degil" itu. Jaminan Tan Sri Said itu, telah mendorong ketua-ketua penentang itu menemui-pihak yang berkenaan. Dan akhirnya, salah faham mengenai kempen anti malaria itu telah dapat dihapuskan.

Dengan selesainya persengketaan itu, maka Pegawai Daerah boleh menghantar pekerja-pekerjanya untuk membasmi demam nyamuk atau demam kura di kampung-kampung yang selama ini ditentang oleh orang-orang Bajau.

Kejayaan Tan Sri Said Keruak mengendalikan dua peris-

tiwa yang bersejarah itu, (menukarkan sikap O.K.K.H.Anwar dan menamatkan persengketaan di antara Pegawai Daerah dengan orang-orang Bajau) membuktikan bahawa beliau mempunyai bakat kepimpinan yang luar biasa.

Tan Sri Said mulai berkhidmat dengan kerajaan sebagai kerani di Papar pada tahun 1941. Dan pada awal tahun 50an beliau ditukarkan ke Mahkamah Anak negeri di Kudat. Diwaktu berkhidmat di Kudat inilah, Tan Sri Said mulai berkenalan dengan Tun Mustapha.

Ketika di bawah pentadbiran Inggeris, Tan Sri Said tidak begitu senang dengan cara pegawai-pegawai Inggeris melayani kakitangan dari kaum Bumiputera.

Pernah pada satu hari, Tan Sri Said bertengkar dengan "tuannya" (Pegawai Inggeris) kerana sebab-sebab yang tertentu. Oleh kerana Tan Sri tidak mahu tunduk kepada pegawai itu, beliau terus meletakkan jawatan dengan memberi notis 24 jam.

Kira-kira lima bulan kemudian barulah Tan Sri Said dipanggil semula. Beliau diberi jawatan sebagai Setiausaha Majlis Tempatan di Kota Belud.

Untuk menambahkan lagi pengetahuannya mengenai pentadbiran, Tan Sri Said telah dihantar berkursus ke London dalam tahun 1962 selama hampir setahun.

Tan Sri Said dilahirkan di Kampung Pirasan kira-kira 53 tahun lalu, datuknya dalam sebelah bapa adalah berketurunan Dusun yang telah memeluk agama Islam di Kampung Pirasan. (Perkampungan Bajau) Isteri datuk Tan Sri Said itu ialah seorang Bajau.

Mengikut adat kaum Bajau seseorang dari suku lain yang berkahwin dengan wanita Bajau dan menetap di perkampungan Bajau, maka dengan sendirinya ia dianggap Bajau.

Datuk Tan Sri Said sebelah ibu pula adalah dari keturunan campuran Bajau-Dusun-Illanun.

Ayah Tan Sri Said ialah seorang Ketua Anak Negeri. Tan

Sri Said berkahwin dengan Puan Bandong pada tahun 1948. Bapa Puan Sri Bandong atau bapa mertua kepada Tan Sri Said ialah orang kaya-kaya Hasbullah bin Haji Arshad. Dan ini bererti juga bahawa Datuk Ashkar Hasbullah, Setiausaha Agong USNO sekarang, adalah ipar kepada Tan Sri Said.

Tan Sri Said telah dipilih sebagai Naib Presiden USNO pada tahun 1963. Dan pada tahun yang sama (31hb. Ogos) beliau dilantik sebagai Menteri Pertanian dan Perikanan Negeri dalam kabinet Allahyarham Tun Fuad.

Tan Sri Said dan Datuk Harris Salleh, ialah pemimpin USNO yang pertama sekali dilantik sebagai Menteri bila-Sabah mencapai kemerdekaan. Tan Sri Said mewakili kawasan Parli-men Kota Belud sejak tahun 1969 hingga hari ini.

Walaupun beliau sibuk dalam urusan-urusan politik, tetapi Tan Sri Said tetap mengambil berat terhadap keluarganya. Anak-anak beliau telah diberi pelajaran yang baik.

1. Saidatul Badru, lulus di Institut Teknologi MARA, (ITM) suaminya, En. Azmi bin Tan Sri Hamid Bidin, seorang ahli perniagaan yang berjaya.
2. Sandralilah, lulus Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dan telah berkahwin dengan Haji Maduarin bin Haji Riar, seorang jurutera.
3. Mohd. Salleh, lulus di Universiti Simon Fraser, Canada dalam jurusan Political Science. Beliau sangat minat dalam bidang politik. Dan dijangka beliau akan mengikuti jejaklangkah orang-tuanya.

Dua orang lagi anak perempuan Tan Sri yang masih menuntut, ialah Saidatul badariah dan Zainorah.

USAHA MEMULIHKAN SEMANGAT USNO

PERHATIAN para penulis dan pengulas politik mulai tertumpu ke Sabah sebaik baik sahaja parti BERJAYA telah dapat menumbangkan USNO dalam pilihanraya tahun 1976 lalu.

Setakat ini lapan buah buku mengenai pergolakan politik di Sabah telah ditulis dan diterbitkan. Dan mungkin selepas pembubaran Dewan Undangan Negeri, beberapa buah lagi akan diterbit dan diedarkan kepada umum.

Bekas Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Syed Kechik Mohammad yang terlibat secara langsung dengan pergolakan politik di Sabah telah menerbitkan sebuah buku dalam bahasa Inggeris yang berjudul "Politics of Federalism."

Buku tersebut disusun dan ditulis oleh Encik Bruce Rose-Larson, seorang penulis bangsa Amerika, dan saya tidak bermaksud untuk mengulas serta memberi apa apa komen mengenai buku tersebut.

Kelahiran buku Politics of Federalism itu telah memberi ilham kepada Encik Yahya Ismail untuk menulis dua buah buku yang berjudul "Skandal Politik Tun Mustapha dan BERJAYA Di Tengah Tengah Politik Malaysia."

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa tujuan utama kedua-dua buah buku itu ditulis dan diterbitkan ialah untuk

menolak semua hujah hujah yang ditonjolkan oleh Datuk Syed Kechik dalam buku itu. Encik Yahya Ismail juga telah menggunakan kedua dua buah buku itu untuk melepaskan rasa geram dan nafsu amarahnya terhadap Datuk Syed Kechik, Tun Mustapha dan pemimpin pemimpin USNO lainnya.

Tetapi oleh kerana kecaman kecaman En. Yahya Ismail terhadap bekas pengarah — Yayasan Sabah dan rakan rakan-nya itu dianggap keterlaluan, maka sebuah buku yang diberi nama "Sabah Matinya BERJAYA" telah diterbitkan dan diedarkan diseluruh Sabah. Buku tersebut telah ditulis dan diterbitkan oleh Encik Mohammad Yusof Jalil.

Dalam buku tersebut, En. M. Yusof Jalil bukan sahaja telah membela Datuk Syed Kechik dan Datuk Dzulkipli Hamid, tetapi beliau juga telah mensifatkan Encik Yahya Ismail sebagai seorang "penulis upahan" yang tidak bermaruah.

Untuk menjawab tuduhan pengarang buku "Sabah-Matinya BERJAYA" itu, maka Encik Yahya Ismail terpaksa menulis sebuah buku lagi yang berjudul "Kemana USNO." Dan tidak perlu saya memberi sebarang ulasan mengenai buku En. Yahya Ismail yang ketiga itu, kerana semua orang tahu tujuan utama buku itu ditulis dan diterbitkan.

Oleh kerana Datuk Haji Ghani Gilong juga dianggap sebagai seorang tokoh penting dalam percaturan politik di Sabah, maka sebuah buku (Sabah — Dilema Yang Belum Selesai) yang menonjolkan beliau sebagai seorang pemimpin yang memperjuangkan "penyatuan kaum bumiputera" di Sabah telah diterbitkan. Buku tersebut telah disusun dan diterbitkan oleh Encik Jalil Haji Din.

Kalau ditinjau dari jumlah buku buku yang telah diterbitkan itu, maka ternyata sekali bahawa kesedaran politik rakyat Sabah sudah mulai meningkat. Kekalahan USNO dalam pilihan raya lalu, telah memberi satu pengajaran yang amat berguna kepada kaum bumiputera di Sabah.

Oleh sebab itu, sebarang tulisan dan ulasan mengenai percaturan politik di Sabah sekarang ini telah mendapat perhatian yang serius dari kaum bumiputera. Dan adalah menjadi tanggung-

jawab kepada tiap tiap seorang penulis dan pengarang memberi gambaran dan maklumat yang sebenarnya mengenai perkembangan yang berlaku dinegeri itu dimasa kini.

Tetapi yang agak mengecewakan rakyat Sabah sekarang ini ialah kerana sikap sebahagian dari para penulis yang cuba hendak "menggelapkan fakta sejarah" untuk kepentingan golongan yang tertentu. Dan sudah ada tanda tanda yang jelas yang menunjukkan bahawa ada diantara para penulis dan penerbit yang cuba hendak memperkecil kecilkan ketokohan Tan Sri Said Keruak sebagai seorang pemimpin dan bekas Ketua Menteri Sabah.

Peranan Tan Sri Said sebagai Presiden USNO, bekas Ketua Menteri dan sebagai pemimpin nombor dua dalam zaman pemerintahan USNO/SCA dulu telah tidak diberi tempat dan ulasan yang sewajarnya dalam buku buku yang pernah diterbitkan itu. Kita dapat memaafkan kalau sekiranya En. Yahya Ismail tidak memberi sebarang publisiti kepada Presiden USNO itu dalam tulisan tulisannya kerana kita menyedari bahawa tujuan utama beliau menulis ialah untuk kepentingan politik musuh musuh USNO.

Tetapi yang agak mengecewakan kita ialah sikap para penulis dan penerbit lain yang juga telah mengeneipikan peranan Tan Sri Said dalam percaturan politik di Sabah.

Usaha usaha yang telah dijalankan oleh Tan Sri Said Keruak untuk menghidupkan semula semangat penyokong USNO yang hampir menyerah kalah setelah menerima tekanan yang paling hebat dari pemimpin-pemimpin parti BERJAYA itu, telah tidak mendapat perhatian langsung dari En. Yusof Jalil, (pengarang buku Sabah- Matinya BERJAYA) En. Bruce Ross-Larson (Pengarang buku Politics of Federalism) dan dari En. Jalil Haji Din (penyusun buku Sabah-Delima Yang Belum Selesai).

Sedangkan mengikut pendapat umum bahawa tujuan utama buku buku itu diterbitkan ialah untuk kepentingan USNO dan para pemimpinnya. Tetapi apa yang ditonjolkan ketiga tiga orang penulis itu adalah tentang ketokohan Datuk Syed Kechik, Datuk Dzulkifli Hamid dan Datuk Haji Ghani Gilong sahaja.

Membaca apa yang tersurat dan tersirat didalam buku "Sabah-

Mati BERJAYA dan Politics of Federalism” kita akan dapat membuat kesimpulan bahawa En. Yusof Jalil dan En. Bruce Ross-Larson telah cuba hendak menyakinkan penyokong-penyokong USNO, tanpa Syed Kechik dan Datuk Dzulkifli Hamid, maka mustahil USNO akan dapat berkuasa semula.

Saya bersependapat dengan En. Yahya Ismail bahawa kedua dua buku itu (Politics of Federalism dan Sabah-Matinya BERJAYA) tidak banyak dapat menolong USNO untuk memperkuat kedudukannya di Sabah. Malah, menurut En. Yahya Ismail, munculnya kedua dua buku itu akan memecah-belahkan perpaduan dalam pucuk pimpinan USNO.

Adalah tidak wajar bagi seseorang penulis yang cuba hendak mengeneipkan peranan dan jasa seorang “pemimpin yang telah berjaya mengatasi beberapa masalah” dalam saat-saat yang genting seperti mana yang telah dibuktikan oleh Tan Sri Said Keruak.

Kita harus mengakui satu hakikat bahawa organisasi USNO sudah hampir tidak wujud lagi selepas parti itu gagal mempertahankan kerajaannya dalam pilihanraya yang lalu. Tun Mustapha selaku Presiden USNO lebih banyak menumpukan perhatiannya untuk menyelamatkan 20 orang ADUN USNO supaya tidak dapat dibeli oleh parti BERJAYA.

Oleh sebab itu, semua Anggota Dewan Undangan Negeri USNO yang menang dalam pilihanraya yang bersejarah itu telah diterbangkan ke Kuala Lumpur. Dan setiap ADUN itu pula ditemani oleh 3 hingga 5 orang penyokong-penyokongnya di kawasan masing-masing.

Perubahan politik yang berlaku secara mendadak di Sabah telah menyebabkan para pemimpin USNO di semua peringkat mulai merasa tidak begitu aman dan selamat tinggal di bumi Sabah. Dan banyak di antara mereka di peringkat bahagian yang dianggap ‘hardcore’ telah ditahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri dan disoal oleh pihak yang berkenaan.

Maka dengan itu jumlah tokoh-tokoh USNO yang menghilangkan diri dan mencari perlindungan politik di Kuala Lumpur makin meningkat. Dashrun Hotel yang dipunyai oleh Datu

A-Sallam bin Datu Harun (adik Tun Mustapha) di Jalan Tuanku Abdul Rahman telah dipenuhi oleh ADUN-ADUN USNO dan pemimpin-pemimpin USNO di semua peringkat.

Kedudukan para pemimpin USNO pada ketika itu tidak ubah seperti diplomat dari sebuah negara asing yang cuba hendak mendapat perlindungan politik di negeri ini. Tetapi oleh kerana kedudukan kewangan mereka masih teguh, maka nasib mereka tidak seburuk nasib bekas-bekas pemimpin PEKEMAS Sabah yang melarikan diri dari ancaman pihak berkuasa di Sabah selepas pilihanraya tahun 1974 dulu.

Hubungan secara peribadi di antara pemimpin-pemimpin USNO dan penyokong-penyokongnya sudah tidak wujud lagi pada ketika itu. Hanya menerusi akhbar 'Kinabalu Sabah Times' (yang masih dikuasai oleh USNO pada waktu itu) sahaja, Ibu Pejabat USNO dapat menghantar perutusan secara umum kepada seluruh ahli-ahlinya.

Keadaan yang wujud di Sabah pada waktu itu telah memberi kesempatan yang paling baik kepada pemimpin-pemimpin Berjaya untuk menghancurkan dan melumpuhkan tenaga musuh-musuh politiknya.

Berita-berita angin yang mengatakan beberapa orang tokoh penting USNO akan mengundurkan diri dan bersara dari arena politik telah tersebar dengan luasnya di Sabah dan juga di Kuala Lumpur.

Penyebaran berita-berita angin dalam keadaan dan suasana politik yang tidak terkawal itu sedikit sebanyak telah melemahkan semangat penyokong-penyokong USNO yang sudah kehilangan tempat berteduh itu. Tetapi oleh kerana mereka masih yakin kepada perjuangan USNO, maka segala cabaran itu telah dapat diatasi.

Suasana politik di Sabah mulai kembali normal bila Parti Berjaya yang memerintah dan USNO sebagai sebuah parti pembangkang telah diterima menjadi kerabat Barisan Nasional. Dan pihak Barisan Nasional telah mengambil inisiatif untuk membawa pemimpin kedua-dua parti politik itu ke meja perundingan.

Walaupun USNO telah diterima sebagai sebuah komponen Barisan Nasional tetapi sebagai sebuah parti pembangkang USNO masih lagi menghadapi segala macam cabaran dan dugaan. Dugaan pertama yang dihadapinya waktu itu ialah perletakan jawatan Tun Datu Mustapha sebagai Presiden USNO di atas sebab-sebab kesihatan. Dalam surat perletakan jawatan itu, Tun Datu Mustapha telah memberi mandat kepada Tan Sri Mohammad Said Keruak supaya terus memimpin USNO.

Perletakan jawatan Tun Mustapha dalam saat yang mencemaskan itu sudah tentu telah melemahkan semangat pengikut-pengikutnya yang sangat taksub kepada beliau. Pemimpin Berjaya telah menggunakan issue perletakan jawatan itu sebagai satu senjata untuk mematahkan perjuangan USNO. Tetapi dengan berkat kesabaran pucuk pimpinan USNO yang diketuai oleh Tan Sri Said Keruak maka usaha-usaha itu telah gagal. Dan beliau telah berjaya mendapat kepercayaan dari seluruh ahli-ahli USNO.

Cabaran kedua yang dihadapi oleh Tan Sri Said Keruak sebagai pemangku Presiden USNO ialah tekanan politik dan ekonomi dari kerajaan Sabah terhadap pemimpin-pemimpin USNO di semua peringkat.

Orang-orang USNO yang sebelum ini telah dimanjakan oleh Tun Mustapha dengan pemberian kayu-balak, wang tunai dan lain-lain kemudahan sudah tentu tidak sanggup menerima tekanan politik dan ekonomi seperti sedemikian dari kerajaan parti Berjaya. Pada umumnya mereka ini tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang wujud di negeri itu. Ada di antara mereka yang menganggap bahawa USNO masih lagi menjadi 'sumber kewangan' mereka.

Pemimpin-pemimpin USNO dan Wakil-Wakil Rakyat yang termasuk dalam kategori inilah yang banyak menyusahkan Tan Sri Said Keruak sebagai pemangku Presiden USNO pada ketika itu.

Wakil-Wakil Rakyat dan bekas-bekas calon USNO telah mengadu kepada beliau mengenai masalah peribadi dan tekanan-tekanan dari pihak yang berkenaan. Dan beliau telah

cuba untuk menyelesaikan beberapa masalah sekadar yang terdaya.

Tetapi sebagai seorang pemimpin sebuah parti pembangkang dalam sebuah kerajaan yang agresif sudah tentu beliau tidak dapat memenuhi hajat semua orang, terutama sekali golongan-golongan yang ingin mendapat kekayaan menerusi saluran politik.

Inilah masalah dan beban yang terpaksa dipikul oleh Tan Sri Said Keruak selepas perletakan jawatan Tun Mustapha sebagai Presiden USNO. Dan sebagai salah seorang bekas pemimpin USNO, Datuk Harris Salleh sudah tentu telah menyedari akan kelemahan-kelemahan sebahagian dari Wakil-Wakil Rakyat dan pemimpin-pemimpin USNO lainnya.

Ini juga telah memudahkan beliau dan rakan-rakannya untuk mendapat sokongan dari petualang-petualang politik yang tidak bermaruah itu.

Selepas kematian Allahyarham Tun Muhammad Fuad Stephens dan beberapa orang pemimpin parti Berjaya dalam nahas kapalterbang pada 6 Jun 1976, maka dengan sendirinya Datuk Harris Salleh mengambil alih pucuk pimpinan parti Berjaya.

Kedudukannya dalam pucuk pimpinan parti itu pula makin bertambah teguh berikutan dengan pembebasan Datuk Haji Muhammad Noor Mansor dari tahanan politik. Datuk Haji Muhammad Noor mansor ialah salah seorang pengasas parti Berjaya dan Setiausaha Agung parti itu.

Sebagai seorang pemimpin nombor wahid dalam parti Berjaya, Datuk Harris telah menggunakan pengaruh peribadinya untuk memujuk beberapa orang pemimpin USNO supaya memihak kepadanya. Pada mulanya rayuannya itu tidak mendapat hasil yang memuaskan.

Tetapi sebagai seorang Ketua Menteri, beliau telah menggunakan tekanan politik dan ekonomi untuk memaksa tokoh-tokoh USNO supaya menyokong Berjaya. Dan akhirnya usaha-usaha ini mendapat kejayaan yang cemerlang.

Menerusi akhbar 'Daily Express' yang dikuasai oleh parti Berjaya, kita dapat membaca nama-nama beberapa orang

tokoh USNO dan pemimpin-pemimpin kecilnya yang telah melompat ke parti Berjaya yang dipimpin oleh Datuk Harris Salleh. Ikrar dan taat setia bekas-bekas pemimpin USNO itu kepada Ketua Menteri dan parti Berjaya telah disiarkan penuh oleh akhbar berkenaan.

Walaupun ada peraturan dan undang-undang yang tidak membolehkan sesebuah parti komponen menarik ahli-ahli dari sebuah parti komponen lainnya, namun ianya telah diketepikan begitu sahaja. Dan pihak Barisan Nasional tidak bertindak tegas untuk menghalang pemimpin-pemimpin Berjaya dari meneruskan gerakan yang bertujuan untuk menghancurkan USNO.

Ada kalangan yang tertentu di Kuala Lumpur dan di Kota Kinabalu yang menganggap bahawa Datuk Hussein Onn dan rakan-rakannya 'tidak berbuat sesuatu' untuk menyelamatkan USNO dalam keadaan yang cemas dan terdesak itu.

Di antara orang-orang USNO yang terpaksa tunduk kepada tekanan kerajaan Berjaya itu ialah 11 orang Wakil Rakyat, beberapa orang ketua bahagian dan tokoh-tokoh penting parti itu.

Pemimpin-pemimpin Berjaya menganggap bahawa kemasukan tokoh-tokoh USNO ke pangkuannya ialah kerana mereka sudah hilang kepercayaan kepada perjuangan USNO. Tetapi rakyat Sabah amnya dan ahli-ahli USNO khususnya, sangat arif dan mengetahui sebab-sebab mengapa mereka itu melompat ke parti Berjaya secara tergesa-gesa.

Adalah sukar bagi seorang pemimpin seperti Tan Sri Said untuk mengawal dan mendisiplinkan pengikut-pengikutnya yang selama ini telah dimanjakan oleh Tun Mustapha dengan wang ringgit, pemberian kawasan balak dan kemudahan-kemudahan lain dalam keadaan yang tertekan dan terdesak itu.

Pada ghalibnya, orang-orang yang semacam ini akan mencari 'tuan lain atau pemimpin lain' bila tuntutan dan hajat mereka tidak dapat dipenuhi, kerana bagi mereka berjuang dalam parti politik adalah semata-mata untuk mendapat ke-

kayaan dan tidak lebih dari itu.

Saya telah diberitahu bahawa Wakil-Wakil Rakyat dan tokoh-tokoh USNO yang telah melompat ke parti Berjaya itu telahpun mengemukakan masalah-masalah peribadinya kepada Tan Sri Said sebelum mereka membuat pengumuman untuk memasuki Berjaya.

Sebagai seorang pemimpin parti pembangkang sudah tentu beliau tidak akan dapat memenuhi semua hajat pengikut-pengikutnya yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang wujud di waktu itu.

Berdasarkan kepada faktor-faktor tadi, ternyata sekali tindakan petualang-petualang dan oportunistik-oportunistik itu melompat ke parti lawan memang sudah diduga sejak dari awal lagi. Walau bagaimanapun, pemergian mereka tidak pula melemahkan semangat pejuang-pejuang USNO yang lain. Rakyat Sabah tidak dapat menerima pendapat saudara Yahya Ismail yang mendakwa bahawa sebab-sebab utama 15 orang Wakil Rakyat USNO memihak ke parti Berjaya itu ialah kerana mereka menyedari USNO tidak akan berkuasa kembali di Sabah bila rakyat dapat melihat kemajuan yang begitu pesat oleh parti yang memerintah sekarang.

Saudara Yahya Ismail dalam bukunya, "Kemana USNO?" meramalkan bahawa tidak ada sebuah parti pun yang boleh menundukkan Berjaya dalam pilihanraya akan datang. Ramalan beliau itu berdasarkan kepada rancangan pembangunan yang telah dan sedang dilancarkan oleh kerajaan Berjaya di bawah pimpinan Datuk Harris Salleh.

Diantara lain Yahya Ismail menulis: "Mereka (wakil rakyat) berpihak kepada parti Berjaya selepas menang pilihanraya atas tiket USNO untuk menunjukkan pengaruh politik Berjaya adalah lebih dominan dari USNO sendiri. Boleh jadi mereka tidak percaya bahawa USNO boleh berkuasa kembali apabila rakyat melihat kemajuan yang begitu pesat dijalankan oleh parti yang memerintah sekarang. Adalah satu impian di siang bolong untuk menjatuhkan sebuah parti yang popular di kalangan rakyat."

Sungguh malang bagi seseorang Wakil Rakyat dari sebuah

parti politik yang terpaksa menyerah kalah kepada lawannya bila ia menyedari bahawa partinya tidak akan dapat berkuasa semula. Kalau mengikut logik saudara Yahya Ismail ini, besar kemungkinan Wakil-Wakil Rakyat dari Berjaya juga akan melompat menyertai USNO pula bila mana mereka menyedari partinya tidak akan dapat mempertahankan kerajaannya dalam pilihanraya yang akan datang.

Dan mungkin saudara Yahya Ismail menyokong parti Berjaya sekarang kerana beliau yakin bahawa parti itu akan menang dalam pilihanraya nanti. Bagaimana pula sikap beliau sekiranya USNO dapat menundukkan Berjaya dalam pilihanraya itu pula? Sanggupkah beliau melutut kepada USNO nanti? Sama-samalah kita tunggu perkembangan-perkembangan yang di luar dugaan kita sama sekali.

Membaca apa yang tersurat dan tersirat dalam buku "Ke mana USNO?" itu, ternyata sekali bahawa pengarangnya cuba hendak menyembunyikan hakikat yang sebenarnya mengapa wakil-wakil USNO itu menyebelahi pihak musuh dalam saat-saat yang genting.

Bagi rakyat Sabah yang begitu arif tentang permainan politik pemimpin-pemimpin parti pemerintah selama ini, mereka tidak akan dapat menerima hujjah-hujjah Yahya Ismail yang dikemukakan dalam bukunya itu. Dasar perjuangan sesebuah parti politik tidak menjadi tujuan utama bagi seseorang oportunis untuk memasuki sebuah parti politik. Tetapi yang menjadi soal pokok kepadanya ialah berapa ekar kawasan kayu-balak yang akan didapatinya bila melompat ke parti pemerintah?

Iniilah hakikat sebenarnya mengapa wakil-wakil rakyat USNO dan beberapa orang tokoh pentingnya melompat ke parti Berjaya. Dasar perjuangan kedua-dua parti tidak menjadi persoalan pokok kepada mereka.

Datuk Harris Salleh mungkin akan membuat satu perhitungan yang salah kalau sekiranya beliau mengukur kekuatan Berjaya berdasarkan kepada sokongan bekas-bekas pemimpin USNO yang melompat tadi, kerana pada ghalibnya mereka itu akan berpaling tadah semula apabila kehendak-kehendak dan hajat

mereka tidak dipenuhi.

Kalau di saat-saat genting petualang-petualang itu sanggup menikam tuannya (USNO dan Tun Mustapha) dari belakang, maka tidak mustahil pula satu ketika nanti mereka akan mengecewakan Datuk Harris Salleh dan rakan-rakannya.

Tuhan Yang Maha Kuasa dan Maha Kaya, semuanya mungkin boleh berlaku. Dan tidak suatu pun yang mustahil dalam politik.

Walaupun pada peringkat awal moral dan imej USNO sudah mulai terjejas berikutan dengan penyelewengan beberapa orang tokoh pentingnya, tetapi dengan kebijaksanaan Tan Sri Said dan pucuk pimpinan lainnya, maka semangat penyokong-penyokong USNO telah dapat dipulihkan semula.



*Tan Sri Mohd Said Keruak dan rombongannya di suatu majlis ceramah
USNO di Kampung Mengkabong Tuaran - 1980.*




Dewan Masyarakat — Perhimpunan Agung USNO pada 24/4/80. Dari kiri ke kanan: Tun Datu Mustaffa, Tan Seri Mohd Keruak, Datuk Mustaffa Jabbar.



Masyarakat Islam Semporna berikrar menyokong kemerdekaan Sabah melalui Malaysia.



*Ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu
untuk merasmikan Perhimpunan Agung USNO tahun 1979.*



Tan Sri Mohd Said Keruak sedang berucap di dalam satu perjumpaan USNO di Labuan akhir tahun 1979.




*Datuk Seri Dr. Mahathir sedang berucap di majlis Perhimpunan Agung
USNO - 1977.*




Datuk Seri Dr. Mahathir menghadiri Perhimpunan Agung USNO 1977.



Salim Bacho ADUN Kunah.




Haji Ampong Puyon



M.A. Raman, Pemimpin pembangkang yang gigih.



*Datuk Sakaran bin Dandai Naib Presiden USNO
dan Bekas Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah.*



BERJAYA GAGAL MENELAN USNO

Pada awal tahun 1977, suasana politik di Sabah mulai kembali normal. Pemimpin-pemimpin USNO yang menetap sementara di Kuala Lumpur selepas kemenangan Berjaya dalam pilihanraya tahun 1976 lalu telah muncul kembali di khalayak ramai.

Seluruh jentera USNO mulai digerakkan kembali. Dan penyusunan semula pucuk pimpinan parti itu di semua peringkat telah dilancarkan serentak. Hasil dari gerakan itu telah melahirkan beberapa orang kader-kader baru yang gigih dan tahan lasak.

Kemunculan kader-kader baru ini telah mencemaskan masa depan parti Berjaya yang baru saja mengambilalih pentadbiran negeri itu. Dan merekalah yang menjadi tenaga penggerak utama untuk mengembalikan semula kekuasaan USNO di bumi Sabah.

Selain dari itu, beberapa orang tokoh penting USNO seperti Tuan Haji Ampong Puyun, Encik Ashkar Hasbollah, Haji Karim Ghani, Encik Sabdin Ghani, Sheikh Ahmad Blederam dan beberapa orang lagi telah mula menunjukkan taring masing-masing dengan mengecam dan menyelar sikap pemimpin-pemimpin parti Berjaya terhadap kaum bumiputera di Sabah.

Kehadiran para perwakilan dan pemerhati dalam setiap

mesyuarat perwakilan USNO di peringkat bahagian dan cawangan pada waktu itu amat menggalakkan. Berita-berita yang dibesar-besarkan oleh akhbar "Daily Express" mengenai beberapa orang tokoh USNO yang melompat ke parti Berjaya tidak dapat mematahkan semangat pejuang-pejuang parti itu untuk menguatkan kedudukan USNO.

Tan Sri Said Keruak, Datuk Dzulkifli Hamid dan pucuk pimpinan lainnya telah mengadakan lawatan ke seluruh bahagian USNO menjelang kongresnya yang berlangsung pada 28 Mei, 1977 lalu.

Kehadiran Tan Sri Said dan rakan-rakannya dalam setiap mesyuarat perwakilan itu telah dapat menguatkan lagi semangat para penyokong USNO yang kian hampir kehilangan pemimpin agung mereka sesudah Berjaya telah mengambilalih pentadbiran negeri Sabah.

Secara kebetulan saya telah berkesempatan menghadiri mesyuarat perwakilan USNO bahagian Bangkuka-Bangi yang berlangsung di Dewan Masyarakat Kudat pada 11 April tahun 1977 yang lalu. Inilah kali pertamanya saya menghadiri mesyuarat perwakilan sebuah parti politik di Sabah sejak saya berulang alik ke negeri itu mulai dari tahun 1971 lagi.

Sebelum mesyuarat itu diadakan, saya telah menemui seorang bekas penyokong utama USNO semasa pilihanraya 1976 dulu. Beliau ialah seorang pegawai kanan Yayasan Sabah di Kudat. Dalam pertemuan tersebut, beliau telah memberi maklumat yang penting kepada saya mengenai perkembangan politik di negeri itu setelah Berjaya berkuasa.

Pada mulanya pegawai kanan Yayasan Sabah tadi tidak menduga sama sekali bahawa semangat penyokong-penyokong USNO telah dapat dipulihkan semula dalam jangka waktu yang singkat. Jumlah kehadiran para perwakilan dan pemerhati dalam mesyuarat perwakilan itu telah menunjukkan bahawa masyarakat di Kudat mulai menyedari bahawa hanya USNO sajalah sebuah parti politik yang mampu melindungi hak asasi kaum bumi di Sabah.

Tan Sri Said telah merasmikan mesyuarat perwakilan

USNO bahagian itu sementara Datu A. Sallam pula merasmikan mesyuarat pergerakan Pemuda dan Wanitanya.

Inilah mesyuarat perwakilan USNO peringkat Bahagian yang paling meriah sekali sejak parti itu telah ditewaskan oleh parti BERJAYA dalam pilihanraya umum tahun 1976.

Sejarah kelahiran USNO bermula di Kudat kira-kira 21 tahun lalu, dan sejarah kebangkitannya semula juga bermula di bumi Kudat yang bertuah itu.

Secara kebetulan pula, Tan Sri Said sendiri mulai menunjukkan bakatnya sebagai seorang pemimpin yang boleh mengambil pucuk pimpinan USNO, juga bermula di Kudat.

Ucapan sulungnya di mesyuarat perwakilan USNO bahagian Bangkuka-Bangi (Kudat) pada 11 April 1977 itu sesungguhnya telah menyakinkan penyokong-penyokong USNO bahawa beliau adalah seorang tokoh yang mampu dan layak untuk menyatupadukan seluruh tenaga parti itu disaat-saat yang genting.

Dan saya telah diberitahu bahawa Datu A. Sallam telah membelanjakan kira-kira empat puluh ribu ringgit bagi mengadakan mesyuarat perwakilan yang bersejarah itu.

Ucapan Tan Sri Said selaku pemangku presiden USNO itu sebenarnya telah menimbulkan berbagai reaksi di kalangan para pemerhati politik di Kota Kinabalu dan juga di Kuala Lumpur.

Saya sendiri tidak menyangka sama sekali bahawa beliau dapat memberi ucapan yang begitu menarik dan boleh membara semangat para perwakilan dan pemerhati yang membanjiri Dewan Masyarakat Kudat pada hari itu.

Dalam ucapan tersebut beliau telah menggariskan beberapa panduan dan petunjuk kepada penyokong-penyokong USNO dalam menghadapi tekanan-tekanan dari pihak yang berkenaan.

Oleh kerana isu "kerajaan campuran" pada ketika itu menjadi satu persoalan yang paling hangat diperbincangkan oleh rakyat Sabah, maka beliau telah menyatakan sikap USNO mengenainya. Katanya, "dalam keadaan seperti sekarang ini sebuah kerajaan campuran antara USNO-BERJAYA tidak perlu

diwujudkan. Dan USNO belum bersedia untuk menyertai sebarang kerajaan campuran dengan BERJAYA”.

Walau Bagaimanapun, beliau telah menyebut tentang satu persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat Barisan Nasional Pusat pada 2 April sebelumnya mengenai kerjasama di antara USNO dengan parti BERJAYA dalam beberapa perkara yang tertentu.

Beliau telah memberi jaminan bahawa USNO bersedia untuk memberikan kerjasama kepada kerajaan negeri dalam hal mengatasi kesulitan-kesulitan yang sedang dihadapi oleh rakyat Sabah.

“Untuk tujuan tersebut, saya bersedia menemui Datuk Harris Salleh pada bila-bila masa sekalipun,” tegasnya dengan penuh perasaan.

Oleh kerana beliau menyedari adanya perasaan kecewa di kalangan penyokong-penyokong USNO mengenai penghijrahan pemimpin-pemimpin mereka ke Kuala Lumpur dalam saat-saat yang paling genting, maka beliau terpaksa mengambil masa yang agak panjang untuk menerangkan sebab-sebab pemimpin-pemimpin USNO meninggalkan Sabah selepas kemenangan parti BERJAYA dalam pilihanraya umum tempoh hari.

“Pemimpin-pemimpin USNO tidak akan melepaskan tanggungjawab terhadap rakyat Sabah, dan saya harap jangan ada di antara orang-orang kita yang menganggap pemimpin-pemimpin USNO yang menetap sementara di Kuala Lumpur itu hanya tidur dan bersenang-lenang di sana.

“Kami sedang berusaha dan mencari jalan untuk mengembalikan semula kekuasaan USNO di bumi Sabah. Saya ini, anak jati bumi Sabah. Ke mana lagi hendak saya lari?” Tanya beliau dengan penuh emosi.

Beliau seterusnya telah mengingatkan ahli-ahli USNO supaya jangan terpengaruh dengan janji-janji manis pihak yang tertentu yang bertujuan untuk menghancurkan USNO.

Sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab beliau telah mengancam dengan kerasnya setengah-setengah wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin USNO yang melompat masuk ke

parti BERJAYA.

Tan Sri Said mensifatkan orang-orang USNO yang melompat itu sebagai "seekor katak yang suka melompat," dan beliau memberi amaran kepada ahli-ahli USNO supaya peristiwa lompat melompat itu tidak akan berlaku lagi.

Untuk mengembalikan semula semangat orang-orang USNO, pemangku presiden USNO itu telah menekankan supaya pejuang-pejuang parti dapat menghidupkan semula 'semangat USNO tahun 1961' yang lalu.

Katanya, dengan semangat tahun 1961 itulah kita telah dapat menyatupadukan rakyat bumiputera dan terus mencapai kemerdekaan melalui Malaysia.

Beliau kemudian mengakhiri ucapannya dengan mengingatkan kerajaan negeri yang dikuasai oleh parti BERJAYA supaya berlaku adil kepada kaum bumiputera di Sabah.

Ucapan Tan Sri Said itu bukan saja telah dapat memulihkan semangat ahli-ahli USNO yang hampir putus asa dengan perkembangan yang wujud di Sabah ketika itu, tetapi juga telah menaikkan imej beliau sebagai seorang pemimpin parti pembangkang yang ulung di Sabah.

Sikap beliau yang tegas mengenai kerajaan campuran dan kecambahannya terhadap wakil-wakil rakyat dan tokoh-tokoh USNO yang melompat ke parti BERJAYA telah dapat menyakinkan penyokong-penyokong USNO bahawa beliau benar-benar seorang pemimpin yang mempunyai kemampuan dan kelayakan untuk mengambilalih pimpinan USNO dari Tun Datuk Mustapha yang telah meletakkan jawatan atas sebab-sebab yang tertentu.

Tetapi terdapat golongan tertentu di dalam pucuk pimpinan USNO yang cuba hendak mempertikaikan sikap Tan Sri Said mengenai pembentukan kerajaan campuran di Sabah. Dan sebagaimana yang diketahui umum pada ketika itu bahawa ada kalangan tertentu dalam USNO yang cuba hendak menekan bagaimana pentingnya "sebuah kerajaan campuran" di Sabah.

Saya telah diberitahu bahawa beberapa orang pemimpin USNO telah cuba mempengaruhi pihak Kuala Lumpur supaya

mengambil inisiatif untuk memaksa parti BERJAYA menubuhkan sebuah kerajaan campuran dengan USNO.

Dan satu hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa ucapan Tan Sri Said di Kudat itu telah menghalang hasrat dan cita-cita sebahagian dari pemimpin USNO yang menghendaki diwujudkan sebuah kerajaan campuran di Sabah.

Mengikut laporan akhbar Watan bahawa jawatankuasa tertinggi USNO telah mengadakan sidang khasnya pada 15 April, 1977 untuk mengkaji kesan-kesan dan reaksi dari orang ramai terhadap ucapan Tan Sri Said mengenai kerajaan campuran.

Oleh kerana Tan Sri Said tidak hadir dalam mesyuarat itu, maka Datuk Dzulkifli selaku salah seorang naib presiden USNO telah mempengerusikan sidang khas tersebut. Dan saya telah diberitahu bahawa tidak ada satu keputusan muktamad yang dicapai hasil dari mesyuarat itu.

Walaupun ada sebilangan kecil dari pemimpin-pemimpin USNO yang cuba hendak mempertikaikan kejujuran beliau dalam soal penubuhan kerajaan campuran, tetapi sebahagian besar para penyokong USNO menyokong penuh ucapan pemangku Presiden USNO itu mengenai issue tersebut.

Bekas Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda USNO, Tuan Haji Ampong Puyon (salah seorang naib presiden USNO dan MP Labok Sugot) bersependapat dengan Tan Sri Said mengenai kerajaan campuran.

Dalam satu kenyataannya kepada akhbar Watan (15 April 1977) beliau menyatakan bahawa dalam keadaan seperti sekarang, USNO tidak seharusnya memikirkan soal menyertai sebuah kerajaan campuran dengan parti BERJAYA.

Katanya lagi, "Masa depan USNO akan lebih terjamin kiranya parti itu tidak menyertai kerajaan campuran dengan parti yang berkuasa sekarang."

"Tetapi syaratnya wakil-wakil rakyat USNO yang ada hari ini hendaklah memainkan peranan yang lebih berkesan dalam Dewan Undangan Negeri."

Seorang bekas Timbalan Menteri dalam kerajaan USNO/SCA yang namanya tidak mahu disiarkan (Watan 17 April 1977) berpendapat bahawa dalam keadaan seperti sekarang penubuhan

sebuah kerajaan campuran tidak akan menguntungkan USNO yang pernah diberi mandat untuk menguasai Sabah hampir tiga belas tahun. Beliau memuji sikap tegas Tan Sri Said mengenai issue tersebut.

Dalam tinjauan saya bahawa ada dua golongan dalam USNO yang benar-benar menghendaki wujudnya kerajaan campuran di Sabah:

1. Tokok-tokoh USNO yang ada mempunyai kepentingan ekonomi di negeri itu, dan
2. Golongan yang tidak sanggup menghadapi segala bentuk tekanan dari kerajaan BERJAYA.

Tokoh-tokoh USNO yang termasuk dalam golongan pertama tadi ialah mereka yang telah mendapat nikmat menerusi pembahagian kawasan kayu balak dan lain-lain kemudahan dalam zaman pemerintahan USNO dulu.

Mereka ini berharap dengan wujudnya kerajaan campuran, maka kedudukan politik dan ekonomi mereka tidak akan terancam. Dan besar kemungkinan mereka akan dapat menambahkan lagi kekayaan mereka menerusi kerajaan campuran yang bakal akan dibentuk itu.

Pemimpin-pemimpin USNO yang termasuk dalam golongan kedua itu pula ialah mereka yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang wujud di Sabah pada ketika itu. Sebagai pendukung kerajaan selama 13 tahun, golongan ini tidak sanggup menerima tekanan-tekanan dari sebuah parti yang baru saja mendapat mandat dari rakyat.

Mereka ini berharap dengan terbentuknya sebuah kerajaan campuran maka kedudukannya akan terjamin, dan akan dapat mempertahankan status quo mereka selama ini.

Jumlah kedua-dua golongan ini sangat kecil dalam kalangan USNO, manakala sebahagian besar dari ahli-ahli USNO menolak pembentukan kerajaan campuran dengan parti BERJAYA.

Walaupun bagaimanapun, dengan kebijaksanaan Tan Sri Said sebagai seorang pemimpin yang baru saja mengambil alih pucuk pimpinan USNO, beliau berjaya melenyapkan suara-suara sumbang dari kalangan USNO itu sendiri. Dan sekarang ini

sudah tidak ada lagi tuntutan-tuntutan dari kalangan pucuk pimpinan USNO yang menghendaki supaya sebuah kerajaan campuran wujud di Sabah. Kenyataan-kenyataan Tun Datu Mustapha, Encik Sabdin Ghani dan lain-lain pemimpin USNO seperti dilaporkan dalam Watan jelas menunjukkan bahawa semua kalangan dalam pucuk pimpinan USNO menolak kerajaan campuran dengan parti BERJAYA.

Dan semua pihak dalam pucuk pimpinan USNO telah mengakui "kebenaran sikap Tan Sri Keruak dalam masalah pembentukan kerajaan campuran."

Kejayaan Tan Sri Said dalam mengatasi beberapa masalah dalam parti ialah kerana adanya pejuang-pejuang USNO yang tahan lasak dan sanggup menerima segala tekanan dari pihak yang tertentu.

Walaupun parti BERJAYA telah menggunakan berbagai cara untuk melemah dan mematahkan semangat para pemimpin USNO, tetapi masih ada lagi wakil-wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin USNO yang sanggup berkorban dengan apa sahaja, demi untuk mempertahankan keutuhan USNO.

Pucuk pimpinan USNO dan khususnya Tan Sri Said Keruak sendiri seharusnya memberi penghargaan yang setinggi-tingginya kepada pejuang pejuang USNO yang sanggup menerima segala akibat dan penderitaan kerana semata-mata hendak mempertahankan nama baik USNO.

Kerajaan negeri telah bertindak membatalkan dan menarik balik semua lesen membalak dan kemudahan-kemudahan lain yang dinikmati oleh wakil-wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin USNO selama ini bila mereka tidak mahu menyerah kalah dan tunduk kepada Datuk Harris Salleh.

Akibat dari tindakan kerajaan parti BERJAYA yang tidak mengenal belas kasihan inilah yang menyebabkan sebahagian besar dari pemimpin USNO dan wakil-wakilnya yang dianggap hard-core dan keras kepala, terpaksa menghadapi segala kesulitan dan penderitaan.

Sebagai contoh, semua lesen membalak, memborong dan kemudahan-kemudahan lain yang dimiliki oleh seorang pemim-

pin USNO di Lahad Datu, Tuan Haji Abdul Hamid Merikan telah ditarik balik sebaik-baik sahaja parti BERJAYA menguasai Sabah. Tindakan kerajaan negeri itu telah menyebabkan Tuan Haji Hamid Merikan menganggur (sebagai seorang pemborong). Dan beliau terpaksa memberhentikan semua pekerja-pekerjanya yang terlibat dalam perusahaannya.

Inilah akibat yang diterima oleh seorang pejuang USNO yang tidak bersedia mahu menyerah kalah kepada parti BERJAYA.

Tetapi yang paling menarik sekali ialah tentang cara kerajaan negeri bertindak melumpuhkan semua perusahaan Encik Salim Bacho, Ahli Dewan Undangan Negeri USNO bagi kawasan Kunak.

Encik Salim Bacho ialah diantara ADUN USNO yang sangat diminati oleh Datuk Harris dan rakan-rakannya. Usaha-usaha telah dijalankan oleh agen-agen Datuk Harris dan parti BERJAYA untuk mempengaruhi beliau supaya memasuki parti BERJAYA, tetapi usaha-usaha tersebut telah gagal.

Sikap En. Salim Bacho yang tegas dan tidak mahu bertolakansur dengan parti yang memerintah itu, telah menyebabkan semua perniagaan dan perusahaannya lumpuh.

Surat kebenaran atau lesen untuk mengeluarkan kayu-balak dikawasan tanah hutan seluas 3,000 ekar di Sungai Limau dan "kebenaran untuk menternak lembu" dikawasan tanah seluas 1,000 ekar di batu 10 Jalan Kunak yang didapatinya dalam zaman pemerintahan USNO itu telah ditarik balik dan dibatalkan.

Encik Salim Bacho telah membuat rayuan kepada pihak yang berkenaan (termasuk Datuk Harris sendiri) supaya beliau diberi peluang untuk mendapatkan semula lesen lesen perusahaannya yang telah dibatalkan secara mendadak itu. Tetapi semua rayuannya itu tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak yang berkenaan.

Akhirnya, Encik Salim Bacho menyedari bahawa kerajaan parti BERJAYA tidak akan memberi kebenaran kepada beliau untuk menjalankan perusahaan-perusahaan tersebut (membalak dan menternak lembu) selagi beliau tidak melompat ke parti BER-

JAYA.

Saya telah diberitahu bahawa Encik Salim pernah diberi kata-dua oleh Datuk Harris "sama ada hendak terus bergiat dalam USNO atau terus berkecimpung dalam lapangan perusahaan dan perdagangan."

ADUN USNO dari Kunak itu juga telah diberi peluang untuk mendapat kawasan kayu-balak yang lebih luas lagi, asalkan beliau sanggup meninggalkan USNO.

Sebagai seorang Wakil Rakyat yang patuh kepada pucuk pimpinan parti, maka beliau terpaksa memilih USNO dari kawasan kayu-balak dan kemudahan-kemudahan lain yang ditawarkan oleh Datuk Harris.

Sikap beliau yang tegas inilah yang menyebabkan semua perusahaan dan perniagaannya lumpuh dan tidak dapat bergerak lagi. Dan beliau telah mengalami kerugian berjuta-juta ringgit.

Untuk mengatasi masalah kewangan, Encik Salim terpaksa menjual semua lori, trektor, kilang papan di Semporna dan sebahagian harta kepunyaannya untuk membayar hutang bank dan sebagainya.

Inilah yang dikatakan amalan demokrasi ala parti BERJAYA yang berjalan di Sabah sekarang. Dan kerajaan Pusat setakat ini nampaknya belum berminat untuk memberi nasihat kepada pemimpin-pemimpin parti BERJAYA supaya tidak melakukan amalan-amalan yang bertentang dengan konsep demokrasi.

**KESEDERHANAANNYA
DAPAT MENGATASI
CABARAN DALAM PARTI**

SEBAGAI seorang pemimpin yang bersikap sederhana dan bertolak ansur dalam beberapa masalah tertentu, maka sudah tentu beliau tidak akan terlepas dari segala tuduhan dan fitnah daripada beberapa kalangan dalam USNO sendiri.

Kira-kira empat bulan selepas kemenangan parti Berjaya dalam pilihanraya 1976 dulu, sebahagian kecil penyokong-penyokong USNO telah terperangkap dan terpengaruh dengan berita-berita angin yang disebarkan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang mengatakan Tan Sri Said akan mengundurkan diri dari arena politik.

Beliau dikatakan telah menerima tawaran dari kerajaan negeri untuk memegang jawatan "Yang Dipertua Negeri" bila tempoh perkhidmatan Tan Sri Hamdan Abdullah (sekarang sudah allahyarham) akan berakhir. Dan seorang Pembantu Menteri Kerajaan BERJAYA telah mengesahkan adanya tawaran tersebut kalau sekiranya beliau bersedia untuk meletakkan jawatan sebagai pemangku Presiden USNO.

Saya telah diberitahu bahawa Datuk Harris Salleh dan Datuk James Ongkili pernah berusaha untuk merayu dan memujuk Tan Sri Said supaya bersedia menerima jawatan "Yang Dipertua Negeri" tetapi tawaran demi tawaran dari kerajaan BER-

JAYA itu ditolakny.

Soal hubungan peribadi antara beliau dengan Datuk Harris dan pertalian kekeluarganya dengan Datuk Haji Mohammad Noor Mansor juga telah menyebabkan sebahagian kecil dari golongan ekstremis dalam USNO terpengaruh dengan berita-berita angin yang sengaja dibesar-besarkan oleh musuh-musuh USNO itu.

Golongan ekstremis itu tidak mahu melihat wujudnya sebarang bentuk kerjasama dan tolakansur dengan para pemimpin BERJAYA. Dan kalau boleh hubungan peribadi pun hendaklah diputuskan. Inilah tuntutan-tuntutan sebilangan kecil pemimpin-pemimpin USNO di ketika itu. Dan golongan inilah yang banyak menyulitkan Tan Sri Said dalam usahanya untuk menyusun semula organisasi USNO disemua peringkat.

Bagaimanapun, beliau telah berjaya mengatasi kesulitan-kesulitan yang ditimbulkan oleh golongan eskstremis ini dalam partinya sendiri. Sebagai seorang bekas Ketua Menteri dan pemimpin parti politik yang pernah menguasai Sabah selama hampir tiga belas tahun, maka sudah tentu beliau tidak akan tunduk kepada tekanan-tekanan dan tuntutan-tuntutan dari golongan pelampau dalam USNO itu.

Tan Sri Said sebenarnya tidak mahu soal hubungan peribadi dan pertalian kekeluargaan itu dicampur-adukkan dengan politik. Beliau mempunyai falsafahnya sendiri dalam mengatasi seribu satu macam masalah yang sedang dihadapi oleh USNO pada ketika itu.

Dan setakat ini, nampaknya, falsafah dan cara yang diamalkan oleh beliau dalam menghadapi pergolakan politik yang unik di Sabah itu telah dapat diterima oleh semua golongan dalam USNO. Segala keraguan terhadap pimpinannya juga sudah tidak timbul lagi.

Semua pihak dalam pucuk pimpinan USNO sekarang ini telah memberi kepercayaan penuh kepadanya dalam usahanya untuk memperkuatkan kedudukan parti itu bagi menghadapi pilihan-raya umum akan datang ini.

Dalam pertemuan pertama saya dengan beliau di Rumah

Rehat, Kudat pada 11 April, 1977, beliau ada membayangkan tentang kemungkinan-kemungkinan parti BERJAYA memperhebatkan gerakannya untuk menyingkir dan menindas penyokong-penyokong USNO dalam semua jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun lainnya.

Di pertemuan itu beliau telah menyatakan rasa kesalnya kerana pihak berkuasa tempatan (Kudat) menolak permohonannya untuk mendapatkan dua buah bilik di Rumah Rehat itu. Dan beliau hanya diberi satu bilik sahaja sedangkan Puan Sri dan Datuk Askar Hasbullah (Setiausaha Agung USNO) juga ikut serta dalam lawatan ke Kudat itu.

Walau bagaimanapun, Tan Sri Said tidak mahu menyalahkan pihak berkuasa tempatan mengenai peristiwa tersebut kerana mungkin mereka telah menerima arahan dari pihak atas (Kota Kinabalu) untuk bertindak demikian.

Tetapi beliau telah membayangkan tentang kemungkinan-kemungkinan kerajaan BERJAYA akan bertindak lebih agresif lagi terhadap penyokong-penyokong USNO di masa-masa yang akan datang.

Katanya, "Kalau saya sebagai bekas Ketua Menteri dan Datuk Askar Hasbullah, sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri telah tidak diberi kemudahan untuk mendapat bilik di Rumah Rehat itu, maka sudah tentu ahli-ahli USNO lain tidak akan mendapat layanan yang sewajarnya dari kerajaan negeri.

Dalam perbualan yang singkat itu, beliau telah memberitahu saya tentang tindakan Kementerian Pertanian Negeri menyingkir berpuluh-puluh orang pekerjanya dari Kota Belud yang dianggap masih pro USNO.

Secara kebetulan pula pada ketika itu, peristiwa penyingkiran dan pemecatan penyokong-penyokong USNO di semua jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun telah menjadi satu lagi issue politik yang paling hangat diperbincangkan oleh rakyat Sabah.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA mulai merasa cemas dengan kemunculan dan kehadiran Tan Sri Said, Datuk Dzul-

kifli Hamid dan pemimpin-pemimpin USNO lain dalam tiap-tiap mesyuarat perwakilan USNO di peringkat bahagian mahupun cawangan. Kesan dari lawatan Tan Sri Said dan rombongannya itu bukan sahaja dapat memperkuatkan kedudukan USNO di kawasan yang berkenaan tetapi juga telah dapat melemahkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan BERJAYA.

Menteri-menteri kanan kerajaan negeri terpaksa membuat lawatan kilat di kawasan-kawasan di mana Tan Sri Said berucap dan berdialog dengan rakyat. Wakil-wakil Rakyat dan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA setempat telah diarahkan supaya mengerah dan mengumpul orang ramai untuk mendengar amanat dan ucapan dari menteri-menteri berkenaan.

Tujuan utama lawatan para menteri itu ialah untuk menolak segala tuduhan yang dibuat oleh Tan Sri Said dan pemimpin-pemimpin USNO lain terhadap kerajaan negeri. Dan dalam lawatan begini biasanya mereka akan meluluskan beberapa 'projek kilat' yang dianggap dapat memenangi hati rakyat di kawasan-kawasan yang dilawati itu.

Inilah taktik dan caranya yang diamalkan oleh para menteri BERJAYA dalam usaha mereka untuk menghalang rakyat memberi sokongan kepada USNO. Taktik dan amalan ini juga digunakan oleh kerajaan pusat guna menghancurkan pengaruh parti-parti lawan dalam kawasan-kawasan yang tertentu.

Pucuk pimpinan parti BERJAYA telah mulai menyedari bahawa perletakan jawatan Tun Datuk Mustapha sebagai pemimpin agong USNO selepas parti itu gagal untuk mempertahankan kerajaannya dalam pilihanraya umum pada tahun 1976 lalu, telah tidak memberi apa-apa kesan kepada parti itu.

Walaupun ada di antara ahli-ahli USNO yang sangat taksud dan fanatik kepada Tun Mustapha, tetapi mereka masih boleh berpegang kepada semboyan sakti yang sering menjadi panduan bagi mana-mana anggota parti politik yang kehilangan pemimpin agong mereka.

TOKOH DATANG DAN TOKOH PERGI, TETAPI USNO TERUS HIDUP DI BUMI SABAH. Dengan lain perkataan,

USNO di bawah pimpinan Tan Sri Said Keruak masih mampu untuk meneruskan perjuangannya.

Parti BERJAYA telah memperhebatkan gerakannya untuk menelan USNO setelah calon parti itu, Tuan Haji Karim Ghani ditewaskan oleh calon bebas, A.K. Alauddin yang disokong oleh BERJAYA dalam pilihanraya kecil bagi kawasan Kimanis pada awal tahun 1977.

Mengikut perhitungan para pemimpin parti BERJAYA, kekalahan USNO dalam satu kawasan pilihanraya kecil yang dianggap sebagai kubunya yang paling kebal pada ketika itu, membuktikan bahawa pengaruh USNO sudah tidak ada lagi di kawasan bumiputera Islam. Berdasarkan kepada perhitungan itulah maka parti BERJAYA telah cuba hendak meluaskan pengaruhnya di kawasan-kawasan yang didiami oleh kaum bumi yang beragama Islam.

Parti BERJAYA telah menggunakan beberapa orang Wakil Rakyat dan tokoh-tokoh USNO yang menyeleweng itu sebagai alat dan senjatanya untuk mendapatkan sokongan dari kaum bumi yang beragama Islam. Kerajaan negeri, yang dikuasai oleh BERJAYA pula turut menggunakan berbagai cara bagi menjayakan gerakan tersebut.

Oleh kerana gerakan untuk menelan USNO itu tidak mendapat hasil yang memuaskan, maka sebelum berlangsungnya perhimpunan agong USNO yang ke sebelas (kali pertama sebagai parti pembangkang) parti BERJAYA telah memperhebatkan tekanan politik dan ekonomi terhadap Wakil-Wakil Rakyat dan para pemimpin USNO yang dianggap "hardcore" dan keras kepala.

Tokoh-tokoh USNO yang masih berdegil dan tidak mahu tunduk kepada tekanan-tekanan itu terpaksa menghadapi segala kemungkinan yang akan mengakibatkan kehilangan punca kekayaan dan sebagainya. Sebaliknya, kiranya mereka sanggup 'menyerah kalah' kepada parti BERJAYA, besar kemungkinan mereka akan mendapat punca rezeki yang baru pula.

Sebahagian kecil dari pemimpin-pemimpin USNO tidak sanggup menerima tekanan demi tekanan tersebut dan terpaksa menyerah kalah kepada Datuk Harris. Pada akhir bulan April, 1977, seorang pengasas dan salah seorang Naib Presiden USNO, Allahyarham Senator Datuk Abu Bakar Titingan, mengistiharkan perletakan jawatannya dalam USNO dan terus keluar dari parti itu.

Pengumuman perletakan jawatan itu dibuat sehari sebelum USNO bahagian Tawau mengadakan mesyuarat perwakilannya. Oleh kerana Allahyarham seorang pemimpin USNO yang berpengaruh, maka sudah tentu ianya menimbulkan reaksi yang tidak baik di kalangan ahli-ahli USNO seluruhnya.

Walaupun alasan peletakan jawatan itu kerana kesihatannya yang sering terganggu, tetapi rakyat Sabah amnya dan ahli-ahli USNO khususnya, sangat arif sebab-sebab mengapa pengu- muman perletakan jawatan itu dibuat secara mendadak.

Allahyarham bukan sahaja bertindak keluar dari sebuah parti politik yang diasasnya bersama-sama rakan-rakan seperjuangannya, tetapi juga telah meletakkan jawatannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Balun. Dan dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan itu sesudah itu, calon BERJAYA Syed Abas Syed Ali telah memenangnya.

Menurut maklumat yang saya terima bahawa Allahyarham Datuk Abu Bakar Titingan adalah di antara pemimpin-pemimpin USNO yang paling banyak mendapat 'nikmat' dalam zaman pemerintahan USNO/SCA dulu.

Allahyarham juga ialah di antara berpuluh-puluh orang jutawan bumiputera yang telah dapat dicipta dan dilahirkan oleh Tun Datu Mustapha dalam zaman pemerintahannya selama tiga belas tahun. Menerusi USNO, Allahyarham bukan sahaja mendapat kekayaan tetapi juga kedudukan yang paling istimewa sekali.

Sebagai salah seorang pemimpin USNO yang paling rapat sekali dengan Tun Mustapha, maka Allahyarham berpeluang mendapat apa sahaja yang diidamkannya. Dan pada pertengahan tahun 1972, Allahyarham dilantik sebagai pengerusi Hal-

ehwal Majlis Ugama Islam yang pertama di Sabah.

Kalau ditinjau dari jumlah harta kekayaan dan kedudukan yang dikecapinya menerusi parti politik yang dianutnya, maka tidak seorang makhluk Allah pun yang menjangka Allahyarham sanggup meninggalkan USNO di saat-saat tenaganya sangat-sangat dikehendaki.

Tetapi oleh kerana Allahyarham telah 'diberi dua pilihan' oleh pihak berkenaan, ia itu SAMADA INGIN MENERUSKAN PERJUANGAN DALAM USNO atau TERUS BERGIAT DALAM LAPANGAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN. Oleh kerana Allahyarham ini termasuk dalam kategori golongan pemimpin-pemimpin USNO yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang wujud di Sabah ketika itu, maka terpaksa beliau mencari jalan keluar untuk menyelamatkan kedudukan dan kekayaannya.

Sebagaimana yang pernah saya sebutkan sebelum ini bahawa orang-orang USNO yang telah dimanjakan dengan pemberian kayubalok, wang ringgit dan kemudahan-kemudahan lain dalam zaman pemerintahan USNO/SCA dulu, tidak sanggup menghadapi tekanan dari pihak berkenaan, dan mereka ini akan menyerah kalah kepada musuh bila kedudukan mereka akan terancam nanti.

Pada keseluruhannya, tokoh-tokoh USNO yang melompat dan menyerah kalah kepada parti BERJAYA itu ialah terdiri dari "orang-orang kuat" yang sangat disayangi oleh Tun Mustapha.

Walaupun Datuk Abu Bakar Titingan tidak banyak mengecam USNO dan para pemimpinnya selepas tindakannya itu, tetapi kesan dari tindak-tanduknya menguntungkan parti lawan.

Ada kalangan dalam USNO menganggap bahawa pengumuman perletakan jawatannya itu telah dirancang lebih awal untuk menggagalkan mesyuarat perwakilan di Tawau. Allahyarham ialah pengasas USNO bahagian itu dan beliau dianggap sebagai seorang pemimpin yang paling berpengaruh sekali di sekitar daerah Tawau, Lahad Datu, Semporna dan

juga di Sandakan.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA menganggap bahawa dengan pengunduran beliau secara mendadak itu, akan dapat mempengaruhi pengikut-pengikutnya di daerah-daerah tersebut supaya mengikuti jejak langkahnya.

Tetapi atas kebijaksanaan Tan Sri Said Keruak dan pemimpin-pemimpin USNO lainnya, maka mesyuarat itu telah dapat diteruskan dengan meriahnya. Kehadiran para perwakilan dan pemerhati pada hari itu adalah lebih ramai dari yang dijangkakan. Dan setiap mereka telah berikrar akan melipatgandakan usahanya bagi memastikan kemenangan USNO dalam pilihanraya yang akan datang.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA telah mulai sedar bahawa usaha mereka untuk menghancurkan pengaruh USNO menjelang perhimpunan agongnya yang ke sebelas tidak mendatangkan hasil yang memuaskan.

Malah kedudukan USNO makin bertambah teguh kalau dibandingkan dengan sebelum berlakunya peristiwa lompat melompat itu. Dan pada keseluruhannya, moral ahli-ahli USNO tidak sedikitpun terjejas dengan penyelewengan beberapa orang tokoh pentingnya.

Walau bagaimanapun, parti BERJAYA telah berhasil menghalang beberapa orang "anak emas" Tun Mustapha daripada memberi sebarang sokongan untuk USNO di bawah pimpinan Tan Sri Said Keruak. Satu hakikat yang agak sukar hendak dinafikan bahawa sebahagian besar dari Wakil-Wakil Rakyat USNO dan tokoh-tokoh pentingnya yang terpaksa tunduk kepada tekanan-tekanan parti BERJAYA itu ialah terdiri dari "orang-orang kuat" Tun Mustapha.

Kerajaan Negeri yang dikuasai oleh parti Berjaya mula mengendurkan tekanannya terhadap para pemimpin USNO setelah adanya "pengesahan dari Kuala Lumpur" tentang lawatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir ke Sabah kerana merasmikan perhimpunan agong USNO yang ke sebelas.

Lawatan Dr. Mahathir ke Sabah pada 28 Mei, 1977 itu

sesungguhnya hampir menamatkan persengketaan di antara parti BERJAYA dengan USNO. Pemimpin-pemimpin kedua-dua parti politik itu sama-sama berada di lapangan terbang Kota Kinabalu kerana menyambut ketibaan Timbalan Perdana Menteri dan rombongannya.

Walaupun kedatangan Dr. Mahathir itu di atas undangan USNO, tetapi oleh kerana Kerajaan Negeri dikuasai oleh parti BERJAYA, maka dengan sendirinya Timbalan Perdana Menteri itu juga menjadi tetamu kepada kerajaan Sabah. Dan inilah kesempatan yang sebaik-baiknya dapat digunakan oleh Dr. Mahathir untuk menyelesaikan persengketaan di antara kedua buah parti yang menjadi kerabat Barisan Nasional.

Kesanggupan Datuk Harris Salleh dan para pemimpin parti BERJAYA lainnya turut mengiringi Dr. Mahathir ke majlis makan malam di rumah Tan Sri Said di Likas pada 28 Mei, 1977 yang lalu telah memeranjatkan pemerhati-pemerhati politik di Kota Kinabalu.

Inilah kali pertamanya Datuk Harris, selaku Ketua Menteri dan Presiden parti BERJAYA, "berada di tengah-tengah penyokong USNO" dalam satu majlis makan malam yang diadakan kerana meraikan Timbalan Perdana Menteri dan rombongannya.

Dalam pertemuan bersejarah itu, Datuk Harris dan rakan-rakannya cuba hendak meyakinkan Dr. Mahathir, Datuk Musa Hitam dan para pemimpin Barisan Nasional lainnya bahawa parti BERJAYA bersedia untuk menyelesaikan persengketaannya dengan USNO pada bila-bila masa sahaja jika pihak Kuala Lumpur benar-benar menghendaki supaya mereka berbuat demikian.

Datuk Harris, Datuk Haji Halik Zaman (Singa BERJAYA), A.K. Alauddin dan lain-lain pemimpin BERJAYA kelihatan begitu mesra sekali bertukar-tukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin USNO. Dan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kedua-dua pihak itu sedang bercakaran antara satu sama lain.

Sebagai menghormati lawatan Dr. Mahathir ke Sabah, Datuk Harris telah ikut serta bersama rombongan Timbalan Perdana

Menteri menghadiri perhimpunan agong USNO itu yang berlangsung di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu keesokan harinya. Kehadiran Harris ini menggemparkan para perwakilan dan pemerhati yang membanjiri dewan tersebut.

Beliau kelihatan tenang sahaja menghadapi penyokong-penyokong USNO yang agak bersikap agresif terhadapnya.

Pemerhati-pemerhati politik di Kota Kinabalu mengira bahawa kehadiran beliau itu sebagai satu "perubahan sikap" yang tidak diduga sama sekali. Sementara orang-orang USNO pula berpendapat bahawa Dr. Mahathir telah menggunakan pengaruh dan jasa baiknya untuk merapatkan semula perhubungan di antara pemimpin USNO dan pemimpin BERJAYA.

Mengikut hemat saya bahawa selaku Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir telahpun menjalankan usahanya untuk menamatkan krisis di antara dua buah parti politik yang menjadi kerabat kepada Barisan Nasional.

Tetapi Dr. Mahathir sendiri menyedari bahawa usaha damai-nya itu tidak kekal dan berkesan selagi pemimpin di antara kedua buah parti itu tidak dapat mengikis perasaan curiga-mencurigai dan dendam-mendendam antara satu sama lain.

Menurut pendapat umum bahawa penyelesaian politik di Sabah pula tidak akan dapat diselesaikan selagi tokoh-tokoh yang bertentangan itu tidak diketepikan buat sementara waktu kerana timbulnya krisis politik itu adalah berpunca dari soal peribadi.

Datuk Harris Salleh dan Datuk James Ongkili mungkin boleh bersemuka dengan Tan Sri Said Keruak dan Datu Sakaran bin Dandai dalam satu majlis perundingan, tetapi ada di antara pemimpin-pemimpin lain dari kedua buah parti itu yang tidak sanggup bertentang mata antara satu sama lain pula.

Permusuhan peribadi di antara pemimpin-pemimpin BERJAYA dengan USNO yang berkenaan bolehlah dianggap dalam istilah ilmu tajuwid seperti "NUN MATI dengan TANWIN" (baris dua) yang tidak boleh bertemu dalam satu kalimat. Dan ada di antara pemimpin USNO yang enggan menghadiri satu majlis atau perjumpaan di mana seorang Menteri Kerajaan

Sabah juga turut diundang menghadirinya.

Malah pernah berlaku di mana seorang pemimpin USNO terpaksa membatalkan penerangannya secara mendadak bila ia diberitahu bahawa seorang Menteri Kerajaan Sabah juga berada dalam penerbangan tersebut.

Inilah realiti politik di Sabah yang dikatakan unik itu. Dan sebarang penyelesaian politik tidak akan kekal selagi soal permusuhan peribadi dikaitkan dengan soal politik dan pentadbiran. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Kuala Lumpur, khususnya Dr. Mahathir telahpun menyedari hakikat ini yang sebenarnya.

Tan Sri Said Keruak pernah memberitahu Datuk Hussein Onn bahawa selagi Datuk Haji Mohd Noor Mansor masih memegang jawatan penting dalam parti BERJAYA dan Datuk Dzulkifli Hamid pula masih aktif dalam USNO, maka kerjasama diantara parti BERJAYA dan USNO tidak akan dapat terjalin. Dan suasana politik Sabah tetap tegang.

bahawa Tun Mustapha telah menggunakan "Badan Dakwah" itu (USIA) untuk menguji pengaruhnya di kalangan rakyat yang beragama Islam sesudah beliau tidak mempunyai apa-apa kuasa lagi di Sabah. Dan ternyata sekali bahawa pengaruh peribadi bekas Ketua Menteri Sabah itu masih lagi boleh menggugat situasi politik di negeri itu.

Sudah ada pertanda-pertanda yang jelas bahawa bekas Presiden USNO itu telah memeralatkan "USIA" untuk mengembelingkan seluruh tenaga umat Islam di Sabah untuk menentang parti BERJAYA yang menguasai negeri itu. Selaku Presiden parti BERJAYA dan Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh telah menduga lebih awal lagi tentang kemungkinan Tun Mustapha akan menggunakan USIA pula untuk menjalankan kegiatan politiknya di Sabah.

Beliau telah cuba untuk mengelakkan supaya Tun Mustapha dan rakan-rakannya dalam USNO, tidak akan dapat terus meneruskan memeralatkan "USIA" untuk kepentingan politik mereka. Dan usaha-usaha telahpun dijalankan oleh pihak yang berkenaan untuk mengambilalih pucuk pimpinan USIA dari orang-orang USNO.

Nama Datuk Mokmin Kalakhan, bekas Speaker Dewan Undangan Sabah telah disebut-sebut sebagai seorang tokoh yang paling layak untuk menggantikan Tun Mustapha sebagai Pengerusi USIA yang baru kalau sekiranya, Parti BERJAYA dapat menguasai Badan Dakwah itu dari orang-orang USNO.

Datuk Harris sendiri, pernah membayangkan kepada seorang wartawan dari Semenanjung tentang hasratnya untuk mengambil alih pucuk pimpinan USIA dari Tun Mustapha. Dan beliau telah menamakan Datuk Mokmin Kalakhan sebagai Calon yang utama yang bakal akan memimpin USIA kalau sekiranya usaha tersebut diresdai oleh seluruh ahli-ahli USIA.

Tetapi oleh kerana kedudukan Tun Mustapha dan rakan-rakannya dalam USIA, sudah tidak boleh diganggu-gugat lagi,

maka Datuk Harris terpaksa membatalkan rancangannya untuk menguasai Badan Dakwah itu secara mendadak. Dan sampai hari ini, parti BERJAYA belum lagi dapat meresapkan (infiltrate) tokoh-tokoh penting dalam organisasi Badan Dakwah tersebut.

Menerusi USIA inilah, Tun Mustapha telah dan sedang menjalankan kegiatan-kegiatan yang telah mencemaskan kedudukan masa depan politik Datuk Harris dan rakan-rakannya. Dan parti BERJAYA masih lagi menganggap beliau sebagai musuh nombor wahid walaupun beliau sudah meletakkan jawatannya sebagai Presiden USNO.

Dalam ucapannya di majlis-majlis ceramah dan perjumpaan-perjumpaan dengan ahli-ahli USIA dan penyokong-penyokong USNO, beliau bukan sahaja menyentuh soal kebangkitan umat Islam sekarang. Tetapi beliau juga membangkitkan kedudukan nasib kaum-bumiputra yang beragama Islam di Sabah sejak parti BERJAYA menguasai negeri itu.

Diwaktu berucap di depan kira-kira 5,000 orang penyokong USNO di dewan masyarakat Kudat pada 14hb. April 1977 yang lalu, bekas Ketua Menteri Sabah itu telah membayangkan tentang kemungkinannya beliau akan aktif semula dalam USNO yang pernah dipimpinnya selama 20 tahun.

Dalam ucapannya yang bersejarah itu, Tun Mustapha lebih banyak menitik-beratkan soal perpaduan kaum bumiputera dalam menghadapi segala cabaran di bawah pemerintahan parti BERJAYA. Beliau telah mengingatkan ahli-ahli USNO supaya bersedia dan bertenang menghadapi tekanan-tekanan yang lebih hebat dari parti yang menguasai Sabah sekarang.

Mengulas mengenai sabab-sebab utama yang beliau mengundurkan diri dalam percaturan politik di negeri itu, beliau telah menegaskan, "dalam menghadapi satu-satu perjuangan adakalanya, kita terpaksa berundur setapak."

Tetapi bila tiba saat dan ketika yang baik, kita akan terus

mara semula. Dan kini saya sudah mulai bersedia untuk terus mara dan maju ke depan". Ucapan penuh Tun Mustapha di dewan masyarakat Kudat itu telah dimuatkan di muka depan Akhbar Harian Watan, keluaran 16hb. April 1977.

Para pemerhati politik di Sabah dan penyokong-penyokong USNO setempat, berpendapat bahawa ucapan Tun Mustapha itu telah membayangkan hasratnya untuk memimpin USNO semula. Dua jam sahaja selepas beliau berucap di dewan Masyarakat Kudat itu, USNO bahagian Bangku-Bangi yang dipimpin adiknya, Datu A. Sallam bin Datu Harun telah mengadakan satu mesyuarat tergepar untuk membincangkan ucapan bekas Ketua Menteri Sabah itu.

Mesyuarat tergepar tersebut telah mengambil keputusan merayu kepada Tun Mustapha supaya mengambil alih pucuk pimpinan USNO yang pada waktu itu dipangku oleh Tan Sri Mohammad Said Keruak. Keputusan USNO bahagian Bangkuka-Bangi itu telah diikuti pula oleh USNO bahagian Labuan, Kawan, Marutai dan beberapa bahagian lainnya.

Sudah ada di kalangan pemimpin USNO yang merasa bimbang dengan perkembangan-perkembangan yang wujud pada ketika itu dalam parti tersebut, dan mereka khuatir takut-takut kalau Tan Sri Said akan "berkecil hati" bila nama beliau tidak dicalonkan sebagai Presiden USNO dalam perhimpunan agong yang akan datang. Sedangkan beliaulah, pemimpin yang bertanggungjawab "memulihkan semula semangat ahli-ahli USNO" yang sudah kehilangan tempat berteduh itu.

Berdasarkan kepada hakikat itu, maka Pengerusi USNO bahagian bandar Tawau, Datuk Kassim Kamiddin menyeru ahli-ahli USNO supaya memberi kepercayaan penuh kepada Tun Mustapha dan Tan Sri Said Keruak. Dalam satu kenyataannya kepada Watan (12hb. Mei 1977) beliau merasa yakin bahawa kedudukan USNO akan bertambah teguh, bila Tun Mustapha dan Tan Sri Said berada dalam pucuk pimpinan parti.

Datuk Kassim merasa begitu optimis bahawa Tan Sri Said tidak akan berkecil hati bila Tun Mustapha akan diberi mandat oleh perhimpunan agung yang akan datang. (28-29 Mei, 1977) Dan beliau yakin bahawa pemangku presiden USNO sekarang, Tan Sri Said akan memberi kerjasama bahu-membahu dengan Tun Mustapha untuk memastikan kemenangan parti itu dalam pilihanraya yang akan datang ini.

Sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kemunculan semula Tun Mustapha dalam pergolakan politik Sabah, boleh mencetuskan satu kerisik kepimpinan dalam USNO kalau sekiranya pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dalam parti tersebut tidak dapat mengawal perasaan masing-masing.

Ada satu golongan pula dalam USNO yang merasa bimbang takut-takut kalau sekiranya pihak Kuala Lumpur tidak merestui "pemilihan Tun Mustapha" sebagai Presiden parti itu. Kerana mengikut anggapan umum pada ketika itu bahawa pihak Kuala Lumpur tidak akan memberi sebarang bantuan dan sokongan kepada mana-mana parti komponen kalau sekiranya 'pemimpin' parti yang berkenaan tidak di restui atau disenangi oleh pihak yang bertanggungjawab di Kuala Lumpur.

Dengan lain perkataan bahawa untuk menjamin kemenangan dalam pilihanraya yang akan datang, USNO harus "memilih seorang pemimpin yang di restui dan disenangi oleh Datuk Hussein Onn" dan rakan-rakannya. Dan inilah satu dilema yang telah dan sedang dihadapi oleh USNO sekarang.

Sebenarnya, Tan Sri Said sendiri pernah membayangkan kepada saya bahawa beliau bersedia menyerahkan pucuk pimpinan USNO kepada Tun Mustapha pada bila-bila masa sahaja, demi untuk kepentingan rakyat bumi Sabah. Menurut beliau, siapa yang akan memimpin USNO tidak begitu penting. Tetapi yang lebih pentingnya, adakah pimpinannya itu akan menguatkan kedudukan USNO di negeri ini?

Ini jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Said tidak berghairah dan berminat untuk terus mempertahankan kedudukannya sebagai seorang pemimpin dalam sebuah parti politik kalau sekiranya ada seorang tokoh yang agak lebih

maka perhimpunan agung tersebut telah mendesak supaya beliau terus bertanding untuk merebut jawatan Timbalan Presiden.

Dan demi untuk kebaikan USNO, maka beliau terpaksa patuh kepada tuntutan para perwakilan itu. Dan beliau telah dipilih sebulat suara sebagai Timbalan Presiden USNO di bawah pimpinan Tun Mustapha.

Keputusan perhimpunan agung USNO memilih Tun Mustapha (tanpa kehadirannya) semula sebagai presiden parti itu bukan bererti bahawa ahli-ahli USNO tidak menaruh keyakinan lagi kepada Tan Sri Said untuk terus memimpin parti tersebut.

Tetapi ada beberapa faktor lain yang mendorong ahli-ahli USNO meletakkan Tun Mustapha di barisan depan untuk menghadapi parti BERJAYA yang dipimpin oleh Datuk Harris Salleh. Sikap pucuk pimpinan parti BERJAYA yang tidak mengenal belas kesihan kepada musuh-musuh politiknya itu, memaksa USNO mencari seorang tokoh yang lebih agresif bagi memimpin parti itu.

Selain dari itu, kesedaran politik di kalangan rakyat Sabah masih belum sampai ke peringkat di mana seorang ahli bagi sebuah parti, harus memberi pengorbanan kepada sebuah parti yang dianutinya. Pemimpin sebuah parti politik di Semenanjung Malaysia, tidak memerlukan jumlah wang yang banyak untuk menyusun semula partinya di semua peringkat.

Pada ghalibnya, penyokong-penyokong parti yang berkenaan mengongkosi sebahagian dari perbelanjaan para pemimpin mereka yang menjalankan urusan parti mengikut kadar masing-masing. Sebagai contoh, penyokong-penyokong PAS di Kelantan, Trengganu dan Kedah, sanggup mengorbankan tiga empat ekor lembu untuk menarik perhatian orang ramai supaya menghadiri majlis-majlis ceramah dan dailog yang diadakan hampir tiap-tiap minggu di negeri-negeri tersebut. Datuk Asri dan para pemimpin PAS lainnya, tidak perlu membelanjakan wang beribu-ribu ringgit untuk memeriahkan majlis-majlis ceramah yang dianjurkan oleh PAS.

Begitu juga, pemimpin-pemimpin parti Rakyat, DAP dan parti-parti pembangkang lainnya, tidak memerlukan jumlah wang yang begitu banyak untuk memperkuatkan kedudukan partinya masing-masing. Kerana ahli-ahli parti yang berkenaan, menyedari tanggungjawab mereka terhadap parti.

Tetapi oleh kerana para pemimpin parti-parti politik yang ujud di Sabah sekarang, terdiri dari golongan jutawan yang telah mendapat nikmat kekayaan menerusi saluran politik, maka dengan sendirinya merekalah yang bertanggungjawab dalam masalah kewangan parti politik yang mereka pimpin.

Sejak dari mula-mula orang Sabah menikmati kemerdekaan hingga ke hari ini, penyokong-penyokong mana-mana parti politik yang mendukung kerajaan telah dimanjakan dengan pemberian kawasan, kayu-balak dan kemudahan-kemudahan lain. Dan anggota anggota parti yang berkenaan, tidak perlu lagi memikirkan masalah kewangan parti, kerana mereka sangat-sangat arif di mana datangnya "punca kewangan parti itu."

Dalam zaman pemerintahan USNO-SCA dulu, Tun Mustapha telah menggunakan kuasa dan pengaruh peribadinya untuk "melahirkan beratus-ratus orang kaya baru" di kalangan para pemimpin USNO dan SCA. Dan tokoh USNO dan SCA yang mendapat nikmat dari kemurahan hati Tun Mustapha itulah yang diberi tugas dan tanggungjawab untuk memimpin parti di semua peringkat mengikut kadar dan kemampuan masing-masing.

Pada lazimnya, pemimpin-pemimpin di peringkat bahagian itulah bertanggungjawab dalam urusan kewangan parti di kawasan masing-masing. Saya pernah diberitahu bahawa seseorang Ketua bahagian USNO, terpaksa membelanja di antara 30-50 ringgit untuk mengadakan satu mesyuarat perwakilan dan menghantar para perwakilan dan pemerhati ke perhimpunan agung di Kota Kinabalu.

Allahyarham Tun Fuad Stephen juga telah melakukan amalan yang sama dalam zaman pemerintahan UPKO-USNO—SCA dulu. Dan dalam zaman pemerintahan parti BERJAYA sekarang, Datuk Harris Salleh telah mewarisi amalan kedua dua

orang pemimpin agung itu.

Setakat ini, selaku Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh telah berjaya melahirkan beberapa orang jutawan dan orang-orang kaya baru di kalangan pucuk pimpinan parti BERJAYA dan rakan-rakan yang rapat dengan beliau. Selagi Datuk Harris Salleh masih berkuasa, parti BERJAYA tidak akan menghadapi apa-apa kesulitan untuk mendapatkan bantuan kewangan dan kemudahan-kemudahan lain.

Tetapi sebagai sebuah parti pembangkang, USNO sudah tidak mendapat apa-apa kemudahan lagi dari pihak yang tertentu. Dan dengan itu, sumber kewangan parti itu tidak wujud lagi.

Ahli-shli USNO dan para penyokongnya, menyedari bahawa Tan Sri Said, Datuk Ghani Gilong, Datuk Sakaran Dandai, Datuk Dzulkifli Hamid dan para pemimpin USNO lainnya tidak akan dapat memikul beban kewangan parti tanpa sokongan yang kuat dari Tun Mustapha. Kerana mengikut anggapan orang-orang USNO, hanya Tun Mustapha sahajalah yang akan dapat "mengatasi masalah kewangan USNO" pada ketika itu.

Dalam sejarah pergolakan politik di Sabah, hanya pemimpin-pemimpin yang "bertaraf jutawan" sahaja setakat ini yang telah dapat mengwarna-warnikan politik di negeri itu.

Berdasarkan kepada hakikat inilah yang mendorongkan ahli-ahli USNO memberi mandat kepada Tun Mustapha semula untuk memimpin parti itu. Dan mereka yakin bahawa beliau (Tun Mustapha) akan menggunakan segala kekayaan dan pengaruh peribadinya untuk menghalang kemaraan parti BERJAYA di Sabah.

PERLETAKAN JAWATAN TUN MUSTAPHA

OLEH kerana Tun Mustapha belum lagi bersedia untuk menetap semula di Sabah, maka tidak banyak kemajuan dan kejayaan yang dapat dicapai oleh USNO dalam tempoh beliau memegang jawatan Presiden parti itu selama enam bulan.

Kalau tidak salah ingatan saya, beliau hanya sekali sahaja dapat menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi USNO yang diadakan di tempat kediamannya di Tanjong Aru pada pertengahan bulan Jun, 1977. Mesyuarat tersebut diadakan ialah kerana untuk memilih seorang Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan beberapa orang pegawai lainnya.

Saya telah diberitahu bahawa mesyuarat tersebut, telah tidak membuat apa-apa keputusan kerana Tun Mustapha dan keluarganya masih berkabung di atas kematian adiknya, Datuk Aliuddin bin Datu Harun. Dan kira-kira 15 minit sahaja, selepas mesyuarat itu berakhir, beliau terus terbang ke London melalui Kuala Lumpur.

Sebenarnya, Tun Mustapha sendiri menyedari bahawa sebab-sebab utama yang rakyat Sabah tidak begitu senang dengannya ialah kerana beliau sering berada di luar negeri. Dan sampai hari ini, beliau masih belum sanggup untuk berada di tengah-

tengah rakyat sebagaimana pemimpin-pemimpin lain.

Pada mulanya, pemimpin-pemimpin parti BERJAYA merasa gentar dan cemas dengan kemunculan semula Tun Mustapha dalam arena politik Sabah kerana mengikut anggapan mereka bahawa bekas Ketua Menteri itu "telah pun bersedia untuk tinggal tatap" di Sabah.

Tetapi sebaliknya, Datuk Harris dan rakan-rakannya merasa senang dan lega kembali bila tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa bapak kemerdekaan Sabah itu akan menetap semula di Sabah. Walaupun sampai hari ini, Tun Mustapha masih lagi dianggap satu-satunya pemimpin Sabah yang mempunyai pengikut yang paling banyak di kalangan semua kaum di negeri itu, tetapi pimpinannya tidak akan berkesan lagi kalau sekiranya beliau tidak sanggup meninggalkan "Kota London yang indah itu."

Sebagai sebuah parti pembangkang yang ulung, USNO memerlukan seorang pemimpin yang berada di tengah-tengah rakyat. Kekalahan USNO dalam pilihanraya tahun 1976 yang lalu ialah kerana sebahagian besar para pemimpinnya tidak sanggup menghadapi rakyat yang telah memberi mandat kepada mereka. Dan para pemimpin USNO yang ada hari ini, tidak seharusnya mengulangi kesalahan yang sama.

USNO sekali lagi menghadapi krisis kepimpinan, bila Tun Mustapha telah meletakkan jawatannya sebagai presiden parti itu setelah kira-kira enam bulan beliau memegang jawatan tersebut. Inilah perletakan jawatan yang kedua bagi Tun Mustapha selepas Parti BERJAYA menguasai Sabah.

Sebelum perletakan jawatan Tun Mustapha itu diumumkan, telah ada desas-desus yang mengatakan "Datuk Ghani Gilong" telah diminta supaya memangku jawatan Presiden parti. Dan saya telah diberitahu pada ketika itu bahawa ada anasir-anasir yang tertentu yang cuba hendak menonjolkan Datuk Ghani Gilong supaya mengambil alih pucuk pimpinan USNO selepas

perletakkan jawatan Tun Mustapha.

Percubaan tersebut pada peringkat awalnya, telah menimbulkan suasana yang agak tegang dalam pucuk pimpinan USNO. Kerana tidak ada di antara ahli-ahli Majlis Tertinggi USNO yang menduga bahawa ada "anasir" yang cuba hendak mengeneipikan "Tan Sri Said dalam saat-saat yang genting" seperti itu.

Beberapa orang Anggota Dewan Undangan Negeri, terpaksa terbang ke Kuala Lumpur untuk menemui para pemimpin USNO yang telah sedia ada di sana. Perjumpaan-perjumpaan sulit telah diadakan di antara Datuk Dzulkifli Hamid dengan Datuk Haji Ashkar Hasbolah, En. Nohammad Omar Bledram, Tuan Haji Mohammad Tambi dan beberapa orang pemimpin USNO lain di Dashrun Hotel dan di Merlin Hotel untuk mencari jalan keluar bagi menyelesaikan krisis kepimpinan USNO pada ketika itu.

Oleh kerana pucuk pimpinan USNO dan Anggota Dewan Undangan Negerinya, mengambil keputusan berdiri teguh di belakang Tan Sri Said dan tidak mahu bertolak-ansur mengenai masalah "perlantikan Pemangku Presiden USNO" selepas perletakkan jawatan Tun Datu Mustapha, maka dengan sendirinya percubaan untuk menonjolkan Datuk Haji Ghani Gilong sebagai Pemangku Presiden itu telah gagal dan hilang begitu sahaja.

Dengan berkat kebijaksanaan dan kesabaran pemimpin-pemimpin USNO yang berkenaan, maka akhirnya krisis kepimpinan USNO yang hampir menggugat keutuhan parti itu telah dapat diatasi. Dan dengan secara otomatis pula, Tan Sri Said telah dilantik sebagai pemangku Presiden sekali lagi.

Sewaktu Tan Sri Said menerima jawatan pemangku Presiden kali pertama dulu, USNO berada dalam keadaan yang tenat akibat dari kekalahannya dalam pilihanraya tahun 1976 yang lalu. Dan Tan Sri Said menghadapi masalah yang sama sekali lagi, bila buat kali yang keduanya beliau telah diberi amanat untuk memangku jawatan tersebut.

Satu hakikat yang harus diakui bahawa kesan dari perletakan jawatan Tun Mustapha sebagai Presiden USNO secara mendadak itu telah menimbulkan suasana yang tidak menyenangkan di kalangan ahli-ahli USNO seluruhnya.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA, menganggap bahawa perletakan jawatan Tun Mustapha itu sebagai satu pertanda bahawa bapak kemerdekaan Sabah itu sendiri — (Tun Mustapha) sudah tidak yakin lagi kepada perjuangan parti yang diasaskannya dulu. Dan parti BERJAYA juga telah menggunakan issue perletakan jawatan Tun Mustapha itu sebagai satu alat dan senjata untuk melemahkan keyakinan rakyat terhadap USNO.

Sebagai seorang pemimpin yang telah menerima amanat parti, beliau terpaksa memikul beban itu semula. Dan dengan kerjasama pemimpin-pemimpin USNO di semua peringkat beliau sekali lagi telah berjaya mengatasi masalah-masalah yang timbul akibat dari perletakan jawatan Tun Mustapha itu.

Seluruh jentera USNO telah digerakkan semula untuk menghadapi perhimpunan agung yang ketiga belas pada pertengahan tahun 1979. Dan jawatan beliau sebagai — pemangku Presiden USNO “telah disahkan” dalam perhimpunan agung itu bila beliau menang tanpa bertanding untuk merebut jawatan Presiden.

Seluruh para perwakilan dalam perhimpunan itu, telah berikrar akan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada beliau dalam usahanya untuk mengembalikan kekuasaan USNO di bumi Sabah. Dan dengan itu, kedudukan Tan Sri Said sebagai pemimpin nombor wahid dalam parti itu sudah tidak dapat diganggu-gugat lagi oleh mana-mana pihak.

Kedudukan Tan Sri Said dalam USNO, hampir sama dengan kedudukan Allahyarham Tun Abdul Razak dalam UMNO selepas persaraan Tunku Abdul Rahman Putra dari jawatan Presiden parti itu.

Allahyarham Tun Abdul Razak telah mendapat kepercayaan dan sokongan dari seluruh ahli-ahli UMNO bila Tunku Abdul

Rahman mengundurkan diri dari arena politik tanah air. Tan Sri Said juga telah mendapat ikrar taat setia daripada semua penyokong USNO bila Tun Mustapha telah meletakkan jawatan sebagai Presiden USNO.

Kalau tidak salah ingatan saya, Allahyarham Tun Abdul Razak tidak pernah menentang Tunku Abdul Rahman secara "terbuka" walaupun kedua-dua pemimpin itu tidak bersependapat dalam beberapa masalah yang tertentu. Tan Sri Said juga tidak pernah mengingkari perintah dan pendapat Tun Mustapha walaupun ada ketikanya — perintah dan pendapat Tun Mustapha itu tidak dapat diterima oleh hati — kecil beliau.

Dan kalau Allahyarham Tun Abdul Razak, tidak pernah melukakan perasaan dan hati kecil Tunku Abdul Rahman, semasa hayatnya, maka begitu juga Tan Sri Said belum pernah membelakangkan Tun Mustapha dalam membuat beberapa keputusan yang penting.

Dalam satu pertemuan dengan saya di rumah rehat Kudat pada 14hb. April 1977 yang lalu, beliau telah mengenangkan kembali beberapa peristiwa yang penting sebelum Dewan Undangan Negeri Sabah dibubarkan.

Menurut Tan Sri Said, selepas kemenangan dua orang calon USNO dalam dua pilihanraya kecil di Kinabatangan (Datuk Pg. Galpam) dan Labuan (En. Omar Bledram) pada 10hb. Disember 1975 yang lalu, Tun Mustapha merasa begitu yakin bahawa parti Perikatan akan dapat mempertahankan kerajaannya kalau sekiranya pilihanraya negeri akan diadakan secara mengejut.

"Dalam satu pertemuan khas dengan saya pada awal tahun 1976, Tun Mustapha telah cuba meyakinkan saya mengenai harapan USNO—SCA akan mendapat kemenangan yang cemerlang kalau sekiranya pilihan negeri dapat diadakan lebih awal daripada yang dijangka.

Beliau telah menasihatkan saya supaya membubarkan Dewan Undangan Negeri Sabah sebelum tamat tempohnya. Dan mengikut anggapan beliau bahawa perkembangan-perkembangan

yang wujud di Sabah pada ketika itu menunjukkan "imej dan moral" parti BERJAYA mulai menurun.

Hati kecil saya tidak dapat menerima pendapat dan hujjah Presiden USNO itu (Tun Mustapha) kerana mengikut maklumat yang saya terima bahawa amat sukar bagi USNO—SCA pada ketika itu untuk menghalang kemaraan parti BERJAYA. Dan pada keseluruhannya, USNO—SCA belum begitu bersedia untuk menghadapi pilihanraya secara mengejut.

Tun Mustapha kelihatan, tidak begitu senang dengan sikap saya yang enggan menerima bulat-bulat pendapatnya itu. Dan untuk meyakinkan saya, beliau menjelaskan bahawa pendapatnya itu berdasarkan kepada maklumat dan hasil kajian daripada 12 orang penasihat khasnya dalam berbagai bidang.

Beliau merasa begitu yakin bahawa penasihat-penasihatnya tidak akan memberi gambaran yang salah mengenai — sesuatu maklumat yang dikehendaki. Oleh kerana beliau terlampau yakin kepada pendapat dan ramalan penasihat-penasihatnya itulah yang mendorong beliau "mendesak saya supaya membubarkan" Dewan Undangan Negeri sebelum tamat tempohnya.

Sebagai seorang Ketua Menteri pada ketika itu, sayalah orang yang bertanggungjawab untuk menentukan tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri mengikut kehendak dan selera saya.

Saya juga berhak menolak nasihat Tun Mustapha yang menghendaki supaya Dewan Undangan Negeri dibubarkan kerana usia Dewan itu masih ada lagi kira-kira 10 bulan.

Kalau saya seorang pemimpin yang "gila kuasa" maka sudah tentu, saya tidak akan membubarkan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 23 Januari 1976 yang lalu. Kerana kedudukan Kerajaan Negeri yang saya pimpin pada ketika itu masih utuh dan saya masih boleh menjadi Ketua Menteri selama 7—8 bulan lagi tanpa diganggu-gugat oleh mana-mana pihak pun.

Tetapi oleh kerana "kedudukan dan jawatan Ketua Menteri" bukan menjadi matlamat perjuangan saya, maka sudah se-

wajarnya saya mematuhi kehendak Tun Mustapha itu.

Saya lebih mementingkan perpaduan parti dari segala-galanya. Dan saya tidak mahu segala tindak tanduk saya nanti akan merugikan perjuangan masa depan USNO.

Berdasarkan kepada hakikat itulah, saya banyak bertolakansur dengan Tun Mustapha dalam menentukan beberapa masalah di waktu saya menjadi Ketua Menteri dulu," ujar Tan Sri Said Keruak.

Dalam pertemuan tersebut, Tan Sri Said lebih banyak menyentuh tentang peranan penasihat-penasihat Tun Mustapha dalam zaman pemerintahan USNO—SCA dulu.

Katanya, "Walaupun saya tidak mempunyai penasihat-penasihat khas seperti Tun Mustapha. Tetapi saya juga mendapat "maklumat-maklumat yang tepat" dari semua golongan masyarakat di Sabah.

Saya kira, maklumat-maklumat yang saya dapat dari penyokong-penyokong USNO di pekan-pekan kecil dan daripada orang-orang yang tidak berparti di kaki-kaki lima lebih "tepat" dari maklumat-maklumat yang sering dibisikkan ke telinga Tun Mustapha oleh penasihat-penasihat khususnya.

Oleh sebab itu, saya tidak sependapat dengan Tun Mustapha dalam masalah menentukan tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri. Saya tidak dapat menelan bulat-bulat pendapat dan ramalan penasihat-penasihat Tun Mustapha yang mendakwa, parti Perikatan (USNO—SCA) akan dapat menewaskan parti BERJAYA kalau sekiranya pilihanraya negeri akan diadakan di antara bulan Januari — Mac tahun 1976.

Sebagai seorang Ketua Menteri dan orang nombor dua dalam parti, sudah pasti saya dapat mengukur kekuatan dan pengaruh USNO dan SCA pada ketika itu. Kita masih ada masa dan waktu selama 7—8 bulan lagi untuk memperkuat kedudukan parti. Dan tidak ada sebab mengapa kita harus terburu-buru untuk mengadakan pilihanraya lebih awal daripada yang

sepatutnya? tanya Tan Sri Said lagi.

Tan Sri Said mempunyai alasan yang kuat dan munasabah bila beliau mengatakan, kedudukan parti Perikatan mungkin akan bertambah baik kalau sekiranya beliau diberi tempoh 7—8 bulan lagi untuk membuat persiapan yang rapi bagi menghadapi parti BERJAYA dalam pilihanraya tersebut.

Sebagaimana yang diketahui umum, selepas perletakan jawatan Tun Mustapha sebagai Ketua Menteri Sabah pada 31hb. Oktober tahun 1975 yang lalu, perhubungan di antara kerajaan Sabah dengan kerajaan Pusat telah hampir kembali normal. Dan perlantikan beliau (Tan Sri Said) sebagai Ketua Menteri yang baru juga telah diresuai oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Datuk Hussein Onn.

Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional pusat mulai menunjukkan sikap yang berkecuali dalam krisis politik Sabah setelah pengunduran diri Tun Mustapha sebagai Ketua Menteri. Malah usaha-usaha telah pun dijalankan oleh pihak Kuala Lumpur untuk membawa kedua-dua pemimpin parti yang bersengketa itu ke meja perundingan.

Menurut En. Yahya Ismail dalam bukunya, "BERJAYA DI TENGAH-TENGAH Politik Malaysia," Datuk Hussein Onn sebagai orang baru memegang teraju pimpinan kerajaan Pusat mungkin ingin melihat suatu keadaan yang tenteram dan saling bersefahaman antara parti-parti komponen dalam Barisan Nasional dan juga di antara USNO dan BERJAYA di Sabah.

Menurut Encik Ghafar Baba — beliau berunding dengan Datuk Hussein Onn tentang sengketa USNO dan BERJAYA dan cuba mencari jalan untuk mendamaikan kedua pihak demi kepentingan Malaysia. Encik Ghafar syorkan kepada Datuk Hussein agar kedua parti tersebut diberi kerusi sama banyak 24—24 supaya sama-sama dapat berganding bahu memerintah Sabah.

Pemimpin-pemimpin dari kedua parti diundang ke Kuala Lumpur untuk berunding dengan Datuk Hussein Onn dan Encik Ghafar Baba. Satu formula kerjasama diajukan kepada mereka.

Ketua Menteri yang baru ialah Tan Sri Said Keruak, dan Timbalan Ketua Menteri mestilah dari parti BERJAYA. Tun Fuad pula sanggup untuk mengundur diri dari menjadi anggota kabinet sekiranya Tun Mustapha bertindak seperti itu.

Pertemuan itu gagal untuk mendapat kerjasama dari kedua pihak. Pihak Barisan Nasional berharap sekiranya ada persetujuan antara kedua pihak maka adalah diharapkan BERJAYA dapat dibubarkan, dan kembali ke dalam USNO. Dengan demikian perpaduan bumiputera dapat diwujudkan semula di Sabah.

Tokoh-tokoh BERJAYA berpendapat bahawa mereka lebih sedia menjadi pembangkang dari bergabung semula dalam USNO oleh kerana mereka mengetahui segala tingkah laku Tun Mustapha dan penasihat utamanya, Syed Kechik. Malah pembubaran BERJAYA akan membawa malu yang paling besar kepada tokoh-tokoh USNO yang keluar dari parti itu untuk menubuhkan parti yang lain. "Credibility" mereka sebagai pemimpin akan tercalar sekiranya mereka berpaling tadah kepada USNO lagi." (h. 86)

Oleh kerana Encik Yahya Ismail menulis buku tersebut untuk kepentingan parti BERJAYA, maka sudah tentu beliau mendapat maklumat-maklumat itu dari sumber parti BERJAYA. Dan kalau kita meneliti tulisan Encik Yahya Ismail itu jelas menunjukkan bahawa pihak Kuala Lumpur menghendaki benar-benar supaya "Tan Sri Said" menjadi Ketua Menteri Sabah yang baru.

Soal jaya atau gagalanya, perundingan di antara pemimpin parti BERJAYA dengan USNO itu tidak penting bagi kita. Tetapi yang pentingnya ialah sikap "berkecuali" Datuk Hussein Onn, Encik Ghafar Baba dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional lain dalam menghadapi persengketaan tersebut.

Berdasarkan kepada faktor-faktor itulah Tan Sri Said merasa begitu yakin bahawa peluang parti Perikatan (USNO-SCA) untuk memenangi pilihanraya yang lalu lebih cerah sekiranya beliau diberi kesempatan untuk terus memimpin

Kerajaan Negeri sehingga habis tempohnya pada akhir tahun 1966.

Sebagai seorang Ketua Menteri yang direstui oleh Kerajaan Pusat, maka sudah tentu beliau akan dapat segala kemudahan untuk menaikkan imej Kerajaan Negeri yang didukung oleh USNO—SCA. Dengan kedudukannya sebagai Ketua kerajaan, beliau boleh menggunakan pengaruhnya untuk meyakinkan rakyat Sabah terutama sekali orang-orang Cina bahawa pihak Kuala Lumpur “menyokong Kerajaan Negeri yang wujud” pada ketika itu.

Kekalahan teruk yang dialami oleh SCA dalam pilihanraya tempoh hari ialah kerana parti BERJAYA telah dapat meyakinkan rakyat keturunan Cina bahawa Kerajaan Pusat tidak akan memberi sebarang kerjasama dan bantuan kepada “Kerajaan Sabah kalau sekiranya parti Perikatan menang” dalam pilihanraya itu nanti.

Dalam tempoh dua bulan setengah, (usia beliau menjadi Ketua Menteri) Tan Sri Said tidak dapat menumpukan sepenuh masanya untuk menolak segala tuduhan-tuduhan dan fitnah-fitnah yang dilemparkan oleh parti lawan terhadap Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Tun Mustapha.

Beliau lebih banyak menumpukan perhatian untuk menyelesaikan masalah dalam parti dan kerajaan pada ketika itu. Sebagai seorang Ketua Menteri yang baru dipilih dalam sebuah negeri yang sedang dilanda oleh krisis politik, maka sudah tentu beliau akan menghadapi banyak problem-problem yang harus diberekskan lebih dulu.

Mengikuti anggapan umum, Tan Sri Said mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk mendapatkan kembali sokongan dari pengundi-pengundi Cina sekiranya beliau diberi kesempatan untuk terus memimpin kerajaan Sabah sehingga tamat tempohnya. Kerana beliaulah satu-satunya pemimpin Sabah yang dapat diterima oleh masyarakat Cina.

Perhubungan baik di antara Kerajaan Sabah dengan

Kerajaan Pusat pada ketika itu akan membolehkan beliau membuat sesuatu untuk menaikkan imej kerajaan yang selama ini dikecam hebat oleh parti BERJAYA. Tetapi sayang sekali kerana beliau tidak diberi peluang untuk menggunakan kesempatan-kesempatan tersebut oleh sebab penasihat-penasihat Tun Mustapha telah terpengaruh dengan kemenangan dua orang calon USNO di dalam pilihanraya kecil di Kinabatangan dan Labuan.

Tan Sri Said, terpaksa tunduk kepada tuntutan satu golongan dalam pucuk pimpinan USNO yang menghendaki supaya Dewan Undangan Negeri dibubarkan dengan segera untuk menghadapi pilihanraya yang lebih awal daripada yang sepatutnya. Pemimpin-pemimpin USNO yang berkenaan, tidak sedikipun menyedari bahawa kawasan Kinabatangan dan Labuan adalah kubu USNO yang paling kebal sekali dan kemenangan kedua-dua orang calon USNO di dalam dua kawasan pilihanraya kecil itu, sebenarnya tidak mencerminkan kekuatan USNO seluruhnya.

Masalah yang dihadapi oleh USNO pada ketika itu adalah sama dengan masalah yang dihadapi oleh PAS di waktu parti itu sedang menghadapi krisis politik di Kelantan.

Pemimpin kedua-dua buah parti politik (USNO dan PAS) itu memerlukan masa yang agak lama untuk membersihkan diri dari segala tuduhan dan fitnah yang dilemparkan oleh pihak parti-parti lawan mereka.

Walau bagaimanapun, kedudukan USNO lebih baik dari PAS. Kerana USNO masih mempunyai "kerajaan dan Ketua Menteri" yang berhak membubarkan Dewan Undangan Negeri dan sebagainya.

Sebaliknya pula PAS, bukan sahaja kehilangan kerajaan dan seorang Menteri Besar, tetapi juga tidak dapat menjalankan kegiatan politik kerana wujudnya "Undang-undang dharurat" di negeri Kelantan. Dan sebab-sebab utama kekalahan PAS

dalam pilihan raya yang lalu ialah kerana pemimpin-pemimpin parti itu (PAS) tidak mempunyai peluang dan kesempatan untuk menolak segala tuduhan dan fitnah yang dilemparkan oleh UMNO dan golongan-golongan yang pro-Datuk Muhammad Nasir.

USNO bukan sahaja mempunyai peluang dan kesempatan untuk membela diri, tetapi juga masih berkuasa untuk mengwarna-warnikan suasana politik di Sabah. Kesilapan perhitungan segelintir pemimpin-pemimpin USNO telah menyebabkan kesempatan yang baik itu tidak dapat digunakan. Dan akhirnya "senjata menikam tuan sendiri".

**PERTEMUAN BERSEJARAH
DI EQUATORIAL HOTEL
DENGAN TUN FUAD DAN HARRIS**

DI DALAM beberapa pertemuan dengan wartawan-wartawan tempatan dan dengan rakan seperjuangannya dalam USNO, Tan Sri Said sering menegaskan bahawa matlamat perjuangannya yang utama ialah untuk membela kepentingan kaum bumiputera di Sabah.

Menurut beliau, hanya dengan menerusi perjuangan USNO sahajalah nasib masa depan kaum bumi akan dapat dipertahankan. Dan beliau tidak yakin sebuah parti politik yang bercorak "multi-Racial" seperti Parti BERJAYA itu akan dapat menyelamatkan kedudukan kaum bumiputera dari segala bentuk penindasan.

Tan Sri Said, tidak akan dapat bertolak ansur dalam soal-soal yang berhubung dengan kepentingan kaum bumi, dan beliau menolak sebarang kemungkinan untuk menyertai dan berkerjasama dengan sebuah parti politik yang tidak memperjuangkan konsep bumiputera. (Sanggup bekerjasama dengan parti seperti SCCP) dalam bentuk perikatan sahaja.

Beliau lebih mengutamakan kepentingan kaum bumi dari segala-galanya. Dan kalau beliau seorang pemimpin yang mengejar "pangkat dan jawatan" maka sudah tentu Tan Sri Said sudah

tidak ada lagi dalam pucuk pimpinan USNO hari ini.

Sejak berlakunya, perubahan politik di Sabah, Tan Sri Said telah menempuh dan melalui beberapa ujian yang boleh menggoncangkan keimanan dan kepercayaan seseorang insan kalau beliau tidak benar-benar berpegang teguh kepada dasar perjuangannya yang asal.

Menurut Presiden USNO itu, beberapa hari sebelum berlakunya nahas kapalterbang yang mengorbankan Allahyarham Tun Mohammad Fuad dan beberapa orang pemimpin Parti BERJAYA lainnya, satu pertemuan telah diadakan di antara beliau dengan Allahyarham Tun Fuad dan Datuk Harris Salleh di Equatorial hotel.

"Pertemuan tersebut diadakan dengan kehendak Allahyarham Tun Fuad dan Datuk Harris Salleh. Dan saya menghadiri pertemuan itu dengan hati dan fikiran yang terbuka.

Walaupun parti BERJAYA, sebuah parti politik yang dianggotai oleh semua kaum (multi-racial) tetapi kedua-dua pemimpin parti itu (Allahyarham Tun Fuad dan Datuk Harris Salleh) menyedari bahawa tanpa sokongan dan kerjasama dari pemimpin-pemimpin kaum bumi, kestabilan politik di Sabah akan terancam.

Berdasarkan kepada kesedaran dan hakikat inilah, maka Allahyarham Tun Fuad dan Datuk Harris Salleh telah memujuk dan merayu kepada beberapa orang pemimpin USNO supaya memberi kerjasama kepada mereka berdua.

Dan hasil dari perbincangan itu, saya telah ditawarkan dua jawatan penting, iaitu "Yang Dipertua Negeri atau Menteri Kerajaan Pusat."

Datuk Harris Salleh, nampaknya lebih senang kalau saya dapat menerima jawatan Yang Dipertua Negeri, sementara Allahyarham Tun Fuad pula menghendaki supaya saya diberi jawatan Menteri Kerajaan Pusat yang mewakili Sabah.

Saya telah memberitahu kedua-dua pemimpin parti BER-

JAYA itu secara terus-terang bahawa saya tidak bersedia untuk menerima apa-apa jawatan yang ditawarkan menerusi Kerajaan Negeri yang dikuasai oleh parti politik yang tidak memperjuangkan konsep Bumiputera.

Allahyarham Tun Fuad dan Datuk Harris Salleh telah memberi tempoh selama 14 hari kepada saya supaya dapat menimbangakan semula tawaran tersebut. Tetapi oleh kerana berlakunya kemalangan kapalterbang yang mengorbankan Allahyarham Tun Fuad dan beberapa orang pemimpin parti BERJAYA lainnya seminggu selepas berlangsungnya pertemuan tersebut, maka saya tidak perlu memberi apa-apa pertimbangan di atas rayuan itu."

Walaupun "pertemuan di Equatorial Hotel" itu tidak menghasilkan satu keputusan yang boleh menamatkan krisis politik di Sabah, tetapi ternyata sekali pihak parti BERJAYA dari zaman Allahyarham Tun Fuad lagi, sangat-sangat — memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pemimpin-pemimpin kaum bumi yang beragama Islam.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA menyedari bahawa tanpa sokongan dari masyarakat Islam, kedudukan mereka tidak akan terjamin. Oleh sebab itu usaha-usaha telah dijalankan oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dari zaman Allahyarham Tun Fuad hingga ke zaman Datuk Harris — Datuk James Ongkili untuk mendapatkan sokongan dan simpati dari pemimpin-pemimpin masyarakat Islam di negeri itu.

Satu hakikat yang harus diakui oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA sekarang bahawa tidak ada di kalangan mereka pemimpin-pemimpin yang benar-benar berpengaruh di kalangan masyarakat Islam di Sabah.

Dengan lain perkataan, pengaruh peribadi Datuk Harris Salleh dan Datuk Haji Mohammad Noor Mansor belum lagi dapat mengatasi pengaruh peribadi Tun Mustapha, Tan Sri Said dan Datuk Sakaran bin Dandai. Dan untuk menandingi penga-

ruh USNO di kawasan luar bandar, parti BERJAYA memerlukan tokoh-tokoh yang berpengaruh di kalangan masyarakat Islam.

Peristiwa trajedi yang menimpa pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dalam nahas kapalterbang pada 6hb. Jun 1976 telah mengurangkan lagi jumlah pemimpin dari kaum bumi yang berpengaruh dalam pucuk pimpinan parti itu.

Dalam nahas kapalterbang yang negeri itu, empat orang pemimpin — parti BERJAYA yang terkemuka (dari kaum bumi) telah terkorban. Mereka ialah, Allahyarham Tun Fuad, Allahyarham Datuk Salleh Sulong, Mendiang Datuk Peter Mojuntin dan mendiang Darius Binion.

Kematian Allahyarham Tun Fuad dengan sendirinya meletakkan Datuk Harris Salleh sebagai Ketua Menteri yang baru. Dan sebagai Ketua Menteri yang baru dan pemangku Presiden, beliau akan menghadapi banyak masalah yang harus diselesaikan dengan segera.

Masalah yang paling mendesak sekali ialah untuk mendapatkan tokoh-tokoh yang sesuai (dari kaum bumi) untuk mengambillalih kementerian-kementerian yang dikosongkan oleh Allahyarham Datuk Salleh Sulong dan mendiang Peter Mojuntin.

Selaku pemangku Presiden parti BERJAYA pula, Datuk Harris akan menghadapi masalah baru dalam parti itu. Datuk Harris sendiri menyedari bahawa kematian Allahyarham Tun Fuad dan mendiang Peter Mojuntin akan mengurangkan kepercayaan dan keyakinan suku Kadazan kepada pucuk pimpinan parti BERJAYA.

Sokongan kaum Kadazan kepada parti BERJAYA dalam pilihanraya yang lalu ialah kerana parti itu (BERJAYA) dipimpin oleh dua orang “jaguh pejuang” kepentingan kaum Kadazan di Sabah. Dan mengikut anggapan sebahagian dari orang-orang Kadazan, kematian Allahyarham Tun Fuad dan mendiang Peter Mojuntin, bererti berakhirnya perjuangan kaum

Kadazan di Sabah.

Inilah beban-beban yang terpaksa dipikul oleh Datuk Harris Salleh selepas kematian Allahyarham Tun Mohammad Fuad dan mendiang Peter Mojuntin. Dan penubuhan parti PASOK, jelas menunjukkan bahawa kaum Kadazan sudah mulai hilang kepercayaan kepada parti BERJAYA di bawah pimpinan Datuk Harris.

Selain dari itu, Datuk Harris juga menghadapi kesulitan dalam usahanya untuk mengimbangi jumlah anggota kabinetnya mengikut komposisi kaum dalam parti BERJAYA. Kematian Allahyarham Datuk Salleh Sulong telah menyulitkan Datuk Harris untuk mendapatkan seorang tokoh yang berkemampuan di kalangan parti BERJAYA untuk mengambillalih Kementerian Kewangan.

Dalam sejarah pembentukan kabinet kerajaan Sabah, "Kementerian Kewangan" diwarisi oleh orang-orang Islam. Dan secara kebetulan pada ketika itu, tidak ada di antara pemimpin parti BERJAYA yang beragama Islam yang dianggap layak dan sesuai untuk memegang jawatan tersebut.

Datuk Harris Salleh sekali lagi menemui Tan Sri Said untuk mendapatkan kerjasama dari beliau bagi mengatasi kebuntuan yang dihadapinya itu. Menurut Presiden USNO itu," pada satu ketika, Datuk Harris telah bersedia untuk menyerahkan jawatan Menteri Kewangan itu kepada seorang tokoh USNO. Tokoh USNO yang dikehendaki oleh Datuk Harris untuk menerima jawatan itu ialah Datuk Ashkar Hasbollah, Setiausaha Agung USNO sekarang. Tetapi Datuk Ashkar Hasbollah telah menolak tawaran tersebut."

Setelah gagal untuk mendapat kerjasama daripada pemimpin-pemimpin USNO bagi mengatasi kesulitan itu, maka usaha-usaha terpaksa dijalankan untuk membebaskan Tuan Haji (sekarang Datuk) Mohammad Noor Mansor dari tahanan. Datuk Haji Mohammad Noor ialah seorang pengasas parti BERJAYA

dan Setiausaha Agung parti itu.

Dengan kerjasama Kerajaan Pusat dan kementerian yang berkenaan, maka Setiausaha Agung parti BERJAYA itupun dibebaskan tanpa syarat pada awal Julai, 1976. Pembebasan Datuk Haji M. Noor Mansor telah memberi nafas baru kepada parti BERJAYA yang telah kehilangan beberapa orang tokoh pentingnya dalam nahas kapalterbang pada 6hb. Jun, 1976.

Pembebasan Datuk Haji Mohammad Noor Mansor bukan sahaja sekadar untuk mengisi jawatan "Menteri Kewangan" tetapi juga untuk memperkuatkan kedudukan Datuk Harris dan kaum bumi yang beragama Islam dalam pucuk pimpinan parti BERJAYA.

Datuk Haji Mohammad Noor Mansor ialah satu-satunya, (selepas kematian Allahyarham Datuk Salleh Sulong) pemimpin parti BERJAYA dari kaum bumi yang beragama Islam yang dianggap berpengaruh.

Beliau ialah orang Islam yang pertama yang lulus jurusan Undang-Undang di Universiti Singapura.

Tetapi Datuk Harris sendiri menyedari bahawa beliau masih lagi memerlukan beberapa orang tokoh dari kaum bumi yang beragama Islam yang lebih berpengaruh dari Datuk Haji M. Noor untuk membantu beliau dalam menghadapi segala cabaran dari musuh politiknya, (mungkin dari kalangan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dari kaum Kadazan dan Cina)

Sebagai bekas Pegawai Perjawatan dan seorang Peguam, Datuk Haji Mohammad Noor telah dapat menolong Datuk Harris dalam urusan pentadbiran dan juga dalam politik.

Datuk Haji Mohd. Noor Mansor telah menang tanpa bertanding dalam pilihanraya kecil bagi kawasan Papar (yang dulunya diwakili oleh Allahyarham Datuk Salleh Sulong) sebagai calon Barisan Nasional (tetapi Kerajaan Sabah bukan Kerajaan Barisan Nasional). Dan beliau telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Kewangan Sabah, kira-kira sebulan selepas beliau diisytiharkan sebagai Anggota Dewan Undangan Negeri bagi

kawasan Papar.

Beliaulah tahanan politik yang pertama di Malaysia yang dipilih sebagai seorang Menteri Kanan dalam sebuah kerajaan, hanya kira-kira sebulan sahaja dibebaskan dari bilik tahanan polis. Dan mengikut anggapan umum bahawa kematian Allahyarham Tun Fuad, Allahyarham Datuk Salleh Sulong dan mendiang Peter Mojuntin dalam nahas kapalterbang yang ngeri itu telah menjadi satu "rahmat yang tersembunyi" pula kepada Setiausaha Agung parti BERJAYA itu.

Perlantikan Datuk Haji Mohd. Noor sebagai Menteri Kewangan dalam kabinet kerajaan parti BERJAYA, tidak dapat mempengaruhi masyarakat Islam di SABAH menyokong parti BERJAYA. Kerana pengaruh peribadi Menteri Kewangan itu di kalangan masyarakat Islam, tidak dapat menandingi pengaruh peribadi Tun Mustapha, Tan Sri Said Keruak dan Datuk Sakaran bin Dandai.

Datuk Harris Salleh sendiri menyedari hakikat ini. Oleh sebab itu, beliau telah cuba menggunakan berbagai cara untuk mendapatkan kerjasama daripada tokoh-tokoh USNO yang berpengaruh di kalangan masyarakat Islam di negeri itu.

Mengikut perhitungan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA bahawa politik Sabah adalah politik ketokohan pemimpin. Berdasarkan kepada perhitungan inilah, maka Datuk Harris dan rakan-rakannya telah berusaha dan berikhtiar untuk melumpuhkan tenaga dan fikiran tokoh-tokoh USNO yang berpengaruh seperti Tan Sri Said, Datuk Sakaran Dandai dan lain-lain lagi. Kerana mengikut anggapan mereka, pengaruh dan kekuatan USNO sekarang hanya bergantung kepada ketokohan pemimpin-pemimpin yang berkenaan.

Dan cara yang sebaik-baiknya untuk membekukan kegiatan politik tokoh-tokoh USNO yang berpengaruh itu ialah dengan jalan menawarkan beberapa jawatan yang maha penting kepada tokoh-tokoh USNO yang berkenaan.

Datuk Harris dan rakan-rakannya merasa begitu yakin bahawa pengaruh parti BERJAYA, hanya akan dapat bertapak di kawasan-kawasan yang dianggap kubu USNO bila tenaga pemimpin-pemimpin USNO yang berpengaruh itu dapat dilumpuhkan. Berdasarkan kepada congak dan perhitungan inilah, maka Datuk Harris telah memperhebatkan gerakan untuk melumpuhkan tenaga pejuang-pejuang USNO di semua peringkat.

Cara yang paling berkesan untuk mematahkan semangat politikus-politikus Sabah ialah dengan jalan mengumpan dan menawarkan jawatan-jawatan mengikut kadar dan kemampuan masing-masing. Dan satu hakikat yang tidak boleh dinapikan bahawa amalan mengumpan dan menawarkan jawatan-jawatan penting kepada musuh-musuh politik dan pemimpin-pemimpin pembangkang, telah menjadi satu "amalan biasa" dalam perancangan politik di Sabah.

Dalam zaman pemerintahan USNO—SCA dulu, Tun Mustapha telah menggunakan kuasa dan pengaruh peribadinya untuk melemah dan mematahkan semangat musuh-musuh politik dan penentang-penentangannya dari dalam dan luar. Pada ghalibnya sebelum beliau bertindak lebih jauh, (menggunakan kuasa khas) beliau cuba mengumpan dengan wang ringgit, kawasan kayu-balak dan kemudahan-kemudahan lain kepada penentang-penentangannya yang dianggap akan mengancam kedudukannya sebagai Ketua Menteri dan pemimpin agung USNO.

Pada awal tahun 70han, banyak petualang politik di Sabah yang telah mengambil kesempatan dan peluang dari kemurahan hati Tun Mustapha yang memberi kekayaan dan kemewahan kepada orang-orang yang dianggap merbahaya kepada masa depan politiknya. Bila ada sahaja berita-berita angin mengenai "penubuhan sebuah parti baru" maka orang-orang yang dikatakan bertanggungjawab dengan penubuhan parti baru itu akan dipanggil ke Pejabat Ketua Menteri atau di mana-mana

sahaja.

Sebagaimana yang diketahui umum pada ketika itu bahawa peluang seorang tokoh politik untuk menjadi seorang kaya baru sudah mulai terbuka luas bila namanya termasuk dalam senarai orang-orang yang dikehendaki oleh Tun Mustapha. Pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang dipanggil untuk mengadap Tun Mustapha pada ketika itu, biasanya diberi dua pilihan: iaitu samaada mahu menyokong kerajaan dengan mendapat segala kemudahan atau terus mahu menentang kerajaan dan sanggup menerima segala akibatnya.

Oleh kerana matlamat penubuhan parti-parti baru itu ialah untuk mendapatkan kedudukan dan kekayaan menerusi saluran politik, maka sudah tentu "pilihan yang pertama" itu menjadi idaman kepada tokoh-tokoh politik yang cuba hendak menonjolkan diri mereka sebagai pemimpin parti pembangkang.

Kalau tidak salah ingatan saya bahawa sebelum pembubaran parti USAP pada pertengahan tahun 1973, dua buah parti politik yang belum didaftarkan telah dibubarkan secara senyap-senyap (tanpa publisiti) setelah pengasas dan pemimpin kedua-dua buah parti itu dipanggil untuk mengadap Tun Mustapha. Dan saya telah diberitahu bahawa pengasas dan penaja kedua-dua buah parti itu ialah terdiri dari bekas pemimpin-pemimpin parti UPKO yang juga telah dibubarkan.

Mengikut pendapat dan anggapan pemerhati-pemerhati politik yang sangat-sangat arif tentang permainan songlap politik di Sabah pada ketika itu, setiap kali pembubaran parti baru dilakukan, maka jumlah orang kaya baru dalam zaman pemerintahan Tun Mustapha dulu telah bertambah.

Kita tidak dapat mempasti berapa ribu batu persegi kawasan kayu-balak yang telah diperuntukan kepada Allah-yarham Tun Fuad dan rakan-rakannya sebagai ganjaran di atas pengorbanan mereka membubarkan parti UPKO, demi untuk perpaduan kaum bumi di Sabah. Dan tidak ada pengorbanan

yang tidak dibayar dengan kawasan — kayu balak dan kemudahan-kemudahan lain pada waktu itu.

Sebab-sebab utama yang saudara M.A. Rahman memasuki parti PEKEMAS yang berpusat di Kuala Lumpur ialah kerana beliau sudah tidak yakin lagi kepada mana-mana pemimpin parti pembangkang yang ditubuhkan di Sabah. Kerana mengikut perhitungan beliau bahawa semua pemimpin parti pembangkang di Sabah pada ketika itu akan dapat dibeli dengan mudahnya oleh Tun Datu Mustapha. Dan beliau yakin, pemimpin-pemimpin parti pembangkang di Semenanjung tidak akan dapat dibeli oleh pihak yang berkenaan.

Sebagai seorang Menteri kanan dalam kabinet Tun Mustapha dulu, Datuk Harris telah banyak mewarisi “bekas tuannya” dalam tindak-tanduk untuk menyelesaikan satu-satu masalah yang timbul. Dan cara beliau menghadapi parti-parti lawanpun adalah sama dengan cara yang telah digunakan oleh Tun Mustapha dalam zaman pemerintahan USNO—SCA dulu.

Cuma bezanya, Tun Mustapha lebih agresif terhadap parti-parti lawan. Dan beliau berazam untuk melenyapkan semua parti-parti pembangkang di bumi Sabah. Sedangkan Datuk Harris, hanya menumpukan perhatian untuk menelan USNO dan kerabat-kerabatnya sahaja.

Setakat ini, Datuk Harris tidak menunjukkan sikapnya yang agresif terhadap parti-parti kecil yang baru sahaja didaftarkan itu. Kerana beliau menyedari bahawa kewujudan parti-parti “nyamuk” itu tidak akan menggugat kedudukannya dalam pilihanraya yang akan datang. Bahkan mungkin dengan adanya, parti-parti kecil itu akan memecah-belahkan undi parti-parti pembangkang. Dan ini akan menguntungkan parti pemerintah.

Perhatian Datuk Harris sejak beliau mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri sampai ke hari ini, masih tertumpu kepada bekas-bekas rakan sejawatnya (tetapi tidak Datuk Dzulkifli Hamid) dalam kabinet Tun Datu Mustapha dulu.

Dan beliau telah menggunakan berbagai cara dan ikhtiar untuk mendapatkan sokongan dari mereka itu.

Penyertaan bekas Wakil-Wakil USNO ke dalam parti BERJAYA, masih belum menjaminkan kedudukan beliau dan parti BERJAYA dalam pilihanraya yang akan datang. Tanpa sokongan dari Tan Sri Said — dan pemimpin-pemimpin USNO yang berpengaruh di kalangan masyarakat, kedudukan Datuk Harris sendiri dalam “kabinet dan dalam pucuk pimpinan parti BERJAYA” masih terancam.

DESAK HARRIS BUBARKAN BERJAYA.

PERHUBUNGAN rapat di antara Tan Sri Said dengan Datuk Harris Salleh bermula dari zaman penubuhan USNO, kira-kira 20 tahun yang lalu. Tan Sri Said dan Datuk Harris ialah di antara beberapa orang pegawai kerajaan yang terlibat secara langsung dengan kegiatan politik dalam zaman pemerintahan British dulu.

Sedikit benar jumlah pegawai-pegawai kerajaan yang berminat untuk melibatkan diri dalam pergolakan politik dalam zaman penjajahan dulu. Sebagai anggota parti yang mendapat kepercayaan dari pucuk pimpinan USNO, mereka berdua merupakan tenaga penggerak utama yang menentang pengaruh parti UNKO (sebelum diubah nama kepada UPKO) yang dipimpin oleh Allahyarham Tun Fuad pada awal tahun 60 an.

Bila Tan Sri Said dilantik sebagai salah seorang AHLI Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Sabah sebelum merdeka dulu, Datuk Harris Salleh bertugas sebagai kerani di Majlis Dewan Undangan Negeri. (Clerk Of Council) Dan perhubungan di antara dua orang tokoh itu makin bertambah rapat bila mereka berdua telah dipilih sebagai Menteri Kanan dalam kabinet Allahyarham Tun Fuad dan Tun Datu Mustapha.

Perbezaan pendapat dan berlainan parti yang dianutinya,

tidak menghalang perhubungan peribadi di antara dua orang pemimpin itu. Dengan kata-kata lain bahawa kedudukan Datuk Harris sebagai Presiden parti BERJAYA dan Ketua Menteri, tidak dapat memisahkan persahabatan beliau dengan Tan Sri Said sebagai presiden sebuah parti politik yang menjadi alternatif kepada parti yang dipimpin oleh Datuk Harris.

Oleh sebab itu, tidak menjadi satu perkara yang luar biasa kalau Datuk Harris sering menemui Tan Sri Said bila beliau menghadapi kesukaran dan jalan buntu untuk menyelesaikan masalah "negeri dan pentadbiran." Mengikuti Tan Sri Said sehari selepas Datuk Harris Salleh (8.6.76.) mengangkat sumpah sebagai "Ketua Menteri yang baru" satu pertemuan telah diadakan diantara beliau dengan Datuk Harris Salleh. Pertemuan itu diadakan dengan inisiatif dan kehendak Datuk Harris sendiri.

Dalam pertemuan tersebut, beliau lebih banyak menitik-beratkan masalah-masalah yang dihadapinya untuk mengisi beberapa jawatan Menteri dalam kabinet barunya itu. Beliau secara terus terang meminta jasa baik Tan Sri Said untuk mendapatkan sokongan dari ADUN-ADUN USNO bagi memperkuatkan kedudukannya dalam kerajaan parti BERJAYA.

Hasil dari pertemuan itulah, beliau telah menawarkan jawatan Menteri Kewangan kepada Datuk Askar Hasbollah, Setiausaha Agung USNO sekarang. Dan sebagai menghargai tawaran Datuk Harris Salleh itu, Tan Sri Said telah mengemukakan beberapa cadangan balas kepada beliau.

Cadangan balas Tan Sri Said itu berkisar kepada soal penubuhan sebuah parti Kaum Bumiputera yang baru yang agak dapat diterima oleh semua golongan masyarakat di Sabah. Pada mulanya, Datuk Harris telah memberi jaminan kepada Tan Sri untuk menimbang dan mengkaji rumusan-rumusan yang telah dikemukakan itu.

Menurut Tan Sri Said bahawa Datuk Harris pada peringkat awalnya, tidak menolak tentang kemungkinan menubuhkan sebuah kerajaan campuran di Sabah. Beliau hanya sekadar mengatakan "terlampau awal untuk membincangkan perkara"

tersebut.

Pembebasan Datuk Haji Mohammad Noor Mansor telah mengubah sikap Datuk Harris mengenai penubuhan kerajaan campuran. Datuk Haji Mohammad Noor ialah satu-satunya pemimpin parti BERJAYA yang menentang keras pembentukan kerajaan campuran di antara parti BERJAYA-USNO.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA yang bukan dari kaum bumi, menyokong penuh sikap yang diambil oleh Setiausaha Agung parti BERJAYA itu mengenai isu kerajaan campuran. Dan demi untuk perpaduan parti, Datuk Harris terpaksa tunduk kepada golongan tersebut.

Selepas pembebasan Datuk Haji Mohammad Noor Mansor, parti BERJAYA bukan sahaja menolak pembentukan kerajaan campuran, tetapi juga berhasrat dan berazam untuk menghancurkan dan menelan USNO bulat-bulat dengan apa cara sekalipun.

Tan Sri Said telah menyedari hakikat ini, maka oleh sebab itu dalam ucapannya di mesyuarat perwakilan USNO bahagian Bangku-Bangi pada 12 hb. April 1977, beliau menegaskan bahawa dalam keadaan seperti sekarang USNO belum bersedia untuk menyertai pembentukan sebuah kerajaan campuran dengan parti BERJAYA.

Beliau berpendapat bahawa soal pembentukan kerajaan campuran, tidak perlu dibangkit-bangkitkan lagi kerana anasir yang anti-kerajaan campuran telah menguasai pucuk pimpinan parti BERJAYA. Dan tidak ada satu kuasapun yang boleh memaksa parti BERJAYA membentuk kerajaan campuran dengan USNO.

Walaupun pertemuan di antara Datuk Harris dengan Tan Sri Said tidak pernah menghasilkan satu-satu keputusan yang boleh mengendurkan ketegangan di antara dua buah parti yang bersengketa. Tetapi Datuk Harris belum puas dan terus berusaha untuk mendapatkan kerjasama dari Presiden USNO itu.

Kematian Allahyarham Tun Ahmad Koroh pada pertengahan tahun 1978 (dua minggu sebelum pilihanraya umum) telah memaksa Datuk Harris dan Datuk James Ongkili menemui Tan Sri Said sekali lagi. Dalam pertemuan tersebut, Datuk Harris dan Timbalannya, merayu dan memujuk Presiden USNO itu supaya menerima jawatan "Yang Dipertua Negeri" yang baru.

Beberapa formula dan cadangan telah dikemukakan kepada Tan Sri Said supaya beliau dan rakan-rakannya dalam USNO dapat bekerjasama dengan kerajaan BERJAYA demi untuk kestabilan politik Sabah. Tan Sri Said juga terpaksa memberi beberapa alasan yang menasabah untuk menolak rumusan-rumusan yang telah dikemukakan itu.

Beliau telah mencadangkan beberapa orang "kenamaan" (VIP) yang dianggap boleh diterima oleh Datuk Harris untuk dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri yang baru. Tetapi Datuk Harris telah menolak nama nama orang yang telah dikemukakan oleh Tan Sri Said itu.

Datuk Harris masih berkeras menghendaki supaya Tan Sri Said menerima jawatan yang maha penting itu. Kerana mengikut beliau, hanya "Tan Sri Said" sahaja yang dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat di Sabah.

Walaupun hati kecil beliau tidak mahu menerima jawatan Yang Dipertua Negeri itu, tetapi sebagai menghormati seorang rakan, beliau harus mencari alasan-alasan yang menasabah untuk menolak tawaran tersebut. Dan secara kebetulan pada ketika itu, semua parti politik sudah mulai membuat persiapan untuk menghadapi pilihanraya umum (pilihanraya Parlimen di Sabah) yang akan diadakan tidak beberapa lama lagi, maka Tan Sri Said mempunyai banyak helah dan alasan untuk menanggukkan perbincangan mengenai perlantikan Yang Dipertua Negeri itu.

Beliau meminta Datuk Harris supaya memberi tempoh selama tiga bulan kepadanya untuk membolehkan beliau menemui rakyat sebelum membuat satu keputusan muktamad samaada menerima atau menolak tawaran tersebut.

Oleh kerana Datuk Harris, sangat-sangat menghendaki

seorang tokoh dan pemimpin masyarakat seperti Tan Sri Said untuk memegang jawatan yang maha penting itu, maka beliau terpaksa menunggu "kata pemutus" dari Tan Sri Said.

Tan Sri Said telah memberi jawapan muktamad kepada Datuk Harris mengenai tawaran tersebut sebaik-baik sahaja berakhirnya pilihanraya umum tahun 1978. Dan sebagai seorang pejuang kepentingan kaum bumi di Sabah, beliau telah mengemukakan beberapa syarat yang berlandaskan di atas kepentingan kaum bumi untuk menerima jawatan Yang Dipertua Negeri.

Di antara syarat syarat itu ialah:

1. Parti BERJAYA dengan bentuk yang ada sekarang, hendaklah dibubarkan'
2. Sebuah parti Bumiputera yang baru hendaklah ditubuhkan dengan segera.
3. Ahli Ahli parti BERJAYA yang bukan kaum bumi, hendaklah menubuhkan sebuah parti lain untuk kepentingan kaum mereka.
4. Dan Penubuhan sebuah Front atau Perikatan di antara parti-parti yang dianggotai oleh kaum bumi dan bukan bumi hendaklah diwujudkan dengan segera.

Jawapan dan syarat syarat yang dikemukakan oleh Tan Sri Said itu, sudah tentu telah mengecewakan Datuk Harris dan rakan-rakannya yang sangat-sangat menghendaki tenaga dan kerjasama dari Presiden USNO itu.

Sebagai Ketua Menteri, maka sudah pasti Datuk Harris tidak akan sanggup mengorbankan kepentingannya dalam parti BERJAYA dengan menubuhkan sebuah parti "Bumi-Putera" yang baru sebagaimana yang dikehendaki oleh Tan Sri Said Keruak.

Dan Tan Sri Said pula belum bersedia menerima jawatan Yang Dipertua Negeri Sabah dengan mengorbankan kepentingan kaum bumi yang diperjuangkan selama ini. Kerana mengikut anggapan beliau bahawa konsep parti BERJAYA yang memperjuangkan kepentingan semua kaum itu tidak akan dapat mem-bela kepentingan kaum bumiputera di Sabah.

Inilah garis-garis pemisahan di antara dua orang pemimpin itu dalam menentukan nasib masa depan rakyat Sabah. Dan akhirnya, perbincangan di antara Datuk Harris dengan Tan Sri Said mengenai soal memenuhi jawatan Yang Dipertua Negeri itu telah menemui jalan buntu.

Perlantikan Tun Haji Mohd. Adnan Robert sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah yang baru diisytiharkan setelah Datuk Harris dan Datuk James Ongkili gagal memujuk Tan Sri Said untuk menerima jawatan yang maha penting itu.

Kalau ditinjau dan dikaji secara mendalam keseluruhan semua syarat yang dikemukakan oleh Tan Sri Said itu, jelas menunjukkan bahawa beliau bersedia mengundurkan diri dari arena politik kalau sekiranya Datuk Harris sanggup "membubarkan parti BERJAYA dan menubuhkan sebuah parti Bumiputera yang baru.

Dan beliau tidak mahu menentukan golongan manakah (USNO atau BERJAYA) yang akan memimpin parti baru itu. Tetapi yang penting bagi beliau ialah dasar dan konsep "Bumiputera" itu diperjuangkan secara berkesan.

Walaupun dalam perjuangannya beliau lebih banyak memperkatakan soal kepentingan kaum-bumi, tetapi ini bukanlah berarti bahawa beliau seorang pemimpin yang mengenyepikan hak dan kepentingan kaum-kaum lain.

Beliau menyedari bahawa kestabilan politik dalam sebuah negeri yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Sabah ini, tidak akan terjamin kalau sekiranya kepentingan dan hak satu-satu kaum itu tidak diberi dan dilaksanakan dengan saksamanya.

Dalam tindak-tanduk untuk menyelesaikan masalah dalam parti, beliau lebih banyak berpandu kepada cara para pemimpin UMNO di Semenanjung bertindak. Kejayaan pemimpin-pemimpin UMNO menyelesaikan masalah perkauman di Semenanjung, telah meyakinkan beliau bahawa USNO sebagai sebuah parti kaum bumi akan dapat mengatasi masalah suku-kaum di Sabah.

Sikap beliau yang moderate dan sederhana itu, tidak akan

menimbulkan rasa curiga-mencurigai di antara suku kaum bila parti yang dipimpinya itu (USNO) akan diberi mandat oleh rakyat dalam pilihanraya negeri yang akan datang.

Datuk Harris sendiri pernah mengakui bahawa hanya Tan Sri Said sahajalah, seorang pemimpin yang dapat diterima oleh semua golongan masyarakat di Sabah. Penyertaan SCCP yang didukung oleh masyarakat Cina dan PASOK yang dianggotai oleh kaum Kadazan, Dusun dan Murut dalam "Barisan Sabah" yang dipelopori oleh USNO itu, jelas membuktikan bahawa pimpinan Tan Sri Said Keruak sangat-sangat dikehendaki oleh semua kaum di Sabah.

Menurut Tan Sri Said bahawa kestabilan di Sabah, tidak akan terjamin dengan wujudnya sebuah parti politik yang memperjuangkan kepentingan kaum seperti BERJAYA itu. Tetapi sebaliknya, parti-parti perkauman seperti USNO, PASOK, SCCP (BARISAN SABAH) dan lain lain akan dapat menjamin keselamatan dan kestabilan politik ini kalau pemimpinnya dapat diterima oleh semua golongan masyarakat.

Dengan erti kata lain bahawa ketokohan seorang pemimpin sebuah parti politik itu lebih penting dari ideologi sebuah parti politik yang dianutnya. Saudara Yahya Ismail dalam bukunya, "BERJAYA DI TENGAH TENGAH POLITIK MALAYSIA" telah mengakui hakikat ini.

Menurut saudara Yahya Ismail "Politik Sabah tidak berdasarkan ideologi tetapi ketokohan peribadi politikus-politikus yang tertentu. Oleh sebab itu dengan mudah saja sokongan mereka terhadap seorang tokoh yang dikultuskan menjadi rapuh sekiranya mereka mengetahui bahawa tokoh tersebut tidak mempunyai pengaruh dan kuasa lagi." (h.79)

Sokongan kaum Kadazan-Dusun terhadap parti BERJAYA dalam pilihanraya tempoh hari ialah kerana parti itu dipimpin oleh dua orang jaguh pejuang kepentingan kaum Kadazan-Dusun, Allahyarham Tun Mohammad Fuad dan mendiang Peter Mojuntin.

Mengikut anggapan umum bahawa mendiang Peter Mojuntin bukan sahaja seorang pejuang kepentingan kaum Kadazan,

tetapi beliau juga seorang “pengembang agama Keristian” yang gigih. Mending Peter Mojuntin ialah di antara beberapa orang bekas pemimpin UPKO yang tidak senang dengan” perkembangan agama Islam” dalam zaman pemerintahan Tun Mustapha dulu.

Inilah faktor-faktor utama yang menyebabkan kemenangan parti BERJAYA dalam pilihanraya yang lalu. Dan setakat ini, tidak ada di antara pemimpin-pemimpin parti BERJAYA yang dapat menandingi ketokohan Allahyarham Tun Fuad dan mending Peter Mojuntin.

Berdasarkan kepada hakikat itulah, maka Datuk Harris M. Salleh telah cuba untuk mendapatkan kerjasama dari Tan Sri Mohammad Said Keruak bagi memperkuat kedudukannya dalam parti BERJAYA dan dalam kerajaan yang dipimpinnya sekarang ini.

TAN SRI SAID BAKAL KETUA MENTERI

PADA mulanya ada kalangan yang tertentu dalam USNO yang meragui kemampuan Tan Sri Said Keruak untuk mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh parti itu selepas perletakan jawatan Tun Mustapha secara mendadak. Sebagai sebuah parti politik yang telah menguasai Sabah selama hampir tiga belas tahun, USNO terpaksa menghadapi beberapa kesulitan dan masalah setelah gagal mempertahankan kerajaannya dalam pilihanraya yang lalu.

Kekalahan PAS Kelantan dalam pilihanraya negeri pada bulan Mac 1978 telah menyebabkan banyak perubahan yang berlaku dalam pucuk pimpinan PAS di negeri itu.

Bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Ishak Lotfi, bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Wan Ismail Ibrahim, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Nik Abdul Rahman Nik Mat dan rakan rakannya terpaksa mengundurkan diri buat sementara waktu dari pucuk pimpinan PAS Kelantan untuk memberi peluang kepada muka-muka baru meyyusun semula parti itu di semua peringkat.

Setiausaha Agung DAP, En. Lim Kit Siang telah meletakkan jawatannya (kemudian ditarik balik) setelah parti itu gagal untuk memenangi kawasan Pangkalan Kota dalam pilihanraya

kecil pada bulan November 1980.

USNO juga menghadapi masalah yang sama bila parti BERJAYA telah menguasai Sabah. Sebilangan kecil penyokong-penyokong USNO yang fanatik kepada Tun Mustapha merasa tidak begitu yakin bahawa USNO akan dapat berkuasa semula kalau sekiranya "Bapa Kemerdekaan Sabah" (Tun Mustapha) tidak memimpin parti itu.

Sementara golongan extremist dalam USNO, pula meragui sikap moderate dan sederhana yang ditunjukkan oleh Tan Sri said dalam menghadapi parti BERJAYA yang agresif itu. Golongan ini menghendaki supaya Tan Sri Said bersikap lebih tegas dan berani untuk menentang parti BERJAYA yang berazam untuk menghancurkan USNO di bumi Sabah.

Inilah kesulitan-kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh Tan Sri Said di waktu beliau mula-mula mengambil alih pucuk pimpinan USNO dari Tun Datu Mustapha bin Datu Harun.

Tetapi dengan berkat kesabaran dan kebijaksanaannya, beliau telah berjaya mengatasi masalah-masalah tersebut dalam masa yang singkat sahaja. Dan pimpinan beliau sekarang ini sudah diterima oleh semua pihak dalam USNO. Suara-suara sumbang yang meragui kemampuannya sebagai Presiden USNO yang baru sudah tidak kedengaran lagi.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA mulai menyedari kesan pengaruh peribadi Tan Sri Said Keruak dalam percaturan politik di Sabah. Dan usaha-usaha telah dijalankan oleh kalangan yang tertentu dalam parti BERJAYA untuk memperkecil-kecilkan ketokohan dan kemampuan Presiden USNO itu di kalangan rakyat Sabah.

Kira-kira sebulan sebelum berlangsungnya perhimpunan agung USNO yang ke 14, parti BERJAYA telah mengumumkan nama-nama anggota kabinet bayangan kerajaan USNO yang akan datang.

Menurut senarai nama-nama anggota kabinet bayangan USNO yang didedahkan (sebenarnya direka) oleh Ketua Penerangan parti BERJAYA, Datuk Halik Zaman dalam akhbar-akhbar tempatan itu," Ketua Menteri Kerajaan USNO yang

akan datang ialah Tun Mustapha bin Datu Harun, dan Timbalan Ketua Menteri ialah Datuk Syed Kechik bin Mohammad."

Sementara Tan Sri Said Keruak yang memimpin USNO sekarang, hanya akan dilantik sebagai "Menteri Perikanan dan Pertanian sahaja." Dan tidak terdapat nama-nama orang Cina yang akan menyertai kabinet bayangan USNO yang diumumkan oleh Ketua Penerangan parti BERJAYA itu

Kita dapat menduga motif utama parti BERJAYA menonjolkan nama Tun Mustapha dan Datuk Syed Kechik dalam apa yang dikatakan "Kabinet Bayangan USNO" itu, dan apa yang kita ketahui bahawa kedua dua orang tokoh itu sudah tidak aktif lagi dalam arena politik.

Ini ialah taktik dan cara yang sering digunakan oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA untuk memecah-belahkan perpaduan dalam pucuk-pimpinan USNO. Dan mengikut anggapan mereka, Tan Sri Said akan mengundurkan diri dari USNO bila namanya tidak dicalunkan sebagai Ketua Menteri yang akan datang.

Mengikut perhitungan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA bahawa dengan tidak adanya, orang-orang Tionghua dalam kabinet kerajaan USNO yang akan datang, maka orang-orang Cina di Sabah tidak akan menyokong Barisan Sabah (yang dianggotai oleh USNO, PASOK dan SCCP) dalam pilihanraya negeri yang akan datang.

Dalam ucapan dasarnya di perhimpunan agung USNO yang ke 14 itu, Tan Sri Said telah menafikan dengan kerasnya bahawa USNO telah membentuk sebuah kabinet bayangan sebagaimana yang didakwa oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA.

Beliau telah memberi jaminan kepada rakan-rakannya dalam Barisan Sabah bahawa USNO akan bersikap jujur dan adil terhadap kaum bukan bumiputera di Sabah.

Presiden USNO itu mensifatkan berita *berita* yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan itu sebagai satu usaha parti BERJAYA untuk membodoh-bodohkan rakyat Sabah. Beliau yakin bahawa rakyat Sabah tidak akan dapat menelan dakyah-dakyah yang disebarikan oleh musuh-musuh USNO itu.

Mengulas mengenai susunan jumaah Menteri dalam kerajaan yang akan datang, beliau menegaskan bahawa kerajaan yang dibentuk itu akan diwakili oleh semua kaum di negeri itu.

“Kepada rakan-rakan kita dari kaum Tionghua dan bukan bumiputera, saya ingin mengatakan sekali lagi bahawa saya dan pemimpin-pemimpin USNO lainnya akan bersikap jujur dan adil. Kerajaan yang baru bila kita menang kelak akan menggambarkan satu kerajaan kehendak rakyat iaitu satu kerajaan yang cergas dan bertindak untuk kepentingan rakyat kesemuanya. Sudah tentulah kerajaan tersebut akan mengandungi Menteri-Menteri dari rakan rakan kita kaum Tionghua.

Saya akan tentukan, walau sekalipun USNO memenangi kerusi yang terbanyak dan mencukupi majoriti yang diperlukan untuk menubuhkan kerajaan baru itu ada di wakili oleh wakil-wakil dari kaum Tionghua atau bukan bumiputera dan juga wakil-wakil dari parti rakan rakan seperjuangan dan setujuan dengan kita.

USNO tidak gila kuasa, dan kuasa itu kelak apabila telah tercapai selepas pilihanraya umum akan dibahagi-bahagikan secara berunding dengan semangat setiakawan dan bertolak ansur. USNO bukan sebuah parti yang tamakkan kuasa, tetapi sebaliknya kuasa itu akan dibahagi-bahagikan kepada rakan-rakan kita termasuk yang bukan bumiputera.

Mereka yang gila kuasa adalah mereka yang tidak mahu bertolak ansur dan tidak mahu membahagi-bahagikan kuasa itu demi untuk kemajuan, pembangunan dan perpaduan rakyat berbilang kaum di negeri ini.

Mereka inilah yang gila kuasa dan berazam untuk memerintah negeri ini buat selama selamanya demi untuk kepentingan diri mereka dan saudara mara mereka.”

Dalam ucapan dasarnya itu, Tan Sri Said tidak menyentuh langsung tentang kedudukannya dalam kabinet yang akan datang. Dan beliau tidak mahu mempersoalkan mengapa Tun Mustapha akan menjadi Ketua Menteri dalam kerajaan USNO dan Datuk Syed Kechik sebagai Timbalan Ketua. Sedangkan beliau — masih menjadi Presiden USNO yang sekarang ini!

Adakah beliau tidak layak untuk menjadi Ketua Menteri?

Persoalan-persoalan ini semuanya tidak penting bagi Tan Sri Said Keruak. Tetapi yang paling penting bagi beliau ialah semua rakan-rakan USNO dalam Barisan Sabah akan mendapat hak dalam kabinet USNO yang akan datang. Inilah keistimewaan Tan Sri Said dalam menghadapi satu-satu masalah yang rumit dan sensitif.

Tan Sri Said, sangat-sangat arif tentang tipu-helah parti BERJAYA dalam usahanya untuk melemahkan keyakinan rakyat yang berbilang kaum terhadap USNO. Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dan khususnya, Datuk Halik Zaman tidak meragui sedikitpun tentang kelayakan dan kemampuan Presiden USNO itu untuk memegang jawatan Ketua Menteri!

Tetapi soalnya, mengapa dalam susunan kabinet bayangan yang direka itu, Tan Sri Said hanya akan diberi tugas sebagai Menteri Perikanan dan Pertanian sahaja? Dan kenapa nama Tun Mustapha dan Datuk Syed Kechik telah ditonjolkan sebagai Ketua Menteri Dan Timbalan Ketua Menteri dalam kerajaan USNO yang akan datang?

Bagi pemerhati-pemerhati politik yang telah mengikuti perkembangan dan golongan politik itu sejak dari awal lagi akan dapat menangkap tujuan dan motif parti BERJAYA menonjolkan nama Tun Mustapha dan Datuk Syed Kechik dalam susunan kabinet bayangan USNO itu.

Mengikut congak dan perhitungan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA bahawa rakyat Sabah tidak akan memberi sokongan kepada USNO kalau sekiranya mereka menyedari bahawa Tun Mustapha dan Datuk Syed Kechik akan berkuasa semula melalui USNO.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA sekarang ini sedang berusaha untuk menakut-nakutkan rakyat Sabah dengan memberi gambaran yang seolah-olah bahawa Tun Mustapha dan Datuk Syed Kechik, pasti akan berkuasa semula bila USNO diberi mandat sekali lagi dalam pilihanraya yang akan datang.

Dan mengikut anggapan, pemimpin-pemimpin parti BER-

JAYA bahawa pemerintahan secara diktator dan kuku besi akan wujud semula di Sabah kalau sekiranya Tun Mustapha dan Datuk Syed Kechik diberi peluang untuk menguasai negeri itu sekali lagi.

Berdasarkan kepada ramalan dan anggapan inilah, maka pihak parti BERJAYA telah cuba meyakinkan rakyat bahawa yang berkuasa dalam USNO sekarang ialah Tun Mustapha dan Datuk Syed Kechik, dan bukannya, Tan Sri Said Keruak, Datuk Ghani Gilong dan Datuk Ashkar Hasbollah.

Sebenarnya, Datuk Harris dan rakan-rakannya dalam pucuk pimpinan parti BERJAYA telah menyedari bahawa Tan Sri Said Keruak, pasti akan dilantik sebagai Ketua Menteri kalau USNO menang dalam pilihanraya umum nanti. Tetapi mereka cuba "melindungi nama Tan Sri Said" dengan harapan supaya penyokong penyokong Tan Sri Said dari semua kaum akan berpaling tadah.

Sebagai seorang pemimpin yang mempunyai perhitungannya sendiri, beliau tidak memandang begitu serius mengenai usaha parti BERJAYA yang cuba menonjolkan nama orang lain yang akan menjadi "Ketua Kerajaan USNO" nanti. Oleh sebab itu dalam ucapan dasarnya, beliau tidak menyentuh langsung mengenai soal tersebut.

Tetapi sebaliknya pula, Pergerakan Pemuda USNO menganggap bahawa soal bakal Ketua Menteri itu sebagai satu soal yang maha penting. Pergerakan Pemuda USNO menghendaki supaya ahli-ahli USNO yakin bahawa hanya Presiden parti sahaja yang akan dipilih sebagai Ketua Menteri bila USNO mendapat mandat dari rakyat nanti.

Satu usul yang menuntut supaya perhimpunan agung itu mengambil ketetapan menentukan "nama Tan Sri Said Keruak" sebagai Ketua Menteri bila USNO menang dalam pilihanraya umum yang akan datang telah dikemukakan dalam perhimpunan tersebut. Dan akhirnya, usul tersebut telah diluluskan dengan sebulat suara.

Walaupun cara mengemukakan usul tersebut, agak lucu sedi-

kit, tetapi pergolakan dalam USNO pada ketika itu, memerlukan usul tersebut dikemukakan dalam perhimpunan agung yang bersejarah itu.

Kehadiran Tun Mustapha dalam sepanjang perhimpunan agung yang keempat belas itu telah menimbulkan berbagai reaksi di kalangan penyokong-penyokong USNO dan pemerhati-pemerhati politik di Kota Kinabalu. Dan inilah kali pertamanya Tun Mustapha menghadhiri perhimpunan USNO selepas beliau meletakkan jawatan sebagai Presiden parti itu.

Ketetapan yang telah diambil oleh Pergerakan Pemuda USNO dalam perhimpunan agung tersebut, sangat besar ertinya kepada Tan Sri Said sebagai Presiden parti itu. Kerana selama ini ada golongan yang tertentu di kalangan pemimpin pergerakan Pemuda USNO yang meragui kemampuan beliau untuk memimpin USNO selepas perletakan jawatan Tun Mustapha.

Dengan ketetapan itu juga, maka bererti bahawa kedudukan Tan Sri Said dalam pucuk pimpinan USNO sekarang ini makin bertambah teguh. Dan pimpinannya dalam parti itu sudah diterima oleh semua pihak.

Dan akhirnya persoalan siapa yang akan menjadi bakal Ketua Menteri itu telah dapat diselesaikan bila Jawatankuasa Tertinggi barisan parti-parti pembangkang Sabah bersetuju pada dasarnya menentukan Presiden USNO, Tan Sri Said Keruak akan dilantik sebagai Ketua Menteri, kiranya Barisan Sabah menang di dalam pilihanraya yang akan datang ini.

Persetujuan tersebut telah dicapai dalam mesyuarat bersama pemimpin-pemimpin ketiga-tiga parti — USNO, PASOK dan SCCP yang diadakan pada pertengahan bulan September, 1980.

Dalam satu kenyataannya kepada Mingguan Watan, (3 hb Oktober, 1980) Ketua Penerangan USNO Pusat, En. Sabdin Ghani menjelaskan bahawa pemilihan Tan Sri Said sebagai bakal Ketua Menteri itu dibuat berasaskan kepada kepimpinannya yang dapat diterima oleh semua kaum di Sabah.

Menurut En. Sabdin Ghani, pemimpin-pemimpin parti PASOK dan SCCP menganggap Tan Sri Said sebagai seorang pemimpin yang dapat diterima oleh semua golongan rakyat dan beliau bersedia berkhidmat **untuk** semua kaum.

“Sekiranya Tan Sri Said Keruak seorang pemimpin yang mengejar kedudukan dan pangkatnya, maka sudah tentu beliau sudah lama meninggalkan USNO. Kerana beliau pernah ditawarkan jawatan yang tertinggi sekali di Sabah oleh pihak yang berkuasa di negeri itu. Tetapi beliau menolak.

Takdirnya USNO akan dapat memerintah kembali, beliau diterima pada dasarnya untuk menjadi Ketua Menteri Sabah kerana beliaulah satu satunya pemimpin yang sangat dihormati oleh sebahagian besar rakyat sekarang ini.

Pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang menganggotai Barisan Sabah merasa begitu yakin bahawa Tan Sri Said akan memperjuangkan kepentingan semua kaum di Sabah, bila beliau akan dilantik menjadi Ketua Menteri nanti”, tegas En. Sabdin Ghani.

Dan Insha Allah, Tan Sri Said akan dipilih sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru kalau diizinkan Tuhan nanti.

TAN SRI SAID LAMBANG PERPADUAN DALAM USNO

WALAUPUN pada keseluruhannya USNO belum lagi menjalankan pembersihan dan pembaharuan secara total sejak parti itu ditubuhkan kira kira 20 tahun lalu, tetapi satu hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa sejak Tan Sri Said mengambilalih pucuk pimpinan parti itu sejak 1977, USNO sudah mulai menuju kepada "proses pembaharuan dan pembersihan" secara berperingkat-peringkat.

Ketua Pergerakan Wanita USNO, Puan Amisah Borhan mensifatkan Tan Sri Said Keruak sebagai "lambang Pembaharuan" dalam pucuk pimpinan USNO sekarang ini.

Berucap dalam satu perjumpaan ramai di Mengkabong, Tuaran pada 7 hb. Disember tahun lalu, Ketua Pergerakan Wanita itu merasa yakin bahawa pimpinan Tan Sri Said akan dapat menjamin kemenangan USNO dalam pilihanraya yang akan datang.

Menurut Puan Amisah, Tan Sri Said bukan sahaja diterima oleh kaum bumi di Sabah; tetapi pimpinan beliau juga dapat diterima oleh semua golongan masyarakat di negeri itu.

Pengakuan Puan Amisah-Borhan mengenai pimpinan Tan Sri Said Keruak itu, sangat besar ertinya kepada kader-kader baru USNO yang muncul sejak berlakunya perubahan dalam pu-

cuk pimpinan parti itu. Kerana selama ini, golongan tersebutlah yang menghendaki supaya gerakan pembersihan dan pembaharuan dijalankan segera dalam USNO.

Kalau kita teliti senarai nama-nama pemimpin-pemimpin USNO di peringkat bahagian dan cawangan, maka ternyata sekali bahawa organisasi parti itu sekarang ini dikuasai oleh angkatan baru. Pemimpin pemimpin USNO yang telah banyak mendapat nikmat dari pemberian kayu-balak dalam pemerintahan Tun Mustapha dulu, sudah tidak mendapat tempat lagi dalam pucuk pimpinan USNO di semua peringkat.

Tetapi sebaliknya pula, kader-kader baru USNO yang tidak disenangi di zaman pemerintahan USNO/SCA dulu, telah menguasai sebahagian besar bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan parti itu diseluruh negeri sekarang ini.

Walaupun USNO masih belum mampu untuk menjalankan gerakan pembersihan secara total dan menyeluruh, tetapi sekurang-kurangnya mentaliti pemimpin-pemimpin USNO sekarang ini sudah banyak berubah.

Amalan demokrasi telah berjalan sepenuhnya dalam parti itu sejak berlakunya perubahan politik di Sabah secara mendadak. Pemimpin-pemimpin kecil USNO dari daerah pedalaman, sudah mulai berani tampil kedepan untuk menegur dan mengecam pemimpin-pemimpin agung mereka yang tidak menjalankan tugas terhadap parti dan rakyat.

Dalam perhimpunan agung USNO yang kedua belas pada akhir bulan Mei, 1977 lalu, beberapa orang para pemimpin USNO dan bekas Menteri dalam kabinet Tun Mustapha dulu telah di kecam dengan hebatnya oleh para perwakilan USNO yang dipelopori oleh En. Abdul Rahman bin Haji Askari dari Sandakan.

Mengikut anggapan para perwakilan yang menghadhiri mesyuarat perwakilan itu, kekalahan USNO dalam pilihanraya yang lalu ialah kerana ada di antara para menteri USNO yang telah menyalah-gunakan kuasa mereka sewaktu berkuasa dulu. Dan ada di antara para perwakilan yang menggesa supaya bekas Menteri yang berkenaan disingkirkan dari pucuk pimpinan parti.

Ada di antara para pemimpin agung USNO yang tidak sanggup menerima teguran dan kecaman dari para perwakilan. Dan seorang bekas Menteri Kanan kerajaan Perikatan (USNO/SCA) terpaksa mengundurkan diri dari sidang perhimpunan agung itu bila nama beliau telah disentuh oleh sebahagian dari para perwakilan.

Bekas Setiausaha Agung USNO, Allahyarham Datuk Aliuddin bin Datu Harun telah cuba hendak membela beberapa orang rakan sejawatnya dalam kabinet (Perikatan Sabah) dan juga dalam pucuk pimpinan USNO yang telah dikecam oleh para perwakilan itu. Tetapi akhirnya, Allahyarham telah diserang oleh penyakit jantung selepas beliau memberi ucapan yang berapi-rapi kerana hendak membela pucuk pimpinan USNO yang dulu.

Dan Allahyarham telah menghembuskan nafasnya yang akhir setelah beberapa jam sahaja beliau memberi ucapan di perhimpunan agung itu. Inilah amalan demokrasi dan kebebasan bercakap dan bersuara dalam USNO sejak perletakan jawatan Tun Datu Mustapha bin Datu Harun sebagai Presiden USNO.

Tan Sri Said dan rakan-rakannya bukan sahaja bersedia untuk menerima sanjungan dan pujian yang melangit, tetapi juga sanggup menghadapi teguran dan kecaman dari para pengikut mereka.

Ahli-ahli USNO sekarang ini, telah diberi hak dan kebebasan untuk menyuarakan pendapat mereka melalui saluran yang tertentu. Dan pucuk pimpinan USNO yang ada sekarang, tidak akan menyalah gunakan kuasa mereka untuk bertindak menyingkirkan mana-mana tokoh USNO yang dianggap akan menggugat kedudukan mereka dalam pucuk pimpinan parti itu.

Mana-mana pemimpin USNO yang mengabaikan kewajipan mereka terhadap parti, bukan sahaja akan disingkirkan dari kedudukan mereka. Tetapi mereka juga akan menghadapi segala tuduhan dan kecaman dari para perwakilan dalam menyuarat perwakilan di peringkat bahagian dan cawangan.

Inilah yang dikatakan pembaharuan dan perubahan dalam

USNO sejak Tan Sri Said mengambil pimpinan parti itu dari Tun Mustapha bin Datu Harun, kira-kira tiga tahun yang lalu.

Kejayaan yang dicapai oleh beliau dalam usahanya untuk menjadikan USNO sebagai parti politik yang akan menadi "tulang-belakang" kepada kaum bumiputera di Sabah telah menarik perhatian kaum terpelajar dan intelek menyertai USNO sejak akhir-akhir ini.

Jumlah golongan intelek, peguam dan bekas pegawai pentadbir menyertai USNO makin meningkat. Penyertaan golongan ini dalam USNO akan memperkuatkan lagi kedudukan Tan Sri Said dalam percaturan politik di Sabah.

Perubahan yang berlaku dalam USNO di bawah pimpinan Tan Sri Said bukan sahaja menarik perhatian kaum bumiputera yang beragama Islam, tetapi juga oleh kaum bumi yang bukan Islam (Kadazan-Dusun dan Murut) dan orang-orang Cina di Sabah. Penubuhan "Barisan Sabah" yang dianggotai oleh USNO, PASOK dan SCCP, adalah bukti yang nyata bahawa rakyat Sabah dari semua keturunan menyokong pimpinan Tan Sri Said Keruak.

Penyatuan kaum bumi yang beragama Islam (dalam USNO) dengan yang bukan Islam (dalam PASOK) dan dengan kaum Cina (SCCP) dalam satu "FRONT atau Barisan" akan menyulitkan parti BERJAYA untuk mempertahankan kerajaannya dalam pilihanraya yang akan datang.

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa tujuan utama penubuhan Barisan Sabah itu ialah untuk menentang parti BERJAYA dalam pilihanraya yang akan datang. Dan satu hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa kemenangan parti BERJAYA dalam pilihanraya yang lalu ialah kerana sokongan bulat kaum Kadazan-Murut (yang bukan Islam) dan kaum Cina kepada parti itu dibawah pimpinan Allahyarham Tun Fuad dan mendiang Peter Mojuntin.

Tanpa sokongan yang tidak berbelah bagi dari tiga suku kaum yang terbesar di Sabah itu, parti BERJAYA belum mampu untuk menundukkan USNO yang pernah menguasai negeri itu selama hampir tiga belas tahun.

Kelahiran dua buah parti politik (PASOK dan SCCP) yang didukung oleh tiga suku kaum yang terbesar di Sabah itu, jelas menunjukkan bahawa suku kaum Kadazan-Dusun, Murut dan kaum Cina sudah mulai hilang kepercayaan kepada parti BERJAYA di bawah pimpinan Datuk Harris M. Salleh.

Dengan kata-kata lain bahawa kalau benar-benar parti BERJAYA masih lagi mendapat sokongan dari kaum Kadazan-Dusun, Murut dan Kaum Cina, maka sudah pasti PASOK dan SCCP tidak dapat ditubuhkan lagi dalam keadaan seperti ini di Sabah.

Dan mungkin kedua-dua buah parti politik ini, tidak akan bergabung dan bersatu dengan USNO kalau sekiranya, Tan Sri Said Keruak tidak memimpin USNO. Penubuhan dan kewujudan Barisan Sabah ialah kerana adanya perubahan dalam pucuk pimpinan USNO.

Walaupun pada dasarnya, persetujuan telah dicapai di antara pemimpin-pemimpin USNO dengan PASOK dan SCCP untuk membentuk Barisan Sabah bagi menghadapi parti BERJAYA dalam pilihanraya ini, tetapi masih ada lagi syarat-syarat dan halangan-halangan yang mungkin boleh menggagalkan pembentukan Barisan atau Front itu kalau tidak kerana kebijaksanaan Tan Sri Said Keruak.

Di antara syarat syarat yang menyulitkan terjalannya kerjasama di antara tiga buah parti politik itu ialah mengenai kedudukan Tun Mustapha dan Datuk Dzulkifli Hamid dalam pilihanraya yang akan datang.

Sudah ada kabar-kabar angin dan desas-desus yang mengatakan bahawa PASOK dan SCCP akan menarik diri dari BARISAN SABAH kalau sekiranya Tun Mustapha dan Datuk Dzulkifli Hamid akan mengambil bahagian dalam pilihanraya yang akan datang ini.

Sementara itu pula, akhbar-akbar tempatan yang dikuasai oleh parti BERJAYA telah membesar-besarkan berita mengenai kemungkinan berlakunya krisis di antara tiga buah parti yang menggotai BARISAN SABAH itu.

Seorang wartawan kanan akhbar Harian Star, En. N.V. Ra-

man dalam satu ulasannya mengenai pembentukan BARISAN SABAH yang disiarkan oleh akhbar tersebut pada 27hb Agos, 1980 di antara lain beliau menulis:

“Sama ada BARISAN SABAH akan dapat kekal sebagai satu gabungan parti-parti pembangkang yang mampu untuk menubuhkan sebuah kerajaan baru ataupun tidak, adalah bergantung kepada jaminan yang akan diberi oleh pucuk pimpinan USNO yang ada sekarang kepada dua parti politik yang mendukung BARISAN tersebut mengenai beberapa masalah dan isu yang tertentu.

PASOK, hanya akan menyertai BARISAN SABAH kalau sekiranya diberi jaminan bahawa Tun Mustapha tidak akan kembali aktif semula dalam USNO atau tidak akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri kalau BARISAN SABAH menang, dalam pilihanraya nanti.

Ini ialah kerana disebabkan kaum Kadazan sudah hilang kepercayaan kepada bekas Ketua Menteri yang dikatakan telah banyak melakukan kesalahan dalam zaman pemerintahannya dulu.

Adalah difahamkan bahawa pemimpin-pemimpin parti itu telah memberitahu pemimpin-pemimpin USNO secara terang terang bahawa PASOK, terpaksa menarik diri dari menyertai BARISAN itu sekiranya Tun Mustapha dibenarkan aktif semula dalam USNO.”

Menurut wartawan Star itu bahawa Tan Sri Said telah memberi jaminan kepada pemimpin-pemimpin PASOK bahawa apa yang dibimbangkan itu, tidak akan berlaku. Katanya,” Tun Mustapha telah memberitahu saya bahawa beliau sudah tidak berminat lagi untuk mengambil bahagian yang cergas dalam politik.”

Walaubagaimanapun, Tan Sri Said telah memberitahu wartawan Star itu bahawa rakyat Sabah masih lagi menghormati Tun Mustapha kerana mengenangkan jasanya membebaskan negeri ini dari pemerintahan British.

“Kami masih menghormati Tun Mustapha walaupun apa orang lain kata terhadapnya. Dan satu hakikat yang tidak

boleh dinafikan bahawa beliaulah orang yang bertanggung-jawap membawa kemerdekaan ke Sabah.

Tun Mustapha telah memberi jaminan kepada saya bahawa beliau akan menyokong USNO dan akan memberi apa sahaja bentuk bantuan yang diperlukan untuk menjamin kemenangan USNO dalam pilihanraya ini.

Kami mengalu-ngalukan bantuan dari beliau. Dan kami yakin bahawa sokongan dan bantuan dari Bapa Kemerdekaan Sabah itu, sangat besar ertinya kepada perjuangan kami," ujar Tan Sri Said.

Dalam tulisan En. N.V. Raman itu juga telah menyentuh tentang adanya tuntutan dari SCCP yang menghendaki supaya Naib Presiden USNO, Datuk Dzulkifli Hamid tidak akan menjadi calon dalam pilihanraya yang akan datang.

"Adalah difahamkan bahawa SCCP telah meminta jaminan dari USNO supaya Datuk Dzulkifli Hamid tidak akan dipilih sebagai calon dalam pilihanraya ini.

Mengikut punca itu bahawa SCCP merasa sukar untuk mendapat undi dari orang-orang Cina kalau sekiranya Datuk Dzulkifli Hamid ikut bertanding. Orang-orang Cina di Sabah masih belum dapat melupai kenyataan-kenyataan Datuk Dzulkifli dalam pilihanraya yang lalu yang dianggap sebagai satu penghinaan kepada orang-orang Cina.

Golongan Cina juga merasa khuatir kalau Datuk Dzulkifli Hamid akan melaksanakan rancangannya yang boleh merosakkan kepentingan mereka di negeri itu.

Tan Sri Said telah memberitahu pemimpin-pemimpin SCCP bahawa masalah pemilihan calon ialah hak USNO (party matter) dan parti-parti yang menjadi kerabat Barisan Sabah tidak seharusnya menentu dan memaksa calon mana yang harus diterima dan ditolak.

Walaubagaimanapun, ini bukanlah bererti bahawa USNO telahpun memutuskan siapa yang akan bertanding di atas tiket USNO. Datuk Dzulkifli ialah seorang politikus yang banyak mempunyai pengalaman, dan beliau memahani realiti politik di Sabah. Kedudukan beliau kita akan putuskan nanti," tegas

Tan Sri.

Mengikut punca itu lagi bahawa Naib Presiden USNO itu tidak akan bertanding dalam pilihanraya ini. Dan kalau barisan menang, Datuk Dzul kifli akan diberi jawatan di-Pusat." (Kuala Lumpur).

Setakat ini, tulisan En. N.V. Raman itu masih belum disah dan dinafikan oleh semua pihak dalam BARISAN SABAH, dan mengikut maklumat saya terima bahawa kedua dua buah parti itu, bersetuju pada dasarnya memberi mandat kepada Tan Sri Said untuk menyelesaikan kekusutan yang dihadapi oleh BARISAN SABAH yang baru sahaja dibentuk itu.

Dalam beberapa pertemuan dengan saya, Presiden USNO itu mengakui bahawa PASOK dan SCCP telah menimbulkan kedudukan Tun Mustapha dan Datuk Dzul kifli Hamid dalam pilihanraya yang akan datang.

Tetapi beliau tidak menganggap bahawa tuntutan PASOK dan SCCP itu akan boleh menggugat keutuhan Barisan Sabah. Katanya, tidak ada satu masalahpun di dunia ini yang tidak boleh diselesaikan sekiranya ada perasaan saling percaya dan mempercayai di antara satu sama lain.

"Walaupun kedua buah parti itu cuba membangkitkan semula soal kedudukan Tun Mustapha dan Datuk Dzul kifli Hamid dalam pilihanraya yang akan dihadapi ini. Tetapi kedua dua parti itu akan patuh dan tunduk kepada keputusan yang akan saya buat. Kerana pemimpin PASOK dan SCCP telah memberi pengakuan akan mematuhi keputusan yang saya ambil nanti mengenai masalah tersebut," tegasnya.

Dengan penjelasan Tan Sri Said itu, maka jelaslah bahawa nasib Tun Mustapha dan Datuk Dzul kifli Hamid akan diputuskan oleh beliau bila Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan nanti.

Oleh kerana matlamat utama penubuhan BARISAN SABAH ini ialah untuk menentang parti BERJAYA, maka seharusnya, soal-soal kepentingan orang-orang perseorangan tidak patut ditimbulkan dalam keadaan seperti sekarang ini.

Kalau diteliti secara mendalam kenyataan-kenyataan yang

dibuat oleh Presiden USNO itu melalui akhbar Harian Star, maka ternyata sekali bahawa beliau cuba mengelakkan diri dari menyebelahi mana-mana pihak dalam persengketaan tersebut.

Kepada pemimpin-pemimpin PASOK dan SCCP, beliau telah memberi jaminan bahawa apa yang dibimbangkan itu, tidak mungkin akan berlaku. Dan demi untuk perpaduan dalam pucuk pimpinan USNO pula, beliau telah memberi sanjungan dan pujian yang melangit kepada Tun Mustapha dan Datuk Dzulkifli Hamid.

Hanya dengan cara ini sahaja, beliau dapat mengimbangi kekuatan dua golongan yang berpengaruh dalam USNO sekarang. Dan adalah menjadi satu tugas yang maha berat kepada Tan Sri Said untuk membuat keputusan sama ada beliau sanggup mengeneipkan rakan sejawatnya dalam USNO, demi untuk keutuhan Barisan Sabah atau beliau sanggup mengorbankan "Barisan Sabah" demi untuk kepentingan USNO sahaja.

Tetapi kalau ditinjau dari tindak tanduknya selama ini dalam usaha menyelesaikan beberapa krisis dalam parti, maka saya yakin beliau akan dapat memberi satu keputusan yang bukan sahaja akan diterima oleh kedua buah parti politik yang berkenaan tetapi juga akan dapat meyelamatkan kedudukan Tun Mustapha dan Datuk Dzulkifli.

PARTI BERJAYA SUDAH TIDAK ADA MODAL LAGI

SEBAHAGIAN besar para penulis dan pengulas-pengulas politik telah bersependapat bahawa sebab-sebab utama kemenangan parti BERJAYA dalam pilihanraya tempoh hari ialah kerana:

1. Sokongan kerajaan Pusat kepada parti BERJAYA.
2. Rakyat Sabah menolak pimpinan Tun Mustapha pada ketika itu.
3. Pengaruh peribadi Allahyarham Tun Fuad dan mendiang P. Mojuntin.
4. Tuduhan berlakunya amalan pilih-kasih, menyalahgunakan kuasa, nipotism, dan korap dalam kerajaan dulu.
5. Dan wujudnya pembahagian rezeki yang tidak adil di kalangan rakyat.

Tetapi yang paling penting sekali ialah kerana Allahyarham Tun Fuad dan mendiang Peter Mojuntin telah berjaya dapat "meyakinkan rakyat" bahawa kerajaan baru yang akan dibentuk oleh parti BERJAYA itu ialah benar-benar merupakan sebuah kerajaan yang bersih dari sebarang penyelewengan dan sebagainya.

Walaupun jaminan untuk menubuhkan sebuah kerajaan yang bersih itu telah menjadi satu perkara yang normal sahaja dalam sebarang pilihanraya sebagaimana dijanjikan oleh pemimpin

parti BERJAYA pada ketika itu.

Mendengar ucapan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA di majlis-majlis ceramah dan rapat-rapat umum yang telah diadakan itu, maka terbayang di depan mata kita sebuah kerajaan yang bersih akan wujud di Sabah kalau sekiranya parti itu akan mendapat mandat dari rakyat.

Dan gambaran yang jelas mengenai penubuhan sebuah kerajaan yang lebih baik dari kerajaan yang lalu telah tercatat dan tertulis dalam manifesto parti BERJAYA yang telah diedarkan diseluruh negeri.

Secara kebetulan pula sebelum penubuhan parti BERJAYA, rakyat Sabah sudah mulai merasa tidak senang dengan sikap beberapa orang para Menteri, wakil-wakil rakyat dan tokoh-tokoh USNO yang telah menggunakan kedudukan dan jawatan mereka untuk mendapat kekayaan secepat kilat.

Di antara para menteri yang paling tidak popular di kalangan rakyat pada ketika itu ialah termasuk beberapa orang pengasas parti BERJAYA. Kerana merekalah di antara menteri-menteri yang paling kaya selepas Tun Mustapha.

Walaupun pada ketika itu, tidak ada akhbar-akhbar tempatan yang berani dan sanggup menyiarkan berita-berita mengenai amalan-amalan yang tidak normal yang dilakukan oleh pihak yang tertentu, (termasuk pemimpin-pemimpin agung parti BERJAYA) tetapi saudara M.A. Rahman dan rakan-rakannya dalam parti USAP dan PEKEMAS telahpun mendedahkan perkara tersebut kepada orang ramai menerusi risalah-risalah kecil dan ucapan-ucapan mereka di majlis-majlis ceramah yang telah diadakan secara sulit.

Saudara M.A. Rahman, ialah satu-satunya pemimpin-pemimpin parti pembangkang (bukan PASOK dan SCCP) yang mula-mula sekali tampil ke depan menentang kerajaan Perikatan di bawah pimpinan Tun Mustapha.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA yang ada hari ini masih lagi mendewa-dewakan Tun Mustapha dan USNO di waktu saudara M.A. Rahman dan rakan rakannya sedang menjalankan kegiatan membongkar rahsia penyelewangan

yang berlaku dalam kerajaan yang lalu.

Para pemerhati politik yang mengikuti perkembangan dan pergolakan politik di Sabah akan mengakui hakikat dan kenyataan ini. Dan adalah sukar bagi orang-orang yang arif tentang sejarah politik Sabah untuk mengakui "kebenaran tulisan" En. Yahya Ismail dalam bukunya yang berjudul "BERJAYA DI TENGAH TENGAH POLITIK MALAYSIA" yang mendakwa bahawa hanya Datuk Harris Salleh, Allahyarham Tun Fuad dan mendiang Datuk Peter Mojuntin sahaja yang berani mencabar pemerintahan Tun Mustapha.

"Hanya tiga orang tokoh politik SABAH yang penting di zaman Tun Mustapha yang berani mencabar kekuasaannya. Mereka terdiri dari Allahyarham Tun Muhammad Fuad Stephens, mendiang Datuk Peter Mojuntin dan Datuk Harris Salleh yang menjadi Ketua menteri Sabah sekarang." (h.32)

Tulisan En. Yahya Ismail ini boleh dianggap sebagai satu usaha untuk menggelapkan fakta sejarah di Sabah. Kegagalan saudara M.A. Rahman untuk memenangi sebarang kerusi dalam pilihanraya-pilihanraya yang lalu, tidak boleh dijadikan sebab mengapa nama beliau diketepikan dalam sejarah perancangan politik di Sabah.

Allahyarham Tun Fuad, mendiang Datuk Peter Mojuntin dan Datuk Harris, bukan sahaja tidak berani mencabar kekuasaan Tun Mustapha, bahkan mereka tidak akan sanggup menubuhkan sebuah parti baru (parti BERJAYA) kalau sekiranya bekas Ketua Menteri itu masih lagi mempunyai kuasa untuk menangkap dan menahan musuh-musuh politiknya tanpa perbicaraan.

Dengan kata-kata lain, pemimpin-pemimpin parti BERJAYA itu, hanya berani mencabar kekuasaan Tun Mustapha setelah mereka menyedari bahawa "kedua dua belah tangannya" telah diikat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Sedangkan saudara M.A. Rahman sanggup dan berani menentang kerajaan Perikatan di waktu Tun Mustapha masih lagi menjadi anak mas Kerajaan Pusat, dan beliau masih mempunyai kuasa untuk menahan dan menangkap sesiapa yang dianggap boleh mencabar

dan menggugatkan kekuasaanya.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dalam pilihan-raja yang lalu telahpun digunakan oleh saudara M.A. Rahman dan rakan-rakannya sebelum penubuhan parti BERJAYA. Tetapi oleh kerana parti yang dianggotai oleh saudara M.A. Rahman dan rakan-rakannya, tidak mendapat sokongan dari pihak Kuala Lumpur, maka isu-isu dan persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh saudara M.A. Rahman itu tidak begitu banyak memberi kesan.

Tetapi walau bagaimanapun, perjuangan saudara M.A. Rahman dan rakan-rakannya yang mula-mula sekali membongkar dan mendedahkan segala bentuk penyelewengan dalam kerajaan telah mendapat simpati dan sokongan dari rakyat. Sambutan rakyat terhadap PEKEMAS, amat menggalakkan. Majlis-majlis ceramah yang dianjurkan oleh PEKEMAS telah mendapat sambutan yang di luar dugaan.

Menurut seorang Pegawai Kanan Yayasan Sabah, Tuan Haji M. Noor bin Ja'afar, kalau sekiranya parti BERJAYA tidak ditubuhkan di Sabah, maka sudah tentu PEKEMAS akan memenangi beberapa buah kerusi dalam pilihanraya tahun 1976 lalu.

Sebagai seorang pegawai kanan Yayasan Sabah, beliau menyedari pengaruh dan kekuatan PEKEMAS pada ketika itu. Kata-nya, isu-isu yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin PEKEMAS tempatan sebelum penubuhan parti BERJAYA, telah dapat mempengaruhi rakyat Sabah.

"Arahan arahan telah dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan supaya semua pegawai luar Yayasan Sabah mencari jalan dan ikhtiar dengan apa cara sekalipun untuk membenteras dan menghalangi pengaruh PEKEMAS di kawasan masing-masing." ujar beliau.

Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA telah mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Encik M.A. Rahman dan rakan-rakannya bila parti itu ditubuhkan pada 15 hb. Julai 1975 yang lalu.

Parti BERJAYA telah menggunakan isu yang sama yang

pernah digunakan oleh En. M.A. Rahman untuk mempengaruhi rakyat supaya menentang kerajaan Perikatan di bawah pimpinan Tun Mustapha.

Oleh kerana rakyat Sabah menyedari bahawa penubuhan parti baru itu telah direstui oleh kerajaan Pusat, maka dengan mudah sahaja parti tersebut mendapat sokongan dari rakyat.

Sebelum wujudnya parti BERJAYA, tidak ada akhbar-akhbar tempatan dan juga di Semenanjung yang sanggup dan berani menyiarkan berita-berita yang tidak menyenangkan pihak yang tertentu di Kota Kinabalu.

Tetapi selepas kelahiran parti BERJAYA, akhbar Daily Express yang dipunyai oleh salah seorang naib Presiden parti itu bukan sahaja telah memberi sokongan yang kuat kepada parti tersebut, tetapi juga telah menyiarkan rencana-rencana dan berita-berita yang mendedahkan keburukan para pemimpin USNO. Akhbar-akhbar di Semenanjung juga telah memberi publisiti yang meluas kepada pemimpin-pemimpin parti BERJAYA.

Keazaman parti BERJAYA untuk membentuk sebuah kerajaan baru yang bersih dari sebarang penyelewangan, amalan rasuah, pilih-kasih dan nipotism telah menarik perhatian rakyat Sabah.

Pengaruh peribadi Allahyarham Tun Fuad dan mendiang Peter Mojuntin telah dapat meyakinkan sebahagian besar dari rakyat Sabah bahawa "sebuah kerajaan yang bersih" akan dapat diwujudkan" sekiranya parti BERJAYA menang dalam pilihan-raya itu nanti.

Selain dari itu, Allahyarham Tun Fuad, mendiang Datuk Peter Mojuntin dan para pemimpin parti BERJAYA lainnya telah berikrar dan berjanji kepada rakyat bahawa Menteri-Menteri, wakil-wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dari semua peringkat, tidak akan menggunakan kedudukan dan jawatan mereka untuk mendapat kekayaan secepat kilat sebahaimana yang pernah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin USNO dulu.

Secara kebetulan pula, perkembangan-perkembangan yang wujud di Sabah pada ketika itu, telah menyulitkan USNO untuk mempertahankan kerajaannya. Sokongan Kerajaan Pusat kepada parti BERJAYA dan sikap pengundi-pengundi Cina yang sering berubah-ubah itu juga telah menyebabkan para pemimpin USNO berada dalam keadaan serba-salah.

Inilah faktor-faktor yang penting yang menyebabkan USNO dan SCA tewas dalam pilihanraya yang lalu. Dan akhirnya, parti BERJAYA telah dapat membentuk sebuah kerajaan baru yang dinamakan "Kerajaan parti BERJAYA," dan bukan Kerajaan Barisan Nasional.

Kejayaan parti BERJAYA menundukkan USNO/SCA dalam pilihanraya yang lalu telah menimbulkan berbagai reaksi dari kalangan para pemerhati politik di Sabah dan juga di Semenanjung.

Saya tidak perlu mengulas lebih lanjut mengenai pendapat umum tentang kemenangan parti BERJAYA itu. Tetapi bagi kaum Bumiputera yang beragama Islam, kekalahan USNO dalam pilihanraya tersebut merupakan satu peristiwa sejarah yang tidak harus dilupakan.

Rakyat Sabah yang sudah hampir tiga belas tahun melihat dan menyaksikan dengan mata kepala mereka sendiri bagaimana para Menteri dan pemimpin-pemimpin parti yang memerintah telah menggunakan kedudukan mereka untuk mendapatkan kekayaan, sedang memerhati pula sikap dan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin parti BERJAYA yang baru sahaja mendapat mandat dari rakyat untuk menguasai Sabah lima tahun yang akan datang.

Persoalan dan tanda-tanya yang timbul di kepala tiap-tiap rakyat Sabah pada ketika itu, adakah pemimpin-pemimpin parti BERJAYA sekarang ini akan dapat menguasai "nafsu mereka" bila kekuasaan telah ada di tangan mereka? atau adakah mereka akan mengulangi kesilapan dan kesalahan yang sama yang pernah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin USNO dahulu?

Inilah persoalan-persoalan yang menjadi tajuk perbualan

orang ramai selepas kemenangan parti BERJAYA tempoh hari. Rancangan pembangunan yang telah dijanjikan oleh parti BERJAYA itu, tidak menjadi satu persoalan yang penting kepada rakyat Sabah. Kerana mengikut anggapan umum bahawa melaksanakan projek-projek pembangunan itu ialah tanggungjawab tiap-tiap mana-mana parti yang berkuasa. USNO juga pada waktu berkuasa dulu telah melancarkan beberapa projek pembangunan mengikut kadar dan kemampuannya pada waktu itu.

Kalau sebelum pilihanraya tahun 1976, pemimpin-pemimpin parti BERJAYA telah menggunakan isu pembaziran wang rakyat, menyalah-gunakan kuasa, pilih kasih dan sebagainya untuk menghancurkan pengarah USNO, maka sekarang ini USNO pula telah menggunakan isu yang sama untuk menggagalkan parti BERJAYA dalam pilihanraya yang akan datang.

Inilah realiti politik Sabah yang dikatakan unik dan ganjil itu. Dan berdasarkan kepada perkembangan-perkembangan dan keadaan-keadaan yang wujud di Sabah sekarang, maka ada golongan yang tertentu di negeri itu yang menganggap bahawa USNO dan BERJAYA, hanya dua kali lima dan lima kali dua sahaja. Tidak lebih dan tidak kurang dari itu.

Tan Sri Said dalam ucapan dasarnya di perhimpunan agung USNO yang ke 14 tahun lalu, telah menuduh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA sudah tidak ada modal lagi. Kerana katanya, apa yang mereka tuduh terhadap USNO selama ini, mereka telah lakukan pula.

"Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA sekarang sudah kehabisan modal. Isu-isu besar yang mereka agung agungkan dalam pilihanraya umum tahun 1976 itu sudah tidak ada lagi kerana mereka sendiri yang melakukan perkara yang mereka tuduh USNO malakukan dahulu.

Kalau dahulu mereka membidas USNO mendirikan bangunan Yayasan Sabah yang besar di Likas, kononnya membazir wang rakyat. Tetapi kenapa mereka sekarang berlumba-lumba dan berebut-rebut untuk menduduki bangunan yang indah itu? Dan tidakkah kini bererti kerana mereka takut tidak

sempat duduk di bangunan itu kerana pilihanraya umum sudah hampir tiba.

Sudan ternyata di hadapan kita semua bahawa semakin dekat pilihanraya semakin mengeletar tubuh pemimpin-pemimpin BERJAYA kerana sudah terbayang-bayang kekalahan itu akan menimpa mereka."

Agak sukar bagi pemimpin-pemimpin BERJAYA untuk menolak hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh Tan Sri Said dalam ucapan dasarnya di perhimpunan agong USNO yang ke 14 itu.

En. Yahya Ismail dalam bukunya yang diterbitkan pada pertengahan tahun 1978, (*Berjaya Di Tengah-Tengah Politik Malaysia*) tidak sekikitpun membayangkan tentang kemungkinan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA juga akan menggunakan kuasa politik untuk mencari kekayaan.

Apa yang digambarkan dalam buku tersebut, hanyalah tentang jumlah harta Tun Mustapha, Datuk Syed Kechik dan pemimpin USNO lain yang didapatinya menerusi saluran politik.

Tetapi dalam bukunya yang berjudul "KE MANA USNO?" (diterbitkan pada tahun 1979) beliau telah mengakui bahawa adanya pemimpin-pemimpin parti BERJAYA yang telah memiliki rumah-rumah banglo yang indah dan memakai jam yang berharga lebih dari \$25 ribu ringgit.

"Adalah terlalu daif dan kebodak-bodakan untuk menceritakan tentang pembesar membeli jam tangan berharga \$25 ribu ringgit atau tinggal di banglo yang besar. Soal ini terlalu remeh kalau dibandingkan dengan pengorbanan dan usaha-usaha kemajuan yang dicurahkan oleh kerajaan parti BERJAYA terhadap rakyat Sabah.

Kita juga tidak mahu mempertikaikan kalau ada pembesar-pembesar USNO di zaman kekuasaannya menyimpan gondek di sana sini atau menabur wang wang dalam kegiatan yang merugikan." (h. 141)

Pengakuan En. Yahya Ismail ini jelas menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin parti BERJAYA pun telah mulai meng-

gunakan kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi masing masing. Tanpa menggunakan kuasa politik bagaimana seorang wakil rakyat dan pembantu Menteri, dapat memiliki sebuah banglo (mungkin lebih dari sebuah) dan memakai jam yang berharga lebih dari dua puluh lima ribu ringgit. Sedangkan mereka, hanya baru dua tahun (1976-1978) sahaja menjadi wakil rakyat atau pembantu Menteri!

Tetapi apa yang dipaparkan oleh En. Yahaya Ismail itu, hanya secebis sahaja dari harta-harta yang dimiliki oleh pembesar pembesar parti BERJAYA. Sedangkan mereka sekarang ini telah diberi beribu ekar (mungkin beribu batu persegi) kawasan kayu-balak dan kemudahan-kemudahan lain yang bernilai berjuta juta ringgit.

Apa yang menarik perhatian kita ialah tentang sikap En. Yahya Ismail yang merestui pembesar-pembesar parti BERJAYA memiliki rumah rumah banglo yang indah dan memakai jam yang berharga lebih dari dua puluh lima ribu ringgit.

Pengarang buku "KE MANA USNO ITU?" telah menyatakan rasa kesalnya kerana adanya golongan yang tertentu yang cuba membesar-besarkan cerita dan kisah pemimpin-pemimpin parti BERJAYA yang telah mendapat segala kemudahan dan nikmat hidup dari kerajaan negeri.

Menurut pendapat En. Yahya Ismail bahawa pemimpin-pemimpin parti BERJAYA sekarang, sudah sewajarnya diberi segala kemudahan dan kemewahan hidup sebagai membalas jasa dan pengorbanan mereka kepada parti dan kerajaan.

Tulisan En. Yahya Ismail ini jelas menunjukkan bahawa beliau sudah mulai menyedari bahawa pemimpin-pemimpin parti BERJAYA juga telah melakukan amalan-amalan yang pernah dibuat oleh pemimpin-pemimpin USNO pada waktu mereka berkuasa dulu. Dan beliau cuba hendak menutup dan melindungi kesalahan-kesalahan pemimpin pemimpin parti BERJAYA itu dengan menonjolkan "pengorbanan-pengorbanan dan jasa-jasa" pemimpin parti itu kepada rakyat dan negeri.

Tafsiran dan pengertian "pengorbanan" yang dimaksudkan oleh pengarang buku "Ke mana USNO itu?" itu juga amat sukar

untuk diterima oleh rakyat. Dan Rakyat tidak akan menganggap bahawa rancangan pembangunan yang telah dan sedang dijalankan sekarang (sama ada yang dibiayai oleh kerajaan pusat atau kerajaan kerajaan negeri) sebagai satu pengorbanan dan jasa pemimpin parti BERJAYA kepada rakyat Sabah.

Perkataan atau kalimat "pengorbanan dan berjasa" itu tidak seharusnya dikaitkan dengan khidmat dan tugas para menteri kita. Kerana mereka telahpun dibayar gaji dan elaun yang lebih dari cukup untuk menjalankan tugas dan tanggung-jawab mereka terhadap rakyat.

Kalau En. Yahya menganggap bahawa rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan parti BERJAYA dalam tempoh tiga tahun itu sebagai satu pengorbanan dari pemimpin-pemimpin parti itu kepada rakyat dan negeri, maka beliau juga harus mengakui pengorbanan para pemimpin USNO yang pernah menguasai selama 13 tahun.

Kerana kerajaan negeri yang dikuasai oleh USNO/SCA dulu juga, telah melancarkan beberapa projek pembangunan untuk rakyat Sabah. Dan kalau mengikut teori En. Yahya Ismail yang di gariskan dalam buku "KE MANA USNO?" itu, maka pemimpin-pemimpin USNO dan sekutunya juga berhak mendapat pemberian kawasan kayu balak dan segala kemudahan lainnya-mengikut kadar masing-masing.

Dalam keadaan seperti sekarang ini, agak sukar bagi seseorang pemimpin rakyat yang jujur untuk memiliki sebuah rumah banglo yang indah dan memakai jam tangan yang berharga lebih dari dua puluh lima ribu ringgit dalam tempoh yang begitu singkat kalau sekiranya pemimpin itu tidak mendapat bahagian dalam pemberian kawasan kayu-balak dan peluang-peluang lain dari kerajaan negeri.

Dengan kata-kata lain bahawa kekayaan yang didapati dan dimiliki oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dan sanak saudara mereka sekarang ini ialah kerana adanya amalan-amalan pilih-kasih dan nipotism dalam kerajaan parti BERJAYA. Dan jelaslah sekarang ini bahawa para menteri dan pemimpin parti BERJAYA telah melakukan amalan-amalan

yang pernah mereka tuduh pemimpin-pemimpin USNO lakukan dulu.

Walaupun soal pembelian jam tangan yang berharga dua puluh lima ribu ringgit itu, merupakan satu soal yang remeh dan kecil yang tidak harus dipersoalkan di sini. Tetapi bagi rakyat yang kritis dan mempunyai kesedaran politik akan dapat mengukur dan menilai sejauh manakah kejujuran pemimpin-pemimpin parti BERJAYA terhadap rakyat Sabah.

Dan pada ghalibnya, bila seorang hamba Allah itu sudah mampu dan sanggup membeli sebuah jam tangan yang berharga dua puluh lima ribu ringgit, maka sudah tentu dia mampu dan sanggup pula membina sebuah rumah yang bernilai sejuta ringgit atau lebih dari itu.

Ini satu perbandingan yang lojik dan yang dapat diterima oleh semua golongan yang mahu mengakui hakikat dan kebenaran. Oleh sebab itu, bila En. Yahya Ismail mengakui adanya pembesar-pembesar parti BERJAYA yang memakai jam tangan yang berharga dua puluh lima ribu ringgit, maka terbayanglah di fikiran rakyat jumlah harta kekayaan para menteri dan pemimpin parti BERJAYA yang sebenarnya.

Kira-kira dua tahun sebelum penubuhan parti BERJAYA, sebahagian dari rakyat Sabah mulai memperkatakan soal penyelewengan yang berlaku dalam kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh Tun Mustapha bin Datu Harun.

Pemimpin-pemimpin USNO di peringkat cawangan dan bahagian pada ketika itu telahpun menyedari adanya rasa tidak puas hati di kalangan rakyat mengenai pembahagian kawasan kayu-balak yang hanya dibolot oleh para Menteri dan tokoh-tokoh USNO yang rapat dengan menteri menteri yang berkenaan sahaja.

Tokoh-tokoh USNO yang tidak banyak mendapat nikmat dari pembahagian kawasan kayu balak dari kerajaan negeri telah mula membuat kecaman secara terbuka kepada pucuk pimpinan USNO. Sementara itu pula penyokong-penyokong USNO di kampung-kampung yang nama mereka telah digunakan oleh pemimpin-pemimpin USNO di peringkat bahagian untuk men-

dapatkan kawasan kayu balak "di atas nama Syarikat-kerjasama," dan sebagainya telah mulai meragui kejujuran pemimpin-pemimpin yang mereka hormati selama ini.

Jumlah kawasan kayu-balak yang dimiliki oleh tiap-tiap saorang menteri dan sanak saudara mereka melalui saluran politik dan kesah mengenai pemimpin-pemimpin USNO berlagak sebagai "jutawan-jutawan baru" di Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan Singapura telah menjadi satu topik perbualan rakyat yang paling menarik pada ketika itu.

Tetapi oleh kerana tidak ada kebebasan bersuara di Sabah pada ketika itu, maka rakyat tidak dapat meyuarkan pendapat mereka secara bebas dan terbuka. Dan kerajaan dapat mengawal dan membendung perasaan rakyat.

Selepas penubuhan parti BERJAYA dan sesudah "kuasa luar biasa" yang diberi kepada Tun Mustapha (kuasa menahan musuh-musuh politiknya tanpa perbicaraan) itu ditarik balik, maka rakyat Sabah sudah mulai menikmati kebebasan bersuara, bercakap dan menulis.

Dan kesempatan inilah yang digunakan oleh pemimpin parti BERJAYA untuk menjadi pembela kepada golongan yang tidak mendapat nikmat dari pembahagian kawasan kayu-balak dan sebagainya.

Isu-isu yang digunakan oleh parti BERJAYA untuk mendapat sokongan orang ramai ialah tentang pemborosan wang rakyat, menyalahgunakan kuasa dan menggunakan kuasa politik untuk kepentingan peribadi dan sanak saudara mereka.


Inilah modal dan senjata parti BERJAYA yang telah digunakan untuk menewaskan USNO dalam pilihanraya lalu. Dan isu-isu tersebut, tidak boleh digunakan lagi dalam pilihanraya yang akan datang.

Sungguh malang lagi pemimpin-pemimpin parti BERJAYA kerana mereka tidak mahu mempelajari kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh USNO/SCA dulu. Tetapi sebaliknya pula, pemimpin-pemimpin parti BERJAYA telah mengulangi kesalahan dan kesilapan yang sama (repeat same mistakes) yang pernah dibuat oleh pemimpin-pemimpin

USNO dalam zaman gemilangnya dulu.

Agak sukar bagi Datuk Harris dan rakan-rakannya untuk menolak tuduhan Tan Sri Said yang mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin Parti BERJAYA sendiri telah melakukan amalan-amalan yang mereka tuduh USNO lakukan dulu.

Dan rakyat Sabah akan membuat perhitungannya sendiri sama ada benar atau tidaknya, pemimpin parti BERJAYA hari ini telah melakukan penyelewengan sebagaimana yang pernah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin USNO dulu. Tetapi kalau tidak kena cara dan gayanya, mungkin "senjata akan menikam tuannya sendiri."



PEMBANGUNAN TIDAK MENJAMIN KEMENANGAN BERJAYA

OLEH kerana senjata yang digunakan oleh parti BERJAYA dalam pilihanraya lalu, sudah tidak boleh digunakan lagi dalam pilihanraya ini, maka pemimpin pemimpin parti BERJAYA terpaksa mencari modal dan senjata baru untuk menghadapi USNO, PASOK dan SCCP dalam pilihanraya yang akan datang.

Sebagai sebuah parti yang memerintah, BERJAYA akan menggunakan rancangan pembangunan yang telah dan sedang dilaksanakan itu sebagai senjata dan modal baru untuk menghancurkan pengaruh parti parti pembangkang di Sabah. Para menteri kerajaan BERJAYA sekarang lebih banyak menonjolkan soal pembangunan daripada soal soal lain bila mereka menemui rakyat.

Pemimpin pemimpin parti BERJAYA sekarang ini sedang cuba hendak meyakinkan rakyat bahawa hanya kerajaan parti BERJAYA sahaja yang mampu dan berupaya untuk membangunkan Sabah. Dan mengikut anggapan mereka tanpa kerajaan yang ada hari ini, maka rakyat Sabah belum mengenal pembangunan dalam erti kata yang sebenarnya.

Dalam satu pertemuan dengan wartawan majalah SARINA, (keluaran bulan September, 1980) Datuk Harris Salleh merasa begitu yakin bahawa rakyat Sabah akan dapat menilai segala

usaha kerajaan untuk menaikkan taraf hidup rakyat dikawasan luar bandar.

Beliau telah memberi jaminan bahawa kerajaan parti BERJAYA akan terus berusaha dan berikhtiar untuk menghapuskan kemiskinan rakyat dibahagian pedalaman.

“Saya sungguh sukacita, kerana rakyat menyambut baik usaha kerajaan itu, dan kerajaan parti BERJAYA akan terus berusaha sedaya upaya untuk menghapuskan kemiskinan, terutamanya dibahagian pedalaman.

Kerajaan BERJAYA telah mencapai kemajuan keperingkat yang memuaskan dalam bidang ekonomi dan sosial. Rakyat menyambut baik betapa pentingnya pembangunan untuk mereka. Malah rakyat juga mengambil peranan aktif dalam proses pembangunan.

Rakyat Sabah kini telah menyedari hakikat pembangunan dan ini dapat disaksikan dimana-mana dalam negeri. Rakyat mahu pembangunan yang lebih berfaedah serta projek yang boleh menjamin kehidupan dan pentingkan cara hidup yang baik.”

Tidak ada perkara baru yang ditimbulkan oleh Datuk Harris dalam kenyataan tersebut. Dan jaminan beliau bahawa kerajaan parti BERJAYA akan terus berusaha untuk membasmi kemiskinan, adalah satu perkara biasa sahaja dalam pergolakan politik.

Jaminan-jaminan seperti itu pada ghalibnya telah dilaungkan oleh mana-mana pemimpin parti yang memerintah bila tiba musim pilihanraya. Pemimpin-pemimpin USNO juga telah membuat jaminan yang sama bila menghadapi parti BERJAYA dalam pilihanraya yang lalu. Dan ternyata sekali bahawa jaminan seperti itu, tidak memberi apa-apa kesan kepada rakyat.

Satu hakikat yang harus kita akui bahawa rancangan pembangunan itu sendiri, sudah tidak menjadi satu “tarikan atau penawar yang mujarab lagi” kepada mana-mana parti yang memerintah. Kerana rakyat telah menyedari bahawa pelaksanaan rancangan pembangunan itu, adalah menjadi tanggong-

jawab kepada mana-mana parti yang memerintah.

Kerajaan Sabah yang dikuasai oleh USNO/SCA dulu juga telah melancarkan beberapa projek pembangunan untuk rakyat. Dan kerajaan Kelantan yang dikuasai oleh PAS selama 18 tahun itu juga telah melaksanakan beberapa rancangan pembangunan mengikut kadar kemampuannya.

Kekalahan USNO dalam pilihanraya yang lalu, bukan kerana kerajaan USNO/SCA, tidak menjalankan rancangan pembangunan dan sebagainya. Tetapi ialah kerana parti BERJAYA "telah dapat meyakinkan rakyat Sabah bahawa adanya penyelewengan dalam kerajaan Perikatan." Dan kekalahan PAS di Kelantan juga, bukan kerana soal pembangunan, tetapi ialah kerana Datuk Mohammad Nasir telah berjaya "mendedahkan adanya segolongan pemimpin PAS yang telah menyalahgunakan kuasa" selama parti itu berkuasa di Kelantan.

Walaupun rancangan pembangunan telah dilaksanakan di Kelantan, tetapi kerajaan "Barisan Nasional - BERJASA" tidak akan selamat kalau sekiranya PAS dapat membuktikan kepada rakyat Kelantan bahawa pemimpin kedua-dua buah parti itu telah menyalahgunakan kuasa mereka setelah mendapat dari rakyat.

Rancangan pembangunan yang telah dan sedang dilancarkan di Sabah sekarang ini, tidak akan dapat menjamin kemenangan parti BERJAYA dalam pilihanraya yang akan datang bila pemimpin-pemimpin USNO dapat membuktikan kepada rakyat bahawa para menteri dan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA juga telah melakukan amalan-amalan yang pernah mereka tuduh USNO lakukan dulu.

Kemenangan parti BERJAYA dalam pilihan lalu, bukan kerana tidak ada rancangan pembangunan di Sabah pada ketika itu, tetapi ialah kerana rakyat benar-benar menghendaki sebuah kerajaan yang bersih dari sebarang penyelewengan sebagaimana yang dijanjikan oleh parti BERJAYA.

Rakyat akan menjadi hakim, sama ada kerajaan yang wujud hari ini, benar-benar merupakan sebuah kerajaan yang bersih dari sebarang penyelewengan atau sebaliknya! Pengundi-

pengundi sekarang ini sedang membuat perbandingan tentang kekayaan yang dimiliki oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA (Datuk Harris dikecualikan kerana beliau mendapat kekayaan dalam zaman USNO) dengan pemimpin-pemimpin USNO. (Tun Mustapha juga dikecualikan).

Rakyat mungkin akan dapat memaafkan kalau didapati menteri menteri USNO dan para pemimpinnya lebih kaya dari pemimpin-pemimpin parti BERJAYA kerana mereka telah berkuasa selama hampir tiga belas tahun. Dan mereka (pemimpin-pemimpin USNO) telahpun menerima hukuman dari rakyat.

Tetapi sebaliknya, rakyat tidak akan dapat memaafkan kalau sekiranya didapati para pemimpin parti BERJAYA "lebih kaya dari pemimpin-pemimpin USNO" kerana mereka berkuasa hanya baru lima tahun sahaja. Sedangkan mereka telah berjanji dan berikrar dengan rakyat tidak akan menggunakan jawatan dan kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi.

Kalau dalam pilihanraya lalu, rakyat telah menghukum pemimpin-pemimpin USNO (menolak USNO) kerana dikatakan telah menyalah-gunakan kuasa, maka tidak mustahil rakyat Sabah akan menghukum pemimpin-pemimpin parti BERJAYA pula dalam pilihanraya ini. Kerana mereka bukan sahaja tidak menunaikan janji terhadap rakyat, tetapi juga telah menyalah-gunakan kuasa mereka.

Kalau kekalahan USNO di Sabah dikatakan sama dengan kekalahan PAS di Kelantan, maka suasana politik di Sabah juga sama dengan suasana politik di Kelantan. Setakat ini, rancangan pembangunan raksaksa yang telah dan sedang dilancarkan di Kelantan, tidak dapat menghalang kegiatan pemimpin-pemimpin PAS meneruskan perjuangan mereka dinegeri itu.

Sambutan rakyat Kelantan terhadap PAS, 10 kali ganda lebih hebat dari zaman PAS berkuasa dulu. Dan saya telah diberitahu bahawa betapa sulit dan sukarnya bagi penceramah-penceramah PAS untuk mendapat tempat bagi mengadakan majlis ceramah dalam pilihanraya negeri tempoh hari.

Tetapi keadaan yang wujud di Kelantan sekarang, amat jauh bezanya dengan apa yang telah berlaku dalam musim

pilihanraya dulu. Pemimpin-pemimpin PAS hari ini, tidak perlu lagi bersusah payah untuk mencari tempat bagi mengadakan perjumpaan atau majlis ceramah dikampung-kampung kerana rakyat sendiri mengambil inisiatif mengundang tokoh-tokoh PAS berceramah dikawasan mereka.

Jumlah kehadiran orang ramai dimajlis-majlis ceramah dimana Datuk Asri dan para pemimpin lainnya berucap, telah melebihi angka 10,000 orang. Dan inilah gambaran yang sebenarnya mengenai perkembangan-perkembangan yang berlaku di Kelantan sejak Barisan dan BERJASA telah mengambil alih pentadbiran negeri itu dari PAS.

Pemimpin-pemimpin UMNO (Barisan Nasional) dan BERJASA sudah mulai cemas dengan keadaan yang wujud di Kelantan sekarang. Dan pihak UMNO dengan kerjasama BERJASA telah cuba hendak menyerang balas gerakan PAS itu melalui majlis-majlis ceramah, tetapi percubaan itu, terpaksa dibatalkan kerana tidak mendapat sambutan yang sewajarnya dari rakyat.

Begitu juga halnya di Sabah. Rancangan pembangunan yang sering dilaung-laungkan oleh Datuk Harris Salleh dan rakan-rakannya, tidak dapat menghalang USNO meluaskan pengaruh dikalangan rakyat Sabah.

Sambutan rakyat terhadap lawatan Tun Mustapha, Tan Sri Said, Datuk Sakaran Dandai dan Datuk Dzulkifli Hamid ke-kawasan luar bandar, lebih hebat dan meriah dari zaman pemerintahan USNO dulu. Majlis majlis ceramah anjuran USNO telah mendapat sambutan yang luar biasa dari semua lapisan masyarakat.

Perubahan sikap rakyat terhadap parti yang memerintah bukan sahaja telah menyulitkan kedudukan UMNO-BERJASA di Kelantan, tetapi juga telah mencemaskan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA di Sabah.

Datuk Pengeran Othman Rauf, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan merangkap Ketua Pergerakan Pemuda BERJAYA dalam lawatannya ke Papar pada awal bulan Disember lalu telah menuduh adanya golongan yang tertentu yang cuba menghasut rakyat supaya memboikot semua perjumpaan dimana para

Menteri Kerajaan akan berucap.

Tuduhan itu dibuat setelah beliau dapati bahawa semua majlis ceramah anjuran parti BERJAYA, tidak mendapat sambutan yang sewajarnya dari rakyat. Pemimpin-pemimpin parti BERJAYA sekarang ini, cuba mengelakkan daripada menghadiri sebarang perjumpaan ditempat yang sama dimana pemimpin-pemimpin USNO juga akan berucap disitu.

Dalam satu peristiwa, Timbalan Ketua Menteri, Datuk James Ongkili terpaksa membatalkan lawatannya ke Mengkabong, Tuaran pada pagi 5 hb. Disember lalu bila beliau diberitahu bahawa Tan Sri Said dan rombongannya akan berucap disitu juga pada sebelah petangnya. Beliau hanya memerintahkan Setiausaha politiknya sahaja untuk menyampaikan ucapannya diperjumpaan tersebut.

Timbalan Ketua Menteri itu menyedari bahawa Tan Sri Said dan rombongannya akan mendapat sambutan yang meriah dari penduduk-penduduk kampung Mangkabong itu. Dan beliau khuatir takut-takut kalau, penduduk-penduduk disitu tidak memberi sambutan yang meriah sebagaimana yang telah diberikan kepada rombongan Tan Sri Said.

Dan demi untuk menjaga nama baiknya, dan juga moral parti BERJAYA, maka lebih baik beliau tidak menghadiri perjumpaan itu. Apa yang dikhuatirkan oleh Datuk James Ongkili itu, benar-benar telah menjadi kenyataan.

Hanya, kira-kira 100 orang sahaja penduduk-penduduk kampung nelayan itu (Mangkabong) yang menunggu ketibaan Datuk James Ongkili (tetapi yang hadir ialah Setiausaha politiknya sahaja) tetapi sebaliknya pula, kira-kira 600 orang lebih penduduk-penduduk kampung itu menunggu ketibaan Tan Sri Said dan rombongannya. Sedangkan kaum nelayan disitu, telahpun mendapat segala kemudahan dari kerajaan parti BERJAYA.

Ucapan para Menteri kerajaan parti BERJAYA yang menggembar-gemburkan rancangan pembangunan yang dilaksanakan selama parti itu berkuasa, telah tidak mendapat perhatian rakyat lagi. Maka oleh sebab itulah, majlis-majlis

ceramah dan perjumpaan-perjumpaan yang dianjurkan oleh parti BERJAYA, tidak mendapat sambutan dari orang ramai.

Apa yang menarik perhatian rakyat sekarang ialah ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin USNO yang mendedahkan penyelewengan yang berlaku dalam kerajaan negeri, dan kesah-kesah mengenai jumlah kawasan kayu-balak yang dibolot oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dan sanak saudara mereka dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Sebagai sebuah parti pembangkang yang ulung, USNO mempunyai banyak modal dan senjata untuk menumbangkan parti BERJAYA dalam pilihanraya ini. Dan mungkin senjata yang akan digunakan oleh USNO itu, tidak akan berkesan kalau sekiranya pemimpin-pemimpin parti BERJAYA dapat membuktikan kepada rakyat bahawa mereka tidak melakukan amalan-amalan yang pernah dilakukan oleh sebahagian pemimpin-pemimpin USNO dulu.

Tetapi dalam keadaan seperti sekarang ini, adalah sukar bagi parti BERJAYA untuk mengelakkan tuduhan-tuduhan dari parti-parti lawan. Kerana jumlah harta kekayaan yang dimiliki oleh para Menteri dan pemimpin parti BERJAYA, telah tercatat dalam dairi pemimpin-pemimpin USNO.

Catitan-catitan itu akan didedahkan kepada rakyat melalui tulisan dan lisan bila tiba saat dan ketikanya nanti. Dan jelaslah sekarang bahawa para Menteri Kerajaan parti BERJAYA sedang menghadapi masalah yang sama yang pernah dihadapi oleh pemimpin-pemimpin USNO dalam pilihanraya yang lalu.

Kenyataan kenyataan Datuk Harris Salleh yang mengatakan bahawa Sabah telah mencapai kemajuan yang pesat dalam zaman pemerintahan parti BERJAYA, tidak akan dapat menyelamatkan kedudukan rakan-rakannya dalam kabinet dan juga dalam kawasan-kawasan pilihanraya negeri yang diwakili oleh tokoh-tokoh parti BERJAYA.

Pada keseluruhannya, kaum bumiputera di Sabah sudah mulai merasa terancam bila "Hak keistimewaannya yang mereka nikmati selama ini telah dimansuhkan oleh sebuah kerajaan yang didukung oleh parti politik yang memperjuangkan kepen-

tingan semua kaum (parti BERJAYA). Dalam zaman pemerintahan USNO/SCA dulu, kaum bumiputera (khususnya yang beragama Islam) telah banyak mendapat keistimewaan, terutama sekali dalam bidang pelajaran, pentadbiran, ekonomi (pembalakan dan pertanian) dan sebagainya.

Tetapi dalam zaman pemerintahan BERJAYA sekarang, semua rakyat tanpa mengira usul asal keturunan telah mendapat hak yang sama. Dan rakyat yang bukan bumiputera berhak mendapat kawasan kayu balak, memiliki tanah dan sebagainya.

Kalau dulu, pengusaha pengusaha kayu balak tempatan (orang-orang China) terpaksa mengeluarkan wang berpuluh ribu, bahkan beratus ribu ringgit untuk mendapatkan surat "Approval" kawasan kayu-balak dari seorang penyokong USNO di daerah pendalaman. Tetapi kini, surat approval dari kaum bumi itu (sama ada dari penyokong parti BERJAYA atau USNO) sudah tidak laku lagi, kerana orang orang China juga berhak mendapat kawasan kayu balak sebagaimana yang didapati oleh kaum bumi selama ini.

Inilah perbezaan yang terdapat diantara pemerintahan parti BERJAYA dengan pemerintahan USNO/SCA dulu. Walaupun, pemimpin pemimpin parti BERJAYA masih bercakap dan mendakwa tentang kepentingan dan keistimewaan kaum bumiputera, tetapi pada amalannya "perkara itu" sudah tidak wujud lagi.

Satu kenyataan dan hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh mana mana pihaknya bahawa sejak parti BERJAYA berkuasa, golongan kapitalis dari luar negeri telah banyak menguasai ekonomi negeri itu. Tanah tanah dan hutan simpanan yang dulunya dikhaskan kepada kaum bumi, sekarang ini sudah terlepas ketangan "golongan golongan yang tidak mendapat kemudahan dalam zaman pemerintahan USNO SCA dulu.

Dalam perjalanan saya dari Tawau ke Semporna pada 12hb. Disember lalu, saya telah diberitahu oleh Ketua Pergerakan USNO Semporna, Tuan Haji A. Razak bin Haji Palah bahawa

kira kira 75 ribu ekar tanah diantara Tawau-Semporna telah dibeli dan dimiliki oleh seorang pengusaha kayu balak yang terkenal di Sabah.

Munurut Tuan Haji A. Razak, banyak lagi kawasan tanah hutan yang telah dimiliki oleh orang orang bukan kaum bumi sejak parti BERJAYA berkuasa.

Katanya lagi, "kalau dalam zaman pemerintahan USNO dulu, jangan mimpi kaum bukan bumiputera dapat memiliki dan membeli kawasan tanah hutan sebagaimana yang berlaku dalam zaman pemerintahan BERJAYA sekarang ini.

Inilah yang dikatakan keistimewaan pemerintahan USNO/SCA dulu," ujarnya lagi.

Salah seorang Naib Presiden USNO, Datuk Sakaran bin Dandai telah mengesahkan kepada saya tentang kesah dan cerita yang dibawa oleh Ketua Pergerakan Pemuda USNO bahagian Semporna itu.

Datuk Sakaran seterusnya menjelaskan bahawa diwaktu beliau memegang jawatan Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah dulu, beliau pernah mencadangkan supaya kawasan tanah hutan itu dijadikan "kawasan simpanan" untuk penduduk penduduk pekan Semporna.

Menurut beliau, penduduk penduduk pekan Semporna akan bertambah berlipat ganda dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Dan mungkin katanya, kawasan bandar Semporna akan menjadi kawasan sesak.

"Untuk mengatasi masalah kesesakan itulah, maka saya mencadangkan supaya sebahagian dari penduduk penduduk pekan ini akan ditempatkan disekitar kawasan tanah hutan di batu 38 jalan Tawau-Semporna.

Tetapi sayang kerana kawasan tanah tersebut telah terlepas ketangan pihak orang lain," tegasnya.

Dalam lawatannya ke kawasan pilihanraya negeri (Semporna) yang diwakili selama ini, Datuk Sakaran telah mengingatkan kepada para pengundinya tentang nasib masa depan kaum bumiputera yang beragama Islam kalau sekiranya parti BERJAYA diberi mandat sekali untuk menguasai Sabah selama lima tahun

yang akan datang.

Didalam ucapan dimajlis majlis ceramah yang dianjurkan oleh penyokong penyokong USNO tempatan, beliau telah menyebut tentang peranan yang dimainkan oleh masyarakat Islam dalam perjuangan menuntut kemerdekaan melalui Malaysia.

Katanya, sejarah dapat membuktikan bahawa kaum bumiputera yang beragama Islam berada dibarisan depan dalam perjuangan untuk membebaskan Sabah dari pemerintahan British.

“Golongan yang bukan Islam dan kaum China masih teragak agak untuk menyokong gerakan kemerdekaan yang dipelopori oleh USNO. Tetapi bila hasil perjuangan USNO itu (kemerdekaan) sudah berada diambang pintu, maka semua pihak mulai mengakui mempelopori gerakan tersebut.

Berdasarkan kepada faktor sejarah itulah, maka kaum bumiputera yang beragama Islam telah mendapat perhatian dan pembelaan daripada kerajaan USNO/SCA dulu.

Tetapi keadaan yang wujud di Sabah sekarang ini, amat jauh bezanya dengan apa yang berlaku dalam zaman pemerintahan USNO dulu. Kaum bumiputera, sudah tidak mendapat keistimewaan lagi,” ujarnya.

Sebagai salah seorang anggota pengarah Yayasan Sabah, Datuk Sakaran telah memberitahu pengundi pengundinya bahawa jumlah murid murid dari kaum bumi yang mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Semenanjung dan negeri negeri lain ialah sebanyak 85 peratus.

Tetapi katanya, sejak parti BERJAYA mengambil alih pentadbiran negeri ini, jumlah murid murid dari kaum bumi yang beragama Islam mendapat biasiswa dan kemudahan kemudahan lain dari Yayasan Sabah, amat berkurangan sekali.

Dalam beberapa pertemuan dengan saya, Datuk Sakaran berkali kali menerangkan bagaimana kerajaan USNO dulu berusaha untuk menaikkan taraf kaum bumi yang beragama Islam dalam semua bidang.

Menurut beliau, dalam zaman penjajahan dulu, hanya beberapa orang sahaja orang orang Islam yang memegang jawatan

penting dalam jabatan kerajaan.

“Tetapi bila kita sudah mencapai kemerdekaan, kerajaan Perikatan (USNO-SCA) telah berusaha dan berikhtiar untuk menambahkan bilangan kaum bumi dalam semua jabatan kerajaan.

Pegawai pegawai muda yang mempunyai bakat kepimpinan dan asas asas pelajaran yang cukup telah diberi segala kemudahan untuk melanjutkan pelajaran di seberang laut, dan mereka telah diberi jawatan penting setelah tamat latihan diluar negeri.

Dengan cara inilah, kita telah berjaya menambahkan bilangan pegawai bumiputera dalam semua jabatan kerajaan. Dan dalam masa yang singkat sahaja, semua jawatan jawatan penting telah dipenuhi oleh pegawai pegawai kaum bumi.

Inilah usaha usaha yang kita telah jalankan untuk memperkuatkan kedudukan kaum bumiputera yang beragama Islam dalam semua bidang. Tetapi sebaik-baik bahaja, parti BERJAYA mengambil alih pentadbiran negeri ini, sebahagian besar dari pegawai tinggi kerajaan yang beragama Islam telah diketepikan dan diganti dengan pegawai pegawai yang bukan Islam dan bukan kaum bumi,” tegas beliau.

Ucapan ucapan, pemimpin-pemimpin USNO yang menyentuh tentang nasib masa depan kaum bumiputera dalam sebuah negeri yang dikuasai oleh parti yang tidak memperjuangkan kepentingan kaum bumi, maka sudah tentu akan mendapat perhatian dari kaum yang berkenaan.

Oleh sebab itulah, maka segala ucapan ucapan Menteri Menteri kerajaan parti BERJAYA yang menitek beratkan soal rancangan pembangunan tidak begitu mendapat perhatian dan sambutan dari rakyat, kerana rakyat sekarang ini sudah menyedari hakikat rancangan pembangunan itu.

Rakyat Malaysia (Malaya) mulai mengenal rancangan pembangunan ialah pada awal tahun 1961 bila Allahyarham Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar. Rakyat Sabah mulai menikmati rancangan pembangunan sebaik baik sahaja Sabah menyertai Malaysia pada bulan Sep-

tember tahun 1963.

Kerajaan parti Perikatan (USNO/SCA) yang berkuasa selama 13 tahun telah melaksanakan beberapa projek pembangunan diseluruh negeri. Dan hasil dari rancangan pembangunan yang telah dijalankan oleh kerajaan USNO/SCA itu telah dapat dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat.

Mengikut Tan Sri Said bahawa sebahagian besar daripada rancangan pembangunan yang dilancarkan sekarang ialah hasil dari "rancangan rancangan yang telah disusun dan dirancangan" dalam zaman pemerintahan USNO/SCA dulu.

"Tidak ada rancangan baru yang dilancarkan oleh parti BERJAYA selain dari bangunan parti BERJAYA yang berharga 40 juta ringgit dan dua panggong wayang gambar di Kota Kinabalu."

Bekas Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk Haji Ghani Gilong berkata semua jalan raya federal yang sedang dibina sekarang ialah hasil rancangan rancangan yang telah disusun dan dirancangan dalam masa beliau menjadi Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam dulu.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa rancangan pembinaan jalan raya di Sabah bermula dari zaman pemerintahan USNO/SCA. Katanya, Kerajaan Pusat telah membelanjakan hampir seribu juta ringgit untuk meyiapkan jalan jalan raya tersebut.

"Kerajaan parti BERJAYA, tidak seharusnya mendapat credit dengan pembinaan jalan raya yang dibiayai oleh kerajaan Pusat."

Saya masih ingat diwaktu mula mula saya menjijakkan kaki saya ke bumi Sabah pada pertengahan tahun 1971, tapak bangunan SINSURAN dan tapak bangunan SEGAMA KOMPLEK yang tersergam dengan bangunan yang indah itu masih lagi "merupakan lautan."

Kerajaan negeri yang dikuasai oleh USNO/SCA yang telah menimbus dan meratakan "lautan yang luas itu menjadi daratan" yang menjadi tapak kepada bangunan yang indah tersergam itu.

Sanggupkah pemimpin pemimpin parti BERJAYA, menafikan hakikat ini.

